

*pengetahuan* *ilmiah* *ilmu* *sastera*

## GANJA: DADAH, KETAGIHAN dan PENDADAHAN

satu kes studi keatas masyarakat Melayu

bandar di Kampung Mesjid Lama, Kampung Melayu

Kluang, Johor.

Jel. Sosial Kajian

Jel. Kortekslekan Kajian

Jel. Metodologi mendapati data

dan analisis/kesimpulan

mendapatkan data

J.E. Mengikuti kajian

Kajian Ilmiah bagi memenuhi sebahagian dari  
syarat-syarat peperiksaan Ijazah Muda Sastera  
dan Kepujian (B.A. Hons.) Universiti Malaya  
dalam Antropologi dan Sosiologi.

Jel. Pendakian

Jel. Penggunaan Dadah (Drug Abuse)

Jel. Subkultur

Oleh

BAB II. KAJIANSLEKANG KLUANG KAJIAN

Matrik No.18170

(BAHAGIAN DUA)

BAB III. DADAH dan PENDADAHAN dan KEGUNAAN

Jel. Dadah

J.E. Ganja (Marijuana)

Teknik Pengumpulan

Jabatan Sosiologi dan Antropologi

Universiti Malaya

December 1974.

## Kandungan

## Muka Surat

### (BAHAGIAN SATU)

BAB I PENGENALAN	1
1.1. Kepentingan Kajian	1
1.2. Tujuan dan Bidang Kajian	8
1.3. Batas Kajian	13
1.4. Latarbelakang Kajian	15
1.5. Methodologi mendapatkan data dan masaalah/kesulitan	16
1.6. Rangka konsep	30
Dadah	30
Narkotik	35
Jenis-Jenis Dadah	
Ganja (cannabis sativa)	37
Ketagihan Dadah (Drug Dependence)	40
Salah guna Dadah (Drug Abuse)	44
'Drug subculture'	46
BAB II LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN	53
2.1. Lokasi Kajian dalam Kawasan Kajian	53
( BAHAGIAN DUA )	53
BAB III DADAH dan PENDADAHAN dan KETAGIHAN	57
3.1. Dadah	57
Ganja (Marijuana)	60
Teknik Penggunaan	64

Kandungan

Muka Surat

1.1 Pendahuluan	
BAB IV PENDAHULUAN/PENGHISAP GANJA	70
4.1. Latarbelakang penghisap ganja	
Umur	74
Sex/status	76
Latarbelakang keluarga	80
4.2. Merokok dan menghisap ganja	84
4.3. Kebandaran (Urbaness) dan menghisap ganja	87
4.4. Pegangan Ugama (Religiosness) dan menghisap ganja	89
4.5. Penggunaan dadah 'legal' oleh ibu bapa	96
BAB V 'MENJADI SAORANG PENGHISAP GANJA'	100
BAB VI KESAN-KESAN SUBJEKTIF DARI MENGHISAP GANJA	111
BAB VII PENYEBARAN JUAL BELI dan PENGGUNAAN GANJA	119
BAB VIII GANJA DAN KETAGIHAN	133
KESIMPULAN	138

## BAB I: INTRODUKSI

### 1.1 Kepentingan kajian.

Masaalah dadah, ketagihan dadah dan pendedahan sesungguhnya adalah suatu manifestasi dari gejala kepincangan social. Demikian kajian membuat fokus kepada masaalah ini, masaalah yang melibatkan aspek hemat diri, pendirian dan kehidupan kaum belia terutamanya. Akan tetapi kehidupan belia ini punya saling gantungannya dengan kehidupan masyarakat, kerena "... belia adalah satu 'force', satu tenaga yang kuat untuk membina negara ataupun sebaliknya yang boleh meruntuhkan negara".

(Tun Dr. Ismail, ucapan resmi dalam Jubli Perak Gabongan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung pada 2hb. Ogos 1973. Dipetik dari 'Amanat Tun akhir Tun Dr. Ismail Dewan Masyarakat Ogos 1973).

Dadah yang selama menimbulkan bermacam-macam penyakit sosial dinegara-negara maju dan kota ~~araya~~ di Amerika dan Eropah, sekarang telahpun menular masuk kedalam masyarakat kita. Lebih bahaya lagi, kerana penyakit ketagihan dadah adalah wabak yang tidak ketara,

---

yang tidak mudah dikesan seperti mengesan penyakit-penyakit kolera, polio, atau denggi. Namun dalam jangka panjang 'wabak' dadah ini akan meruntuhkan masyarakat maju dinamis progressif.

Seperti juga penyakit-penyakit social lainnya, demikian pula dengan dadah, ada hubung kait yang erat dengan masaalah-masaalah social keseluruhannya. Ada penemuan-penemuan yang semuanya bertujuan untuk menyempurnakan kehidupan manusia telah dipersalahgunakan oleh golongan-golongan tertentu, sehingga akibat buruk tidak terkawal lagi. Sesungguhnya setiap penemuan yang cuba memberikan kebaikan dan kemudahan, misalnya ubat-ubatan, bahan-bahan bacaan, filem, juga memberikan kesan sampingan (side effect) yang biasanya menimbulkan gelaja-gelaja yang tidak sihat baik kepada masyarakat ataupun kepada individu.

Dari data-data yang diperolehi antara tahun 1969 hingga 1971 seramai 7,953 orang ditangkap kerana menyimpan dadah/memiliki dadah. Separuh daripadanya terdiri dari anak-anak muda.

---

Jadual 1a

DADAH

Jumlah Rampasan tahunan 1969 - 1971.

Jenis	1969	1970	1971	Jumlah
Pokok Ganja (batang)	1,067	4,418	5,000	10,485
Candu (lb.)	2,328	5,044	3,050	10,422
Morphine (lb.)	22	142	17	181
Ganja (lb.)	1,867	3,122	8,441	13,430
Jumlah (lb.)	4,217	8,308	11,508	24,033

Dipetik dari majalah INSAF terbitan Majlis Pegawai.

Statistik ini menunjukkan hanya dalam masa tiga tahun sahaja dadah telah berkembang dengan pesatnya dalam masyarakat Malaysia istimewa dikalangan belia. Angka-angka yang dikemukakan disini adalah yang diketahui setelah dibuat tangkapan-tangkapan dan rampasan. Berapa banyakkah jenis-jenis dadah baik yang diseludup maupun yang diproses dalam negeri, dan berapakah jumlah

penyimpan, pemilik, pekebun, penghisab dan penagih ditanah air kita ini, sudah tentunya sahaja melewati jauh dari statistik-statistik yang pernah dikemukakan baik dari rekod-rekod polis, Kastam atau Biro Narkotik Negara sendiri. Jelaslah bahawa dadah dan peminatnya semakin bertambah, sebagaimana bertambahnya penghisap rokok, bertambahnya peminat-peminat kugiran, bertambahnya bilangan murid-murid yang ciri, bertambahnya bilangan pengagor, dan bertambahnya kemalangan jalan raya, bertambah melambungnya harga-harga barang.

Sumber sejarah membuktikan bahawa dadah telah dibawa masuk secara halal kenegeri ini sejak zaman penjajahan lagi untuk tujuan-tujuan politik. Pihak penjajah British ketika itu sedar bahawa dengan khayalan dan keseronokan yang timbul akibat menghisab dadah, rakyat dapat dipermainkan dalam usaha menjalankan pemerintahan 'divide and rule'. Contohnya marijuana (ganja) pernah diimport khas dari India, dibekalkan kepada masyarakat buruh diestate-estate dan jabatan keretapi

---

guna mententeramkan hati mereka sesudah bekerja teruk pada siang hari. Keadaan yang sama juga berlaku dinegeri Cina dizaman penjajahan dulu, yang membawa kepada tercetusnya Perang Candu I, II dan III.

Apakah kemasukan dan perkembangan pusat dadah dalam masyarakat Malaysia juga dikatakan sebagai mempunyai maksud-maksud politik, atau, keadaan-keadaan yang buruk yang telah sedia ada dinegara ini yang membenarkan berkembangnya penggunaan dadah disini atau, apakah fenomena dadah yang ujud ini hanya merupakan satu daripada 'the transient fashion cults of the young' seperti juga perlakuan-perlakuan non-conformition, rebellion, delinquency dan sexual adventures yang biasa dilakui oleh seseorang dizaman mudanya, adalah soalan-soalan besar yang memerlukan pemikiran yang lebih tegas dan objective' diikuti dengan tidakan-tindakan yang wajar dalam usaha menghapuskan kegiatan dadah dan pendadahan.

Oleh kerana itu, mengharamkan kemasukan dan penjualan dadah sahaja, samalah halnya dengan menasihatkan ibu bapa mengawal dan mendidik anak-anak, tidaklah akan

---

menelurkan hasil yang kita harapkan, kiranya aspek-aspek lain tidak diperhatikan. Ini penting kerana ada saling kait yang rapat antara fenomena dadah dengan lain-lain aspek dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Oleh yang demikian, perang terhadap dadah mestilah dibuat dalam ruang lengkap dan kontek sosial yang menyeluruh. Soalnya sudahkah peperangan yang dimaksudkan berlaku, sudah berapa kajianakah telah dijalankan dan bagaimana pula hasilnya.

Masaalah dadah, ketagihan dan pendadahan adalah 'issue' yang begitu diperkatakan hebat oleh masyarakat keliling sebagaimana hebatnya juga 'issue' 'issue' keciciran, denggi, inflasi, perang, minyak dan Watergate. Dimana-mana sahaja, baik dalam akhbar, radio, majallah, maupun dalam ucapan pembesar-pembesar negama, malahan dalam khotbah-khotbah Jumaat juga soal dadah menjadi tajuk utama, dan berbagai-bagai nasehatlah terhambun supaya masyarakat tidak tercebur kedalam lembah pendadahan. Tetapi belum ada satu usahapun, baik dari pihak berwajib maupun oleh orang-orang

---

persendirian untuk menjalankan satu kajian khusus tentang masaalah ini.

Setakat yang diketahui, belum ada satupun penkajian mengenai masaalah dadah, ketagihan dan pendadahan sebagai yang pernah dijalankan, keatas masyarakat Melayu khasnya, maupun keatas masyarakat Malaysia keseluruhannya. Kajian mengenai aspek-aspek dan fenomena-fenomena tertentu didalam masyarakat Melayu/Malaysia telah begitu banyak dijalankan. Namun demikian soal dadah masih terbiar dan terlepas dari mendapat perhatian. Jadi dalam usaha mengisi ruang yang belum pernah terisi, maka kajian ini dijalankan. Guna memberikan pemahaman dan penghuraian yang lebih terang dan lanjut mengenai dadah, ketagihan dan pendadahan dinegara ini, kajian lebih mementingkan dan menekankan 'finding-finding' dari kajian studi kes yang dijalankan keatas masyarakat Melayu bandar di Kluang Johor, tanpa mengenepikan bacaan-bacaan umum, rekod-rekod, yang pernah ada dalam masyarakat kita, juga tidak memperkecilkan hasil-hasil tulisan dan kajian-kajian yang sama sebagai dijalankan oleh pengkaji/penulis Barat dikawasan-kawasan mereka.

---

## 1.2 Tujuan kajian.

Dadah, ketagihan dan pendadahan dalam masyarakat Melayu bandar dibandar Kluang, Johor adalah tajuk kajian, juga menjadi tujuan utama kajian ini dijalankan. Keseluruhan kajian adalah tertumpu kekawasan Kampung Mesjid Lama, salah satu penempatan orang-orang Melayu dibandar tersebut, yang diketahui sebagai menjadi kawasan bergiatnya kegiatan-kegiatan pendadahan.

Untuk memenuhi maksud utama tadi kajian cuba membuat tinjauan-tinjauan dan pemeriksaan keatas kegiatan-kegiatan pendadahan iaitu kegiatan-kegiatan yang bersangkutan dengan penyebaran (trafficking), penjualan-pembelian (pasaran), penggunaan dadah (juga teknik menggunakan). Meneliti peranan yang dimainkan oleh 'Syndicate-syndicate' terlibat, juga norma-norma yang bersangkutan dengan aktiviti 'illegal' itu.

Bercakap tentang norma, kajian juga ingin melihat sahada terdapatnya, ujudnya apa yang dipanggil sebagai drug subculture, atau lebih tepat lagi marijuana

sub-culture dikalangan pengguna-pengguna dadah dikawasan terlibat, bahawa dikalangan pengguna-pengguna dadah (ganja terutamanya) ini terdapat semacam nilai dan norma-norma perlakuan yang tersendiri yang diikuti oleh mereka, yang samasekali bertentangan atau sekurang-kurangnya bergeseran dengan nilai dan norma-norma perlakuan yang didokong oleh masyarakat yang lebih besar, dalam masyarakat mana pengguna-pengguna dadah itu berada.

Disamping memberikan huraian-huraian mengenai kegiatan-kegiatan pendadahan tadi, kajian juga cuba melihat persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat diantara fenomena pendadahan dikawasan terlibat dengan fenomena pendadahan sebagai yang pernah ditunjukkan oleh pengkaji-pengkaji yang menjalankan pengkajian atas tajuk yang sama dinegara-negara maju, di Amerika Syarikat khasnya. Perbandingan ini sengaja pengkaji aturkan atas pentimbangan bahawa belum ada satu kajianpun mengenai dadah dan pendadahan sebagai pernah dijalankan dinegara ini, yang dapat (sekurang-kurangnya) menjadi panduan bagi kajian untuk melihat fenomena pendadahan di Malaysia.

---

Bersangkutan dengan dadah (variasi dan jenis-jenisnya), kajian bertujuan untuk cuba mengesan dan meninjau semua jenis dadah yang penggunaannya sebagai didapati dalam masyarakat yang dikaji. Tetapi berdasarkan kepada data-data dan statistik-statistik yang pernah dikemukakan oleh Biro Narkotik Negara, Majlis Peguam, Polis dan Kastam, juga dari tinjuan awal yang dibuat di kawasan kajian, didapati penggunaan dadah Cannabis (ganja) adalah jauh lebih besar dari penggunaan dadah-dadah lain seperti morphine, heroin, mandrax dan candu. Tanpa mengene pikan semua jenis dadah yang dikesan sebagai digunakan di kawasan terlibat, kajian membuat penumpuan dan fokus yang lebih keatas dadah cannabis (ganja).

Selain dari dadah dan pendadahan, apa yang lebih menarik perhatian kajian ialah pendadah itu sendiri, orang yang menggunakan dadah itu, juga sikap orang-orang yang bukan pendadah terhadap golongan manusia itu. Bila orang ramai menggelarnya sebagai pendadah, pemadat, Polis dan hakim menuduhnya sebagai penjenayah,

---

doktor menuduhnya sebagai sakit, maka jelaslah bahawa golongan pendadah ini adalah golongan manusia yang istimewa dan harus diketahui dan diberi perhatian yang wajar.

Membuat penumpuan kepada manusia pendadah ini, kajian cuba memerhatikan latar belakang umum (seperti umur, sex, status (bujang-kahwin), latarbelakang ekonomi keluarga) dan lain-lain umum yang terdapat pada manusia ini. Dengan cara ini dapatlah (dikirakan) data-data yang diperolehi nanti memberikan sumbangan memenuhi maksud kajian untuk mengetahui faktor-faktor latar belakang asas dan sociobudaya yang dapat dianggap sebagai mempengaruhi manusia-manunis ini untuk terlibat (baik secara langsung atau tidak langsung) kedalam aktiviti pendadahan, terutamanya menghisap ganja.

Kesan-kesan (effects) dari penggunaan dadah, penggunaan ganja khususnya, adalah penting untuk diteliti dan dibincangkan kerana masih terdapat saling percanggahan fakta sebagai yang pernah diberikan oleh pengkaji-pengkaji mengenai kesan-kesan dadah tersebut (ganja), terutamanya

---

selepas penerbitan Laporan Wootton (1969). Jadi kajian ingin mengemukakan satu senarai kesan-kesan (effects) ganja yang majoriti dirasai oleh majoriti penghisap-penghisap ganja.

Memperkatakan soal 'menjadi panghisap ganja (Turning On) - proses beralihnya seseorang itu dari bukan pengguna kepada pengguna dadah, kajian cuba membuat perhatian kepada faktor-faktor yang menyebabkan seseorang 'non-user' menjadi penghisap ganja.

Soal mengkatagarisasikan ganja sebagai dadah dan soal mengolongkannya kedalam kelas dadah-dadah merbahaya (narkotik) adalah soal-soal yang masih menjadi pendebatan hangat dikalangan pemerhati dan pengkaji masaalah dadah. Perkara yang penting hingga dadah dipersoalkan begitu hebat sehingga ia dikatakan merbahaya ialah sifat memberikan ketagihan (addicting). Tetapi mengikut beberapa sumber ada mengatakan bahawa ganja bukanlah dadah (Goode 1972) dan bukan narkotik (Ford 1969). Kerana ganja (cannabis) adalah 'non-addicting' drug (Craneer et al 1969). Bersangkutan dengan soal ini kajian juga bertujuan membuat perhatian samada

ganja dapat membuatkan penghisap-penghisapnya ketagih atau tidak.

### 1.3 Batas Kajian.

Kajian ini adalah satu studi kes (case study) keatas dadah, ketagihan dan pendadahan dalam masyarakat Melayu bandar di bandar Kluang. Jadi sebarang keputusan dan kesimpulan yang dibuat adalah berdasarkan kepada 'finding' dari kajian yang dijalankan.

Begitu juga dengan kenyataan-kenyataan yang dituliskan adalah kenyataan-kenyataan yang diperolehi dari 33 orang penghisap ganja dari kawasan kajian.

Walaupun kajian ada membuat perbandingan-perbandingan antara fenomena-fenomena dadah dinegeri-negeri lain (khususnya Amerika Syarikat) sebagai yang pernah disebutkan oleh penulis-penulis, pengkaji-pengkaji sana, dengan fenomena-fenomena dadah sebagai yang terdapat dikawasan kajian, bukanlah tujuan kajian untuk membuat satu 'general generalization' kepada fenomena-fenomena dadah keseluruhannya. Kajian hanya

---

terbatas kepada memberikan penguraian-penguraian kepada fenomena-fenomena dadah sebagai yang terdapat dikawasan kajian dan cuba memperlihatkan perbezaan-perbezaan atau persamaan-persamaannya dengan fenomena-fenomena dadah di negeri-negeri lain.

Kajian juga tidak bermaksud membentuk satu kenyataan yang umum tentang seluruh fenomena-fenomena dadah sebagai yang terdapat di Malaysia, kerana kajian menyedari bahawa kawasan kajian adalah salah satu dari banyak lagi kawasan-kawasan bergiatnya aktiviti pendadahan, yang masing-masing punya latar belakang, ras pendadahan dan lain-lain lagi yang saling berlainan. Juga jumlah 33 orang penghisap ganja dan pendadahan yang ditemui tidaklah dapat mewakili seluruh pengguna-pengguna dadah di Malaysia.

Bila saya membuat kajian dan menulis tentang dadah, sudah tentunya saya akan ditanya samada saya ada menggunakan dadah, menghisap ganja misalnya, atau tidak.

Jika pengkaji/penulis sendiri telah menghisap ganja, sudah tentunya dia akan menerima kecaman-kecaman

yang haibat dan dikutuk. Dan jika pengkaji-pengkaji tidak menghisap, maka ada pembaca yang berpendapat bahawa pengkaji tidak dapat membuat penyataan-penyataan yang tepat, khususnya dalam membincarakan kesan-kesan yang dirasai dari menghisap ganja. Walaupun apa pendapat-pendapat lain yang mungkin dikemukakan, penyataan-penyataan yang diperolehi oleh kajian adalah 'finding', bukan pengalaman. Kerana saya bukanlah penghisap ganja dan 'never' menghisapnya.

#### 1.4 Latar belakang Kajian.

Belum ada satupun kajian mengenai dadah, ketagihan dan pendadahan sebagai yang pernah dijalankan dinegara ini. Jadi kajian hanya berpandukan kepada tulisan-tulisan mengenai dadah yang umumnya berlatar belakangkan masyarakat Barat. Biarpun begitu kajian tidak mengambil bulat-bulat hasil tulisan-tulisan tadi untuk dijadikan landasan kajian. Tetapi lebih memerhatikan kepada kenyataan-kenyataan yang dianggap sebagai mempunyai tingkat general generalisasi yang tinggi dari tulisan-tulisan tadi. Kajian juga membuat pemilihan kepada

---

kenyataan dari tulisan-tulisan tadi, yang didapati 'relevant' dengan suasana dan fenomena dikawasan kajian. Juga kajian membuat modifikasi keatas kenyataan dari tulisan-tulisan Barat itu, untuk sisesuaikan dengan keadaan kajian di Malaysia.

#### 1.5 Methodologi kaedah mendapatkan data dan kesulitan mendapatkan data.

Sebagai satu studi kes dipertempatan orang Melayu kawasan bandaran-bandaran seperti juga ahli-ahli sosiologi yang lain, kajian menggunakan 'survey research' yang mengambil 'sampling' dari pada orang-orang yang berkenaan dikawasan yang terlibat. Dalam sampling pula kajian menggunakan random sampling mengikut dasar yang difikirkan sesuai oleh pengkaji sendiri.

Dalam mendapatkan maklumat, data dan keterangan keterangan, kajian telah membahagikan informant-informant sebagai terbahagi kepada dua golongan informant, dimana masing-masing golongan diberikan soalan atau rangka soalan dan method-method yang berlainan bagi mendapatkan keterangan maklumat dari mereka.

Golongan informant yang pertama ialah golongan 'non-user' (mereka-mereka yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dadah) yang terdiri daripada kaum ibu bapa, pemuda-pemudi dikawasan yang terlibat. Kepada golongan ini kajian menggunakan method mendapatkan data dengan mengadakan temuduga-temuduga. Dalam mengadakan temuduga-temuduga, kajian telah menyediakan 'questionare', dengan berjenis-jenis 'question' telah digunakan, baik 'open end' maupun 'close end question' dalam mendapatkan keterangan-keterangan yang lebih terperinci.

Maklumat-maklumat adalah diperolehi dari temuduga secara 'formal' dengan berpandukan kepada 'questionare' yang telah disediakan dan dibawa bersama-sama semasa temuduga tersebut dijalankan.

Untuk mendapatkan keterangan-keterangan dan maklumat-maklumat yang lebih terperinci, kajian tidak sahaja bergantung kepada temuduga formal yang menggunakan questionare, tetapi juga melalui perbualan perbualan dengan informant-informant tersebut. Kajian

---

tidak menggunakan 'informal interview' (mengajukan soalan-soalan kepada informant dalam perbualan-perbualan yang dijalankan) kerana kaedah ini difikirkan sebagai mengulangi keadaan-keadaan ketidak sempurnaan yang terdapat dalam formal interview.

Data-data yang dipungut melalui temuduga 'formal' dijalankan dari rumah kerumah. Biasanya setelah selesai 'formal interview' dijalankan, informant-informant akan terus berbual dan bercerita tentang tajuk kajian. Dari percakapan-percakapan informant inilah kajian dapat (dirasakan) melengkapi kekurangan-kekurangan yang terdapat pada maklumat-maklumat yang didapati melalui 'formal interview' tadi.

53 orang telah dipilih bagi mewakili golongan non-user sebagai informant, terdiri dari pada 20 orang kaum ibu bapa dan 33 orang penuda-pemudi dari kawasan kajian dijalankan. 33 orang pemuda-pemudi yang dipilih, pemilihan didasarkan kepada pertimbangan bahawa mereka bukanlah perokok.

---

Sesungguhnya kajian tidak bermaksud untuk mengkaji golongan informant 'non-user' ini dengan lebih mendalam, tetapi kajian tidak pula memperkecilkan kepentingan golongan informant ini kerana, selain dari tujuan mendapatkan keterangan-keterangan lanjut, yang seterusnya diharapkan dapat memberikan sumbangan untuk memenuhi kekurangan-kekurangan dan melengkapi gambaran-gambaran kepada fenomena dadah dan pendadahan yang ujud dikawasan mereka, adalah menjadi tujuan kajian menggunakan golongan non-user tadi seolah-olah sebagai 'kelompok kawalan' (Control group). Dikatakan hanya 'seolah-olah' 'control group'. Kerana istilah 'Control group' difikirkan sebagai tidak tepat untuk kajian ini, sebab, kajian tidak memberikan sebarang jangka dan rangka rancangan kawalan sebagai yang biasa dijalankan dalam kajian tertentu. Jadi 'Control group' dalam kontek kajian ini ialah golongan yang dapat dijadikan seolah-olah 'standard' untuk dapat dibandingkan dengan satu lagi golongan yang menjadi tulang belakang dan fokus kajian - golongan 'user' yang dianggap seolah-olah sebagai 'kelompok cubaan (experiment group), iaitu dengan 'seolah-olah' yang sama seperti kajian maksudkan dengan 'Control group' tadi.

---

Sebenarnya, penggolongan informant-informant kepada dua golongan-golongan 'user' sebagai 'experiment group' dan golongan non-user sebagai 'control group' adalah penggolongan yang sengaja dibuat bagi memudahkan kajian untuk membuat analisa keatas golongan 'user' (iaitu analisa keatas maklumat-maklumat yang terhasil dari perbandingan yang dibuat antara maklumat oleh 'user' dengan maklumat-maklumat oleh 'non-user') bagi memenuhi tujuan kajian untuk meninjau dan mengetahui latar belakang siapa-siapa dia penda dah itu.

Sedang majoriti maklumat adalah cuba diperolehi dari golongan informant yang kedua.

Golongan informant yang kedua ialah golongan 'user' (mereka-mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti dadah dan pendadahan) yang terdiri daripada penghisap-penghisab ganja, penyebar ganja (runner), wakil-wakil penjual dan 'expert' dalam kegiatan-kegiatan ini. Kepada golongan ini kajian menggunakan method 'participant observation'.

Dalam kajian dadah dan pendadahan atau lain-lain kajian penjenayahana, 'participant observation' yang digunakan bukanlah dirujukkan kepada apa yang pernah dilakukan oleh Malinowski di Trobriand atau Firth di Tikopia, tetapi dengan menggunakan berbagai bagai teknik tertentu dalam participant observation, pengkaji tidak perlu membuat 'participant' secara 'total'. 'Participant observation' yang digunakan dalam kajian ini adalah sebagai apa yang diterangkan oleh McCall dan Simons.

"Some amount of genuinely social interaction is being present to hear a lot of information talk, some direct observation of relevant events, some formal and a great deal of informal interviewing, some systematic counting, some collecting of documents and artifacts and open-endedness in the directions the studing takes" (McCall & Simons 1969 m.s.1).

Jadi apa yang saya maksudkan dengan 'participatin dalam kajian ini ialah menghadhirkan diri, bergaul rapat dengan golongan yang dimaksudkan untuk mendengar seberapa banyak perbualan-perbualan mereka, maupun

---

pengkaji sendiri turut sama-sama dalam perbualan mereka. Jadi atas maksud tadi pengkaji terpaksa menghabiskan banyak masa bercampurgaul dengan mereka sambil menantikan tajuk-tajuk perbualan mereka yang punya kaitannya (relevant) dengan maksud kajian. Hingga pada satu waktu bila pengkaji telah menjadi biasa dikalangan mereka, atau dengan lain perkataan, diterima sebagai ahli dikalangan mereka. Dimasa begini pengkaji tidak perlu lagi menantikan tajuk-tajuk perbualan mereka, malahan pengkaji sendiri membuat pertanyaan-pertanyaan serta perbualan-perbualan yang dimaksudkan, juga bisa dijalankan interview-interview formal, kerana perasaan saling curiga tidak ujud lagi diwaktu begini.

Tetapi perbualan-perbualan dan temuramah-temuramah tadi sesungguhnya belum lagi dapat memberikan maklumat-maklumat yang sesungguhnya tepat. Misalnya, kebanyakan penghisap-penghisap ganja apabila diseal, mendakwa menggunakan ganja dalam kuantiti yang jauh lebih banyak daripada yang sesungguhnya. Seorang penghisap ganja yang pengkaji kenali mendakwa ia harus selalu menghisap ganja sekurang-kurangnya dua hari sekali, tetapi setelah lama bergaul rapat dan dari apa yang pengkaji lihat dan saksikan, didapati apa yang dikatakannya

---

itu sesungguhnya tidak benar, melebih-lebih dari kenyataan yang sesungguhnya.

Langkah awal yang diambil dalam menjalankan kajian jenayah/deviant ini, dengan kaedah 'participant observation' ialah membuat hubungan (making contacts), Penjenayah/deviants adalah sukar untuk dikesan, apa lagi mau ditemui. Atas kesukaran-kesukaran begini maka cadangan-cadangan telah dianjurkan untuk 'making Contacts'. Polsky mencadangkan agar pengkaji harus sentiasa berdiri diri, perlegar-legar dikawasan mana mereka (penjenayah-penjenayah) selalu berada dan membuang masa mereka (Polsky, 1967). Ada juga penulis-penulis menganjurkan supaya mendapatkan senarai nama-nama dari rekod polis dan kemudian bertemu dengan penjenayah-penjenayah tadi.

Setakat membuat hubungan (making contact), kajian ini tidak begitu banyak menghadapi masaalah, kerana kebanyakan dari respondant dan informant dari golongan 'user' ini adalah kenalan-kenalan lama, jiran, kawan-kawan sepermainan dan bekas kawan-kawan sekolah pengkaji sendiri. Jadi apa yang pengkaji lakukan ialah memperbaharui hubungan-hubungan lama itu dengan mengadakan perhubungan-perhubungan yang kerap, bercampur gaul dan beramah mesra.

Soal dan masaalahnya yang timbul disini ialah mencari, mengetahui dan mengenali rapat orang-orang tertentu dalam golongan 'users' ini, misalnya 'expert' dan 'parker' dalam kegiatan dadah dan pendadahan, Expert sesungguhnya adalah mereka yang harus dihubungi bagi mendapatkan maklumat-maklumat utama, ketonai ... most studies of Criminology have been done through experts, in lieu of true immersion (Irwin 1972).

Irwin membuktikan bahawa tiga buah kajian jenayah terbaik iaitu "Professional Chief" of Edwin H. Sutherland, "The Big Con" dan "Whiz Mob" oleh David Maurer adalah kajian-kajian jenayah yang dijalankan melalui 'expert'. Juga sebuah kajian yang membongkar kegiatan-kegiatan Mafia atau Cosa Nostra di Amerika Syarikat dalam 'Valachi Paper' dimana Peter Maas mendapatkan maklumat-maklumat utama dari expert Joseph Valachi, tokoh penting dalam kumpulan bawah tanah tersebut.

Tiga orang expert telah ditemui untuk menolong pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat penting dan 'detail'. Pemilihan kepada 3 orang yang dikatakan expert ini adalah pemilihan yang didasarkan kepada pengalaman luas mereka

---

dalam kegiatan-kegiatan pendadahan, seperti pembahagian-pembahagian, penyebaran, penjualan (sebagai 'kaki' menurut nama yang lazim digunakan di kalangan penghisap-penghisap ganja tempatan). Tahu serba serbi tentang dadah terutamanya ganja (ketiga-tiganya mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya delapan tahun pengalaman menghisap dan menggunakan ganja, juga pernah mencuba lain dadah seperti Candu, mandrax, morphine, heroin dan LSD. Mereka juga adalah orang-orang ternama dan di 'respect' di kalangan anak-anak muda tempatan khususnya pengguna-pengguna ganja. Juga sebagai orang-orang yang dikenali di kawasan Kampung Melayu kerana mereka ini pandai bergaul, mudah mesra dan suka menolong serta membuat kebajikan. Tetapi tidak semua ketiga-tiga expert ini datang dari (tinggal) kawasan kajian. Dua orang daripadanya adalah dari Kampung Melayu atas.

Melalui method ini, kajian telah mendapatkan 33 orang penghisap ganja (termasuk seorang expert yang dikatakan diatas) sebagai informant yang kajian golongkan kedalam informant 'user', yang juga dijadikan sebagai 'experiment group' sebagai dijelaskan diatas tadi. 33 orang yang dipilih ini adalah kira 82 peratus dari jumlah seluruh pendadah (juga penghisap ganja) iaitu

---

39 orang sebagai yang diketahui (oleh pengkaji) terdapat dikawasan kajian. Pemilihan 33 orang dari 39 orang pendadah/penghisap ganja untuk diambil sebagai informant adalah pemilihan yang didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan bahawa 33 orang itu telah bergiat dan masih bergiat dalam aktiviti pendadahan (khususnya menghisap ganja) dikawasan kajian dengan mempunyai pengalaman dilapangan tersebut sekurang-kurangnya tiga tahun.

#### Masaalah Kajian.

Adalah difahami oleh semua Sociologist dan Crimonologists bahawa mengkaji satu-satu soal dan aspek jenayah secara terbuka adalah sukar dan merbahaya. Merbahaya kerana pengkaji sentiasa dicurigai baik dari pihak penjenayah maupun dari pihak yang berkuasa. Dari apa yang saya alami diawal-awal peringkat kajian, sesungguhnya dirasakan mulanya bahawa kajian ini merbahayakan diri pengkaji, ugutan-ugutan yang menggerunkan datang dari orang-orang tertentu dalam kegiatan dadah, yang merasa curiga keadaan keselamatan mereka tergugat, yang

---

menganggap pengkaji sebagai ajen polis atau ajen dari Biro Narkotik Negara.

Bersangkutan dengan kesukaran dan merbahayanya kajian seperti ini Sutherland dan Gressey berpendapat ..." is no doubt of the desirability of securing information in this way, but it is clearly limited by Consideration of practicalbility. Few individual could acquire the technique to pass as criminals; it would be necessary to engage in crime with the others if they retained a position once secured" (Sutherland & Creassey 1960 m.s. 69).

Seperti yang telah dinyatakan kajian tidak menghadapi masaalah 'making contacts' dengan mereka mereka yang terlibat dalam aktiviti pendaungan tetapi dalam usaha mendapatkan maklumat-maklumat lanjut daripada mereka, kajian menghadapi masaalah memilih maklumat-maklumat yang tepat dan benar, kerana maklumat-maklumat yang diperolehi bersangkutan dengan hal-hal

yang sama, memperlihatkan semacam ketidak seragaman maklumat yang diberikan. Dimana dalam hal ini pengkaji merasakan adanya informant/respondent yang tidak memberikan maklumat-maklumat yang sebenar sebaliknya memberikan maklumat-maklumat yang mengelirukan. Berasaskan kepada ketidak tepatan dan pengeliruan maklumat begininya, maka John Irwin dan ramai penulis-penulis lain yang menganggap kajian-kajian yang berkaitan dengan jenayah/deviant sebagai tidak memuaskan, tidak selengkap sebagaimana yang dikehendaki. Tetapi untuk kajian ini, pengkaji cuba mengatasi masaalah ini dengan cara mengenukakan semula soal-soal dan tajuk-tajuk yang dipercayai telah dikelirukan, tetapi didalam bentuk dan cara yang berlainan dengan bentuk dan cara yang pernah dikemukakan dahulu, disamping membuat perhatian dan tinjauan yang intensif.

Dari segi respondentnya, dapatlah diperturunkan masaalah-masaalah yang dialami:-

1. Anggapan setengah-setengah dari mereka bahawa kajian ini untuk mendedahkan rahsia-rahsia dan soal-soal 'private' mereka dimajallah-majallah atau diakhbar-akhbar.
-

2. perasaan takut bahawa pengkaji akan memberikan butir-butir yang tepat dari pada mereka, kepada pihak yang berkuasa.
3. terdapat tendensi untuk menyembunyikan keadaan yang sebenarnya untuk menjaga 'status' dan hemat diri.
4. ada yang begitu perasa bila kedudukan sosial, ekonomi dan soal-soal 'private' mereka disentuh.

#### Bab II (cont.)

Dalam buku dalam bentuk diklat dan seminar pelatihan teknik dan teknologi telah menyatakan bahawa kerap kali ada sikap-sikap negatif terhadap teknologi. Dari sini akan jelas, dalam teknologi, teknik teknologi sekolah yang ditentukan oleh dunia-society, dan teknologi teknik sekolah sendiri di sekolah tetapi bukan sekolah ilmiah dan teknikal. Untuk hal ini tidak terdapat banyak sekali data dan pengetahuan tentang teknologi sekolah yang ditentukan oleh dunia-society, dan teknologi teknik sekolah dengan teknologi sekolah ilmiah dan teknikal. "Teknologi sekolah" atau teknologi sekolah bukan teknologi sekolah ilmiah (sains), teknologi sekolah (teknik), teknologi sekolah (sosial) di sebagian teknologi sekolah ilmiah (sains) seperti geografi (sains), kimia, matematik dan teknologi (teknik) dan sebagainya.

---

Untuk mendapat gambaran kita mengenai teknologi sekolah kita perlu

## 1.6. Rangka Konsep

Dalam sepanjang penulisan kajian ini, ditemui istilah atau perkataan-perkataan seperti dadah (drugs), narkotik, ganja, ketagihan dadah (drug addiction), salahguna dadah (drug abuse), pergantungan dadah (drug dependence) yang merupakan konsep-konsep utama dalam membincangkan dadah dan pendakalan. Dalam semping memberikan pemahaman pembacaan dirasakan perlu diberikan satu penjelasan yang jelas kepada konsep-konsep di atas, memandangkan kepada terdapatnya salah faham istilah, kesilapan-kesilapan teknik penggunaan istilah di dalam perbincangan-perbincangan/perbualan-perbualan mengenai dadah dan pendakalan, baik yang terdapat dalam alat-alat sebaran am mahu pun dalam buku-buku bacaan.

### Dadah (drugs)

Secara kasar dadah dapatlah difahamkan sebagai sebarang bahan kimia yang digunakan untuk memberikan kesan-kesan tertentu ke atas hidup-hidupan, khususnya kepada manusia dan binatang. Jadi dari sudut perubatan, dadah itu sebenarnya adalah ubat, ubat sebagai yang ditentukan oleh doktor-doktor, dan ubat-ubat ini boleh saudara dapati di mana-mana kedai, kedai ubat, sinseh, klinik dan di hospital. Tetapi kajian lebih tertarik kepada maksud dadah sebagai dadah yang sangaja digunakan untuk tujuan mendapatkan ketemangan, rasaangan dan kenikmatan. Tegasnya kajian bersetuju dengan istilah "recreational drug" yang dikemukakan oleh Schofield, di mana beliau menggolongkan minuman keras (alcohol), tembakau (nicotine), kopi (caffeine) di samping dadah-dadah yang diharapkan (illegal) seperti ganja (marijuana), heroin, cocaine, LSD dan lain-lain (Schofield 1971 m.s. 12).

Tetapi tidaklah semudah itu mendefinisikan 'term' dadah itu, juga

tidak bermaksud untuk membuat kajian  
kajian atas dadah-dadah alkohol, nicotine, caffeine sebagai yang digolongkan  
oleh Schofield sebagai dadah itu.

Untuk mendapatkan kesempurnaan erti kata dadah, Goode telah menyarankan agar definisi untuk dadah itu harus melengkapi dua fungsi berikut :-

1. it should group together all the things that share a given relevant trait.
2. it should set apart those things that do not share that trait.

Jadi soalnya yang timbul di sini, what is the defining trait that all drugs share? and what separates a drug from something that we cannot properly call a drug? (Goode 1972 m.s. 17).

Soal ini penting kerana masih ramai yang berpendapat bahawa setiap benda, bahan berubat, ubat, dadah yang mengandungi bahan-bahan asas yang tertentu, dikelaskan sahaja secara otomatis sebagai dadah. Nalahan ada penulis-penulis yang menggunakan kategori dadah sebagai diasaskan kepada 'a natural pharmacological reality - that a drug must be something or do something that makes it part of a natural, organic and chemical entity'. Sesungguhnya memberikan definisi dari sudut pharmacologi untuk mendefiniskan dadah sebagai yang kita mahukan adalah meleset samasekali, kerana banyak hal yang boleh lagi dipersoalkan. Mungkin ada benarnya definisi dadah dari sudut pharmacologi itu, iaitu dengan berdasarkan kepada ciri-ciri objektif bahan-bahan kimia. Soalnya tidak semua dadah yang punya ajen-ajen kimia yang sama dapat memberikan kesan yang sama. Derjah kesan yang diberikan tentunya berbeda-beda. Jadi bukanlah kandungan kimia sahaja yang menentukan satu-satu bahan itu sebagai dadah atau tidak, tetapi juga derjah kesan yang diberikan.

Berbalik kita kepada definisi kasar atau definisi klasik sebagai yang dituliskan di awal-awal tadi, bahawa dadah adalah sebarang bahan kimia yang dapat memberikan kesan kepada kehidupan protoplasma sel-sel tubuh badan hidup-hidupan khususnya manusia dan binatang. Tentu sahaja maksud dadahnya definisi ini terlalu meluas sehingga setiap benda yang dapat memberikan kesan kepada kehidupan protoplasma, dapat dikatakan sebagai dadah. Pil-pil panadol, vinac, kopi dapat dipanggil dadah menurut definisi ini, atau pisau, peluru dari tembakan senapang atau mungkin juga kajian ilmiah ini, dapat menuhi maksud 'bahan kimia yang dapat memberikan kesan kepada penghidupan protoplasma'.

Atas kelemahan-kelemahan begini maka banyaklah percubaan-percubaan untuk membaikkan definisi dadah. Delay misalnya cuba memberikan definisi dadah sebagai dadah yang dapat dikategorikan kedalam satu kategori yang istimewa iaitu psychotropic - that is those sorts of chemical substances - whether natural or artificial - which bring about psychological changes, or modify mental activity in human being (Delay 1967 p. 3). Sesungguhnya dadah sebagai yang dimaksudkan oleh Delay adalah dadah psychoactive, satu konsepsi yang popular mengena: dadah (khususnya dadah-dadah yang 'illegal'). Menurut definisi dari sudut psychopharmacology ini, dadah sebagai yang dimaksudkan adalah bahan-bahan kimia yang telah ditentukan oleh pharmacologist sebagai dadah dan dadah ini boleh mendatangkan gangguan-gangguan mental kepada pengguna-penggunanya. Alcohol adalah salah satu dadah psychoactive. Masaalahnya di sini ialah adakah si pemabuk dan di kaki botol mengakui dirinya atau diakui oleh masyarakat sebagai pengguna dadah, penagih dadah?

Jadi kita beralih kepada definisi dadah dari sudut sosial, yang lebih menekankan konsep, dadah adalah satu 'social artifact', bahawa a drug

is something that has been arbitrary defined by certain segments of society as a drug (goode 1972 m.s. 18). Biarpun satu-satu bahan itu sebenarnya adalah dadah (dari penyelidikan pharmacologi dan perubatan) tetapi jika tidak ia di 'label' kan sebagai dadah oleh masyarakat, maka bahan itu bukan dadah. Contohnya dapat dilihat pada dadah-dadah yang penggunaannya telah menjadi adat kebiasaan pada masyarakat-masyarakat tertentu, misalnya penggunaan minuman-minuman keras (alcohol), kopi (caffeine), tembakau (nicotine) yang meluas penggunaannya di mana-mana masyarakat 'maju' di dunia, penggunaan marijuanna di India dan di Afrika Utara, 'peyote' di kalangan Red Indian Suku Navaho, Cendawan 'amanita muscaria' di kalangan pahlawan Norse, akar 'kava-kava' di Polynesia, daun koko di Afrika.

Jadi apa yang dimaksudkan sebagai dadah oleh wartawan-wartawan dalam surat-surat khabar, sociologists dalam hasil-hasil tulisannya, juga sebagai yang didengar dari radio dan TV adalah dadah sebagai yang dirojokkan kepada definisi dari sudut sosial dan dari sudut bahasa - ,that society has arbitrarily chosen to label 'drug'! Berlandaskan kepada definisi begini maka ada di antara para pengkaji dadah membuat kesimpulan beginis

.... almost anything can be called a "drug", There is nothing intrinsic to any physical or biological substance that make it a drug or does not. The same substance can be called/a 'drug' in one social context and called/a something else in another. For example, the ink that is used in fountain pens is not a drug when used in that way but it may legally be defined as a drug if it is used as a diagnostic agent in connection with anti-fungal materials which are else defined as drugs.... When we look at drugs in a generalized and comprehensive way, what we see is that it is not so much the substence of a material that makes it a drug, but rather some particular social definition (Barber 1972, m.s. 2).

Bahawa dadah sebagai menurut definisi dari sudut sosial adalah apa-apa sahaja, yang disebut dan di 'label'kan oleh masyarakat terlibat sebagai dadah, telah mengenepikan samasekali konsep dadah sebagai 'a natural pharmacology reality' bahawa dadah mengandungi 'some intrinsic property - a natural, organic and chemical entity'.

Kajian tertarik hati kepada definisi dadah oleh Peter Laurie, dalam mana beliau cuba menggabungkan aspek-aspek pharmacology, psikologi dan sosial dalam definisi dadahnya bahawa "...a drug is any chemical substance that alters mood, perception or consciousness and is misused, to the apparent detriment of society". (Laurie 1967 hal. 9). Apa yang menjadi tandanya dalam definisi dadah Laurie ini ialah perkataan "... is misused", Jika Laurie memaksudkan 'misuse' sebagai disalahgunakan dan tidak menurut landasan-landasan perubatan/aturan-aturan perubatan, jelas definisi Laurie condong ke arah maksud pharmacology. (Kajian telah mengambil misused/salahguna sebagai satu tajuk khas untuk dibincangkan). Minuman keras/alcohol, bagi Laurie annya tidak 'misused' tetapi alcohol boleh menyebabkan terjejasnya ketenteraman berkeluarga, terjejasnya ekonomi keluarga, dan ini dapat digolongkan ke dalam "...the apparent detriment of society".

Dari definisi-definisi yang pernah dikemukakan dan dari pertimbangan ke atas perbincangan-perbincangan di atas, kajian membuat kesimpulan bahawa dadah sebagai yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah sebarang substance yang mengandungi unsur-unsur kimia yang dapat menyebabkan berubahnya tanggapan fikiran waras, perasaan dan tubuh badan orang yang terlibat, yang digunakan atas tujuan hiburan atau mendapatkan 'recreation', dan bahan ini dianggap sebagai dadah oleh masyarakat terlibat. Bahawa di bawah definisi ini selain dari gabungan aspek-aspek pharmacology, psikologi dan sosial,

kajian juga memasukkan aspek 'tujuan', motifnya 'substance' itu digunakan, di mana tujuan sebagai yang disebutkan ialah tujuan hiburan dan tujuan 'recreation'. Ini termasuklah hiburan physical juga hiburan mental, 'physical recreation' seperti menghilangkan lemah-lemah badan, menghilangkan penat, menghilangkan rasa lapar, atau 'mental recreation' seperti mencari ketenangan menghindar kesepian, kelenggengan dan kesunyian.

### Narkotik

Dalam kontek masyarakat narkotik dengan mudah difahamkan sebagai sebarang dadah yang 'illegal', dadah-dadah merbahaya atau lebih tepat dikatakan dadah-dadah yang dirampas oleh polis dan kastam. Secara saintifik, secara perubatan dan pharmacology, term 'narkotik' bererti sebagai bahan-bahan kimia yang dapat melemahkan sensitiviti tubuh badan dari merasakan satu-satu kesakitan. Fungsi narkotik sebagai ubat bius iaitu memberikan kekebasan (analgesic) sesungguhnya saat berguna dari sudut perubatan dan rawatan misalkan dalam menjalankan pembedahan-pembedahan di hospital. Tetapi dadah narkotik yang disalahgunakan boleh menyebabkan ketagihan (addiction).

Adalah sangat rasional ditinjau dari sudut masyarakat jika mendefinisikan ganja sebagai dadah narkotik, walaupun pada hakikatnya definisi yang begini adalah salah dan mengelirukan, kerana ganja sebagai yang dikatakan oleh Scientists dari physicians bukanlah tergolong di dalam kategori narkotik iaitu berdasarkan kepada kandungan kimia ganja yang tidak dapat berfungsi memberikan analgesia.

Soal kategorisasi ganja sebagai narkotik telah menimbulkan kontroversi yang hebat, khususnya di Amerika Syarikat. Dalam hal ini, Donald Miller, Ketua Peguambela U.S. Bureau of Narcotic and Dangerous drug berpendapat "Despite some physiological differences in the effects of the drugs

in the Opium family and marihuana, the inclusion of marihuana in the statutory definition of "narcotic" is not constitutionally improper. The word 'narcotic' is commonly used to designate drugs having the consciousness-altering characteristics of marihuana, i.e. stupor, mental lethargy, marked alterations of mood, the possible physiological harm" (Miller 1968, n.s. 93).

Sebahagian besar daripada pihak-pihak yang cuba menggolongkan ganja sebagai narkotik, telah menggunakan label "dadah-dadah yang disalahgunakan dan dadah yang mendatangkan keburukan kepada pengguna-penggunanya" kepada maksud 'narkotik'. Dalam situasi begini fungsi narkotik yang pokok ialah sebagai ubat bius/'painkiller drug' telah diketepikan zama sekali. Dan apa yang di ketengahkan ialah aspek-aspek yang negatif/disfunktional narkotik itu. Percubaan golongan ini untuk 'melabelkan' ganja sebagai narkotik sesungguhnya telah mengelirukan definisi narkotik yang sebenarnya.

Tugas-tugas dan nama yang diberikan untuk badan ini - Biro Narkotik Negara - juga secara tidak langsung telah menggolongkan ganja sebagai narkotik, di samping menyalahgunakan istilah 'narkotik' itu sendiri.

Terdapat juga percubaan-percubaan oleh golongan kecil tertentu untuk mengecualikan ganja dari tergolong dalam kategori narkotik, iaitu dengan berdasarkan kepada kandungan kimia ganja yang tidak berfungsi sebagai ubat bius/'painkilling drug'. Ini pernah dikemukakan oleh Doctor Sydney Cohen, seorang anggota the Select Committee on Crime dalam persidangannya yang berlangsung pada tahun 1970 di Washington D.C. Kenyataan yang dibuat oleh beliau telah ditentang hebat oleh ramai anggota committee antaranya seorang ahli Kongress, Charles Wiggins.

You say quite positively marihuana is not a narcotic.

It is not, but only because medical science has chosen

to define a narcotic in a fairly narrow sat of way.

What I am feorful of, Doctor is that those who listen to the word 'marihuana is not a narcotic' will not be medical doctors at all but will rather be just ordinary people who will need into that it is no dangerous.

Now you do not mean that do you? (Pepper 1970 hal. 13).

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan di atas, kajian hanya menggunakan istilah narkotik untuk merujukkan kepada dadah-dadah bahaya (Dangerous Drug) yang termasuk di dalamnya cendu dan variasi-variasi (heroin, morphine), Mandrax (MX), LSD, STP, Amphetamines, barbiturates. Kecuali ganja atau Marijuana dan variasinya seperti hashish, THC (tetrahydrocannabinol), bhang dan lain, walaupun dari segi undang-undang ganja, yang disebut sebagai Indian Hemp digolongkan ke bawah definisi dadah merbahaya (narkotik) sebagai yang termaktub dalam Ordinan Dadah Merbahaya 1952 di bawah Seksyen 2?

#### Tumbuhan Cannabis Sativa

Sebagai yang dijelaskan di bawah Seksyen 3 Ordinan Dadah-dadah merbahaya 1952,

"Indian Hemp" means the dried flowing or fruiting tops of the pistille plant Cannabis Sativa, from which the resin has not been extracted, under whatever name they may be designated in commerce".

dapatlah difahamkan bahawa tumbuhan yang dimaksudkan itu ialah Cannabis Sativa, nama 'generic' bagi Indian hamp. Ahli-ahli botanis moden juga menggolongkan tumbuhan Cannabis Indica (di India), Cannabis Americana (di Amerika) dan Cannabis mexicana (di Mexico) ke bawah 'species' Cannabis Sativa.

Tumbuhan ini amat senang tumbuh dikebanyakan negeri-negeri beriklim panas dengan hujan yang cukup. Laurie (1969) pernah menulis bahawa tumbuhan ini ada ditanam di 'green house', di England.

Tumbuhan ini mengambil masa 4 hingga 6 bulan untuk cukup tua untuk dituai dan tumbuh dari 4 hingga 12 kaki. Batangnya tegak dan bersegi dan berlobang di tengahnya, 2 hingga 4 inci tebalnya. Daun-daunnya terdiri dari 5 hingga 11 helai helian daun kecil, 2 hingga 6 inci panjangnya tumbuh berderet di kiri dan kanan tangkai daun. Permukaan atas daun agak licin dan agak gelap warna hijaunya dibandingkan dengan permukaan bawah daun sebelah bawah yang kelihatan 'berbulu-bulu' itu. Pinggir daun kelihatan bergigigigi.

Tumbuhan ini biasanya berjantina - jantan dan betina, jarang-jarang didapati hanya satu jantina sahaja. Dari daun, bunga dan pucuk tumbuhan betina inilah terdapatnya getah yang banyak. Bahan kimia Δ 9 tetrahydrocannabinol yang terdapat dalam getah itulah yang bertanggungjawab memberikan kesan-kesan kepada perjalanan mental yang normal kepada pengguna-penggunanya.

Cannabis Sativa dikenali dengan berbagai nama di dunia ini. Di Barat dan di Amerika Syarikat ianya dikenali dengan nama marijuana (marijuana, marijuana), pot (potaguaya) atau Indian hemp sahaja. Di India dipanggil 'bhang', di Afrika Selatan 'dangga', 'kif' di Afrika Utara. Di Malaysia dan di Asia Tenggara dadah ini lebih dikenal dengan nama 'ganja'.

Di kalangan pengguna-pengguna di Amerika Syarikat; marijuana lebih dikenal dengan nama pot, grass, tea, weed, charge, Mary Jane dan banyak lagi. Di Malaysia khususnya di kawasan kajian, ganja di kalangan pengguna lebih dikenali dengan nama-nama - dam, barang atau rabang (terbalikkan perkataan barang). Sedang perbuatan menghisap ganja itu oleh pengguna-pengguna di-

golar sebagai tarik atau berdengung.

#### Kesan-kesan Fisik dan Kesan-kesan Fisiologi dari Penggunaan Ganja.

Selain daripada efek-efek subjektif sebagai yang akan dibincangkan nanti, kesan-kesan zahir (fizik) yang dapat diperhatikan pada penghisap-penghisap ganja yang sedang 'high' ialah bola mata menjadi merah. Menurut satu sumber pharmacologi dan perubatan (Weil, Zinberg & Nelsen 1968), Kesan-kesan fizik ganja sebagai berlaku pada tubuh badan penghisap ialah detikan jantung lebih cepat dari kadar yang normal dan keadaan mulut, tekak yang menjadi kering.

Efek-efek fizik yang disebutkan tadi sebagai berlaku adalah bergantung kepada kuantiti dan/atau kualiti ganja yang dihisap samada, ganja itu dapat memberikan kesan yang benar-benar berkesan (*effective dose*). Dalam kajian makmal yang dijalankan oleh ahli-ahli pharmacologi, telah menunjukkan satu gram ganja mengandungi 1 peratus THC itu bisa memberikan kesan kepada 10 orang penghisap di mana 5 orang daripadanya didapati sebagai mendapat kesan-kesan fizik sebagaimana yang disebutkan di atas. Jadi, kesan-kesan fizik ganja hanya terjadi bila ganja yang dihisap adalah di dalam kuantitinya (juga kuantiti THC yang dikandungnya) yang cukup untuk memberikan kesan pada tubuh badan dan mental penghisapnya (*effective dose*).

Satu kajian makmal mengenai dose ganja untuk tikus (Mikuriya 1969) menunjukkan bahawa kadar antara 'effective dose' dengan 'lethal dose' (sukatan/kuantiti ganja yang dapat menyebabkan kematian) adalah besar. Kajian makmal itu menganggarkan kira-kira 40,000 'effective dose' barulah dapat menyamai satu 'lethal dose' bagi seekor tikus. Walaupun percubaan-percubaan mengenai dose ganja ke atas manusia belum pernah dijalankan, tetapi dari hasil percubaan yang dibuat oleh Mikuriya itu dapat dibuat kesimpulan bahawa

kemungkinan seorang penghisap ganja untuk mati akibat dari hisapannya adalah kemungkinan yang kecil sekali untuk berlaku. Setakat ini baharu seorang sahaja yang mati akibat dari penggunaan ganja yang berlebihan (over dose) sebagai yang dilaporkan oleh sebuah jurnal perubatan (Nahas 1971).

#### Ketagihan Dadah (Drug Addiction) Drug Dependence

Apa yang penting, yang utama dalam soal dadah, sehingga ia dianggap sebagai merbahaya ialah sifat memberikan ketagihannya (addicting). Tanpa sifat ini kemungkinan besar dadah tidak mendapat tempat untuk dipersoalkan. Dipercayai bahawa sifat 'addictive' pada dadah, itulah yang memungkinkan timbulnya kemungkinan-kemungkinan yang buruk, gejala-gejala yang tidak sehat dalam masyarakat. Rokok (tembakau) juga punya sifat 'addicting', tetapi dari pengalaman yang sudah-sudah sifat 'addicting' tembakau belum lagi menyebabkan timbulnya gejala-gejala sosial yang benar-benar serious sehingga patut dipersoalkan. Jadi 'ketagihan' yang biasa difahamkan oleh masyarakat ialah ketagihan rokok atau lebih serious lagi difahamkan dengan gambaran seseorang yang kurus kering, layu tidak bermaya, berbaring sambil menghisap paip cendu yang panjang, hitam kotor.

Belum ada lagi penyelesaian yang muktamad dalam soal definisi addiction. Sociologist umumnya lebih menaksudkan 'addiction' sebagai assimilasi dengan satu cara hidup yang istimewa, cara hidup dadah dan pendadahan. Doktor menaksudkan ketagihan sebagai 'physical dependence' iaitu satu perubahan besar yang berlaku dalam sistem saraf pusat, berakibat dari satu-satu ketenatan berpenyakit, yang memerlukan penggunaan dadah-dadah tertentu, dimana penggunanya tidak punya kemungkinan untuk diberhentikan. Selain daripada itu ketagihan juga dimaksudkannya sebagai 'psychological or psychic dependence' - kehendak-kehendak emosi tertentu (emotional desire) yang

senentiasa memerlukan dadah dan 'experience' dadah bagi memenuhi kehendak kehendak tadi. Ada juga yang memaksudkan addiction sebagai 'habitual use of drug'; of loss of the policy of self control respecting the drug; dan lain-lain lagi. Kontroversi definisi 'addiction' ini pernah dibincangkan oleh Lindesmith (Lindesmith 1966 hal 92 - 95). "Basic Problems in the Social Psychology of Addiction and delon, Narcotic Addiction 91, ed. O'Donnell & Ball 1966.

Ada dadah-dadah yang punya sifat 'tagih' dan memberikan sifat tagih itu pada setengah-setengah penggunanya sahaja dan mungkin tidak pada pengguna-penggunanya yang lain. Ada dadah yang tidak mempunyai sifat 'addicting' tetapi mengapa setengah-setengah penggunanya menjadi ketagih. The World Health Organization Expert Committee on Addiction Producing Drugs 1964 telah menyarankan term "drug dependence". 'Drug dependence' menurut WHO ialah, ...a state of psychic dependence or physical dependence, or both on a drug, arising in a person following administration of that drug on a periodic or continued basis. The characteristics of such a state will vary with the agent involved and these characteristics must always be made clear by design acting the particular type of drug dependence in each specific case. All of these drugs have ones effect in common: they are capable of creating, in certain individuals, a particular state of mind that is term "psychic dependence". In this situation there is a feeling of satisfaction and psychotropic that require periodic or continuous administration of the drug to produce pleasure or to avoid discomfort (Bddy et al. 1965. p. 723).

Jadi di bawah terminologi baru oleh WHO ini, bahawa tiap-tiap dadah mempunyai ciri-ciri 'dependenconya' yang tersendiri seperti 'drug dependence' bagi morphine, 'drug dependence' bagi marihuana, 'drug dependence' bagi al-

cohol dan seterusnya. Dengan lain perkataan term inologi 'drug dependence' itu sesungguhnya adalah satu definisi atau satu siri definisi-definisi, dengan perhitungan bahawa dirasakan tidak ada satu 'term' pun yang benar-benar boleh merangkumi keseluruhan aksi-aksi yang beranikaragam dari dadah-dadah yang beranikaragam dan beranikajenis itu.

Bawah term drug dependence, definisi oleh WHO ini telah mengenepikan sama sekali term 'addiction' dari terkandung dalam definisi ini. Menurut Goode "...elimination of the term 'addiction', is without any utility and confuses more than it clarifies. Its intent is patently ideological in nature: to make sure that a discrediting label is attached to as many widely used (or "abused") drugs as possible. Under the old terminology, it was not possible to label a wide range of drugs as "addicting"..." in other words, the scientists and physicians who created the new terminology ("drug dependence") were being employed as propagandist to convince the layman that nonaddicting drug were just as "bad" for him that he would be just as "dependent" on them as on any truly "addicting" drug and that the repeated use of both arose out of a compulsion". Goode menambah bahawa terminologi WHO ini sebagai mengilukan kerana "...drugs and patterns of drug use that are really radically different are link together to appear similar in important respects". (Goode. 1972 hal 23).

Apa yang dikatakan oleh Goode itu ada benarnya bahawa term drug dependence WHO lebih bersifat ideological, propaganda dan bias. Sebenarnya tidak sebegitu mudah untuk membentuk satu konsep yang abstrak - drug dependence - hanya dengan membuat gabungan physical dependence dan psychic or psychological dependence sebagai yang dilakukan oleh WHO tadi.

Physical dependence lebih dimaksudkan sebagai ketagihan fizikal

kepada dadah-dadah narkotik yang boleh menyebabkan 'addiction', seperti cendu dan variasi-variasinya (heroin, morphine, pethidine etc.) dan barbiturates (pil-pil tidur). Bila seseorang itu seringkali menggunakan dadah-dadah tadi (dengan sukanan 'dose' yang sempurna) dan mengamalkannya dalam satu jangka masa yang lama, orang itu akan menghadapi ketagihan. Ketagihan dalam erti kata sel-sel tubuh badannya senantiasa/selalu memerlukan dadah-dadah tadi, sehingga apabila orang itu cuba berhenti daripada menggunakan dadah ini, dia akan merasakan sesuatu kurang sempurna, kurang 'normal' telah berlaku dalam 'kesihatan' tubuh badannya, seperti merasakan sengal-sengal, lemah sendi-sendi, tidak bermaya, selsema, simpul biasak, cirit beret dan kadang-kadang jatuh sakit. Jadi dia harus, malah mesti sentiasa dan terus selalu menggunakan dadah-dadah tersebut bagi memenuhi keperluan-keperluan sel-sel tubuh badannya yang kini sudah berada di bawah 'perintah' dadah.

Sebaliknya bila seseorang itu menggunakan dadah-dadah yang nonaddicting, ganja (marijuana) misalnya menghisap ganja dan mengamalkannya dalam satu jangka masa yang agak panjang dan bila diberhentikan atau berhenti dari menghisap ganja, tidak ada sebarang kesan yang menunjukkan bahawa si penghisap ganja itu telah menjadi addict (penagih) yang mengharuskan ia memerlukan ganja terus menerus. Tidak juga ada kesan-kesan pada tubuh badan atau sel-sel tubuh badannya yang memaksa orang itu untuk terus memerlukan ganja. Jadi ganja bukanlah addicting drug yang boleh menyebabkan addiction atau physical dependence. Maka kemungkinan besar penghisap-penghisap ganja yang berat dapat dirawat untuk kembali kepada orang yang normal.

Tetapi anihnya, terdapat juga individu-individu yang terus menerus menghisap ganja. Menaduh ganja sebagai menyebabkan 'psychic dependence' adalah tidak benar sejak sekali, bohong dan jauh sekali dari menyebabkan 'physical

dependence'. Apa sebabnya seseorang itu terus menerus menghisap ganja, masih menjadi tanda-tanya yang besar dan anih, hingga Schofield memberikan tajuk bukunya sebagai The Strange Case of Pot.

Mengenai kedudukan ini, Goode berpendapat bahawa bukanlah ganja atau komposisi kimia ganja yang menyebab psychic dependence, tetapi sebaliknya bahawa struktur personaliti seseorang individu itulah yang menyebabkan ia terus menerus menghisap dan menggunakan ganja. (Goode 1972 m.s. 24).

Namun demikian kajian masih tetap menggunakan istilah Drug Dependence sebagai yang didefinisikan oleh WHO untuk istilah yang akan digunakan dalam kontek kajian.

#### Salahguna Dadah (Drug Abuse)

Bagi pakar-pakar ubat dan doktor ertikata salahguna dadah itu adalah dirojukkan kepada penggunaan dadah sebagai di luar kontek perubatan (American Medical Association juga mengambil maksud ini sebagai istilah resmi drug abuse).

Istilah ini nampaknya lebih condong kepada maksud moral daripada maksud penilaian saintifik kerana perkataan 'salahguna' itu sahaja sudah bererti semacam yang buruk, yang negatif, yang salah dan yang harus tidak dilakukan kerana ianya salah. Jadi secara saikoloji, perkataan 'salahguna' itu cuba memberi amaran supaya 'jangan sampai tersalahguna'.

Soalnya di sini ialah bagaimana pula dengan kedudukan penggunaan non-addicting drug', apa ini juga dikatakan sebagai salahguna dadah (drug abuse)? Jika beragakkan kita kepada istilah AMA di atas, penggunaan 'non-addicting drug' tidaklah dapat digolongkan sebagai 'drug abuse' kerana penggunaannya adalah di luar kontek perubatan biarpun dadah 'non-medical' itu misalnya juga boleh mendatangkan bahaya, dan boleh dianggap sebagai tergolong

dalam 'drug abuse' dalam ertikata 'abuse' yang sebenar-benarnya (dari sudut sosial).

Merenung kepada istilah 'drug abuse' AMA, mengapa digunakannya 'drug abuse', mengapa tidak istilah istilah <sup>tanpa mengikut aturan perubatan</sup>? Ada 'udang di sebalik batu' pada istilah 'drug abuse'. AMA itu yang menggolongkan penggunaan ganja (non-addicting and non-medical drug) sebagai 'drug abuse'. Katakanlah kita menerima saja dulu istilah 'drug abuse' oleh AMA tadi. Di sini kita dapat buat kesimpulan bahawa dadah yang dimaksudkan ialah semua dadah yang dapat digolongkan dalam 'medical drug'. Dan katakanlah kita bersetuju dulu apa kata AMA - pengguna ganja juga adalah 'drug abuse'. Tetapi anihnya mengapa penggunaan alcohol tidak digolongkan ke dalam istilah 'drug abuse', sedangkan alkohol juga punyai ciri-ciri dan kesan-kesan yang sama dengan ciri-ciri dan kesan-kesan dadah yang digolongkan penggunaannya sebagai 'drug abuse' oleh AMA dan mengapa dadah cannabis (ganja) yang tidak mendapat tempat dan tugas dalam perubatan itu dicap sebagai 'drug abuse', sebagai digunakan di luar kontek perubatan? Sesungguhnya maksud sebenar istilah 'drug abuse' AMA bukanlah sebagai dimaksudnya sebagai 'jangan gunakan dadah selain daripada tujuan perubatan' tetapi lebih bermaksud 'jangan gunakan heroin, morphine, LSD dan jangan hisap ganja. Jadi ada somacet unsur 'berkhutbah' dalam istilah 'drug abuse' AMA.

Kajian tidak mengenepikan penggunaan perkataan 'salahguna', tetapi tidak menerima sekali istilah drug abuse (salahguna dadah) khususnya istilah oleh AMA tadi. Seperti juga penggunaan istilah dadah dari sudut sosial (sila rujuk 'dadah' di bawah tajuk Rangka Konsep) maka dalam kontek kajian ini, kajian menggunakan perkataan 'salahguna' dadah dari sudut sosial juga iaitu salahguna sebagai yang dimaksudkan oleh masyarakat terlibat bahawa

"adalah salah (dipandang dari sudut sosial) menggunakan dadah-dadah yang telah di'labelkan' sebagai 'dadah' oleh masyarakat terlibat".

### Drug Subculture

Ujudnya satu-satu masyarakat itu dan berterusnya masyarakat itu dikatakan sebagai berasaskan kepada sistem nilai budaya dan sosial yang ujud. Tetapi dalam kenyataan sosial didapati tidak semua sistem sosial didokong oleh semua anggota masyarakat, malah ada sistem norma dan nilai yang berbeza dengan sistem sosial, ada yang menyimpang dan ada yang bertentangan. Dengan demikian terbentuklah subculture, bahawa ada nilai dan norma yang didokong oleh sekumpulan orang-orang dan nilai ini bertentangan semasekali dengan norma sosial yang didokong oleh kumpulan sosial yang lebih besar.

Norma-norma yang bertentangan dengan norma-norma yang 'dominat' ini dapat dilihat dalam teori 'subculture' Cohen melihat sebagai adanya subculture dalam mana-mana masyarakat iaitu Delinquent Subculture (lihat Cohen 1970), nilai-nilai tertentu yang didokong oleh anak-anak muda nakal. Cohen memandang sebagai adanya perbesaan-perbesaan antara jenayah yang dilakukan oleh orang-orang dewasa dengan jenayah yang dilakukan oleh anak-anak muda:

What we see when we look at the delinquent subculture (and we must not even assume that this describes all juvenile crime) is that it is not-utilitarian, malicious and negativistic (Cohen 1970, n.s. 286).

Perlakuan-perlakuan delinquency yang dikatakan oleh Cohen sebagai tidak mempunyai bentuk-bentuk yang khusus (versatility) adalah dilakukan se-mata-mata untuk memenuhi keperluan 'leisure'. Hanya itu sahaja 'leisure' yang bisa dicapainya bagi menggantikan 'leisure' gulungan 'middle class'

yang tidak mungkin dapat dicapainya memandangkan kepada ketidak cukupan serba serbi itu. Oleh kerana itu hasil dari perbuatan nakal itu tidak membawa kenikmatan yang lama tetapi setakat 'short-run hedonism'.

Satu lagi sifat yang dimiliki oleh kumpulan anak-anak muda nakal ini ialah 'group autonomy'. Kerana bentuk pelakuan mereka yang 'non-utilitarian', 'malicious', 'negativistic' dan 'versality' maka berdirinya kumpulan ini adalah sebagai satu kumpulan yang bebas dari sebarang hubungan yang mengikatnya dengan kumpulan-kumpulan lain.

Merton dalam teori 'anomie' yang dikaitkan dengan struktur sosial (khususnya struktur sosial Amerika Syarikat) telah menggolongkan pengguna-pengguna dadah, pemadat dan penagih dadah sebagai golongan manusia type 'retreatism', ('lihat Merton, 1970 hal. 238 - 246) iaitu satu type manusia yang dikatakan sebagai memiliki personaliti yang pessimistik yang enggan untuk serta dalam 'competition' mencapai 'cultural goal' (atau 'matlamat budaya' - yang lebih dimaksudkan kepada kejayaan-kejayaan bentuk material) walaupun sebenarnya mereka menyimpan keinginan untuk mengecap kejayaan itu. Tetapi keinginan ini punah semasekali memandangkan kepada kekurangan-kekurangan dan ketidak cukupan yang serbaserbi untuk menggunakan 'legitimate/institutional mean' (cara yang halal dan diterima oleh masyarakat) sebagai cara untuk mencapai 'cultural goal'.

'Cultural goal' tidak sahaja mesti dicapai hanya melalui 'legitimate mean', ia juga bisa dicapai melalui 'illegitimate mean' (cara-cara yang 'illegal', haram dan tidak sah disisi masyarakat). Tetapi 'type' manusia ini masih tidak mahu juga menggunakan 'illegitimate mean' walaupun ia bisa untuk berbuat demikian. Ia menjadi tidak mahu menggunakan 'illegitimate mean' kerana 'legitimate/institutionalized mean' yang dibangga oleh masyarakat

juga dibanggakannya itu sudah menjadi semacam ideologi hidupnya sudah internalized, absorbed ke dalam jiwanya dan menjadi personalitinya, walaupun ia tahu bahawa ia tidak mampu untuk menggunakan legitimate mean yang dibangga-banggakan itu.

Kerana kegagalan menggunakan baik legitimate maupun illegitimate mean, yang dialami maka dikatakan golongan manusia type ini sebagai mengalami kegagalan yang berganda (double failure). Peluang untuk mencapai 'cultural goal' bagi mereka dirasakan sebagai tidak ada. Rasa putus asa mendorongkan mereka untuk mengikuti diri dari turut serta dalam competition mencapai matlamat budaya tadi. Lantas membuat adaptasi-adaptasi ke atas masealah 'social adjustment' yang dialaminya iaitu dengan menggunakan dadah untuk melupakan dunia wajar yang dianggapnya tidak wajar beginya untuk menikmati kewajaran dunia yang wajar itu. Maka ujudnya 'retreatist subculture' di kalangan pengguna-pengguna, pesedat dan penagih dadah, dikatakan sebagai berakibat dari keadaan masyarakat yang kurang organized dengan struktur peluang yang terhad dalam menggunakan 'mean' (baik yang 'legitimate' atau 'illegitimate') untuk mencapai 'cultural goal' (Gloward and Ohlin 1970, s.s. 300 - 318).

Rujukan-rujukan:

American Medical Association 1967 "Dependence on  
on Cannabis (Marihuana)" The Journal of the American  
Medical Association (AMA) 201 m.s.368-371.

Barber, Bernard 1967 Drug and Society, New York:  
Russell Sage Foundation.

Cohen, Albert K. 1970 "The Delinquent Sub Culture  
The Sociology of Crime and Delinquency eds.  
Marvin E. Wolfgang, Leonard Savitz and Norman  
Johnston, New York, Wiley (2nd Edition) m.s.  
286-291.

Gloward, Richard A. and Ohlin, Lloyd A. 1970  
"Differential Opportunity Structure"  
The Sociology of Crime and Delinquency  
eds. Marvin E. Wolfgang, Leonard Savitz  
and Norman Johnston, New York, Wiley  
(2nd Edition) m.s.300-319.

Connell, P.H. 1958 Amphetamines Psychosis  
Chapman & Hill.

- Crancer, Alfred Jr. et.al. 1969 "Comparison of the Effects of Marihuana and Alcohol on Simulated Driving Performance" Science 164 m.s. 851-854.
- Delay, J. 1967 "Psychopharmacology and Psychiatry" United Nation Bulleition of Narcotics No.19 m.s. 1-5.
- Eddy, Nathan B. et.al 1965 "Drug Dependence: Its Significance and Characteristics" Bulletin of the World Health Organization 32,m.s. 721-733.
- Ford, Joel 1969 "Pot: A Rational Approach" Playboy October 1969 m.s. 131.
- Glatt, M.M. 1967 "Drug Treatment Centres" British Medical Journal Vol.3, m.s. 242.
- Goode, Erich 1972 "Drugs in American Society, New York; Knopf m.s. 17,18,23,24,44.
- Insaf majallah terbitan Majlis Pegawai.
- Irwin, John 1972 "Participant Observation of Criminals" Research on Deviance ed. Jack D. Douglas, New York; Random House, m.s. 117-137.
- Laurie, Peter 1969 Drugs: Medical Psychological and Social Facts, New York; Penguin.

- Lindesmith, Alfred R. 1966 "Basic Problem in the Social Psychology of Addiction and Theory" Narcotic Addiction 91 eds. O'Donnell & Ball.
- McCall, George and Simons, Lerry 1969 Issues in Participant Observation Reading, Massi Addison Wesley.
- Merton, Robert K. 1970 "Social Structure and Anomie" The Sociology of Crime and Delinquency eds. Wolfgang, Savitz and Johnston, New York; Wiley (2nd Edition) m.s. 238-246.
- Mikuriya, Tod.H. 1969 "Historical Aspects of Cannabis Sating in Western Medicine" The New Physician 18 m.s. 902-908.
- Miller, Donald E. 1968 "Marijuana: The Law and Its Enforcement" Suffolk University Law Review 3 (Fall 1968).
- Nahas, Gabreil G. 1971 "Lethal Cannabis Intoxication" The New England Journal of Medicine 284 m.s. 792.
- Ordinan Dadah Merbahaya (Dangerous Drug Ordinance 30/1952).
- Pepper, Claude 1970 Chairman dlm. Marihuana: First Report by the Select Committee on Crime, Washington D.C., United States Government Printing Office.

Polksy, Neil 1967 "Research Method, Morality and Criminology" Hustlers, Beats and Others, Chicago: Adline.

Schofield, Micheal 1971 The Strange Case of Pot. Penguin Books.

Sutherland, Edwin and Cressey, Donald, 1960 Principles of Criminology, Philadelphia: Lippin Cott.

Wooton Report 1969, Lapuran mengenai Cannabis oleh Advisory Committee on Drug Dependence, Home Office and Minister of Social Security, Great Britain (Wooton adalah nama tuan pengecusi komiti penasihat tersebut).

## BAB II

### 2.1 LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kampung Mesjid Lama adalah sebahagian dari kawasan Kampung Melayu yang mengandungi bahagian-bahagian lainnya seperti Kampung Melayu Bawah, Kampung Melayu Atas, Kampung Kubur. Oleh kerana kawasan tanah disini adalah kawasan Malay Reservation, maka disatukan ketiga tiga buah kanpung tadi dibawah satu nama - Kampung Melayu.

Kampung Melayu merupakan salah satu daripada kawasan petempatan orang Melayu yang terdapat dikawasan bandaran Kluang, selain daripada Kampung <sup>Majid</sup> Melayu dan Kampung Paya. Atas nama 'Malay Reservation', maka seluruh penduduk yang berjumlah 2,520 keluarga dalam kawasan seluas 850 itu adalah terdiri daripada orang Melayu sahaja. Menjadikan kawasan ini sebagai kawasan petempatan orang Melayu yang utama dikawasan bandaran Kluang.

Dari segi administrasinya Kampung Melayu adalah terletak dibawah kelolaan Majlis Bandaran Kluang. Sebagai satu petempatan bandar kampung Melahyu adalah lengkap dengan kemudahan-kemudahan awam seperti saluran paipair, letrik, jalan-jalan tar yang baik, sekolah, surau, klinik, padang, taman kanak-kanak dan lain-lain kemudahan kawasan bandar.

Kawasan ini mudah dicari kerana ia telah begitu 'familiar' bagi penduduk penduduk Kluang. Terletak dibahagian kiri Jalan Mersing (jalan menuju Mersing) menjadikan sepanjang panjang dua batu (dari pusat bandar) jalan raya ini sebagai sempadan yang memisahkannya dengan perkampungan kaum China di-Yap Tau Sah dan Kampung Majid. Sungai Mengkibul menjadi pemisahannya dengan pusat bandar dan perkampungan China Jalan Haji Manan, dan sempadan Sungai Kampung Majid memisahkan nya dengan Kampung Paya dan Kampung Palimbang.

Keadaan geografinya telah membagikan kawasan Kampung Melayu ini kepada dua bahagian besar. Bagian yang pertama -Kampung Melayu Atas dan Kampung Kubur -kawasan yang pada keseluruhan nya punya keadaan mukabumi yang agak tinggi dari kawasan/bahagian kedua. Ia-itu Kampung Melayu Bawah yang permukaan bumi-nya rendah, dan ratarata-nya datar dan terus landai menganjur kepinggir kanan Sungai Mengkibul.

Kawasan Kampung Melayu Bawah itu sendiri ,berdasarkan kepada pola penempatan, sejarah pembukaan, dan bentuk rumah, masih dapat dibagikan kepada dua bagian ia-itu kawasan Kampung Mesjid Lama dan kawasan Rumah Murah.

Kawasan Kampung Mesjid Lama ada-lah kawasan penempatan/perumahan orang Melayu yang terawal, dibuka bersaingan dengan pembukaan bandar Kluang pada tahun 1910 an. Menurut etimologi-nya nama kawasan ini mempunyai dua versi. Dalam versi yang pertama kampung ini dahulunya dipanggil Kampung Mesjid Lama ,lantaran dari ada-nya Mesjid Jamek Kluang yang lama (kini telah dirobohkan dan tiada lagi kesan). Versi kedua pula memberikan nama kawasan ini sebagai Kampung Melayu Bawah dan ini telah dijelaskan diatas tadi ia-itu dari keadaan muka bumi-nya yang agak rendah berbanding dengan lain lain kawasan dalam Kampung melayu.

Mengandungi 139 buah rumah dengan jumlah penduduk lebih 1251 orang (dari 207 keluarga), Kampung Mesjid Lama yang meliputi kawasan seluas 42 ekar ada-lah bahagian Kampung Melayu yang paling hampir sekali dengan pusat bandar. Sebelum tahun 1970 tanah tanah kawasan ini ada-lah didiami dibawah Lesen Penempatan Sementara/Temporary Occupied License (T.O.L.). Kini grant telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah membolehkan penduduk disini untuk terus memiliki tanah tanah yang dipecah-pecahkan kepada lot-lot dimana tiap tiap lot hitung panjang keluasan satu per delapan ekar.

Jadi kajian telah memilih Kampung Mesjid Lama ini sebagai kawasan kajian dijalankan. Pemilihan ada-lah dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor berikut dibawah, menjadikan kawasan ini sebagai mewakili seluruh kawasan Kampung Melayu.

- (1) Kawasan ini ada-lah bahagian Kampung Melayu yang mula-mula sekali dibuka. Jadi ciri-ciri hubungan sosial, sikap, aspirasi pembentukan personaliti orang-orang disini adalah ciri-ciri yang 'asli' bagi masyarakat Kampung Melayu seluruhnya.
- (2) Kawasan ini ada-lah bahagian Kampung Melayu yang paling hampir dengan pusat bandar. Jadi kawasan ini menjadi tumpuan belia dan penuda menghabiskan masa, berkumpul dan menjalankan kegiatan-kegiatan nerika.
- (3) Kawasan ini ada-lah bahagian Kampung Melayu yang paling sesak/padat penduduk-nya, dan paling ramai bilangan belia-belia-nya berbanding dengan bahagian-bahagian lain kampung itu.
- (4) Dan yang terpenting sekali (berikutan dari kepentingan no.2) kawasan ini adalah salah satu kawasan diketahui sebagai bergiatnya aktiviti aktiviti pendadahan (penjualan dan penggunaan ganja khas-nya). 21 peratus dari tangkapan dan rampasan ganja (tahunan) ada-lah tangkapan dan rampasan yang dibuat oleh pehak Polis di kawasan kajian

Jumlah tangkapan dan rampasan disepanjang lima tahun kebelakangan ini (sebagai yang terdapat di Pejabat Jenayah, Ibu Pejabat Polis)

dapat diteliti dalam Jadual 2(a) dibawah.

Jadual 2(a)

DADAH: TANGKAPAN DAN RAMPASAN 1970-1974

Tahun.	Tangkapan.	Rampasan.		
		Ganja.	Candu.	Morphine
1970	14	*	*	-
1971	13	9 lb. 15 oz.	-	-
1972	15	*	*	*
1973	11	10 lb. 15 oz.	1.4 oz.	-
1974(hingga Jun)	*	*	*	*15 bungkus.

\* Belum dijumlahkan.

RUJUKAN rujukan;

- a. Ibu Pejabat Polis DiRaja Kluang.
- b. Majlis Bandaran Kluang.
- c. Pejabat Kastam dan Eksais DiRaja Kluang.
- d. Pejabat Penerangan Daerah Kluang.
- e. Pejabat Tanah Kluang.

Berdaripada pengguna-pengguna dadah ini 46% daripadanya merupakan pengguna alkohol. Alkohol yang biasa digunakan ialah alkohol beras "Malacca" buatan Inggeris. Standard madu dapat tinggi sehingga peratus 30 pengguna-pengguna dadah. 10% menggunaan morphine dan 6% darinya menggunakan suntik kering.

(BAHAGIAN DUA)

BAB III.

DADAH, KETAGIHAN DAN PENDADAHAN.

3.1 Dadah.

Jenis-jenis Dadah.

Setakat ini kajian dapat mengesani lima jenis dadah sebagaimana digunakan oleh pengguna-pengguna dadah di Kampung Mesjid Lama ini, iaitu ganja (cannabis), alkohol (brand 'Mahaguru'), Mandrax (mx), morphine dan candu keping.

Jenis-jenis dadah	Bilangan Pengguna	%
A. Ganja	33	100
B. Alkohol	15	46
C. Mandrax	10	30
D. Morphine	6	18
E. Candu Keping	2	6

JADUAL 3A

Jadual 3A menunjukkan bahawa ganja adalah dadah yang paling banyak pengguna-penggunanya. 100% daripada pengguna dadah di kawasan ini menggunakan dadah ganja.

Diantara pengguna-pengguna dadah ini 46% daripadanya merupakan pengguna Alkohol. Alkohol yang biasa digunakan ialah alkohol brand 'Mahaguru' buatan England. Mandrax mendapat tempat ketiga dengan peratus 30 pengguna-pengguna dadah. 18% menggunakan morphine dan 6% darinya menggunakan candu keping.

Ramai sedikitnya pengguna-pengguna, banyak sedikitnya penggunaan kepada satu-satu jenis dadah itu, pada dasarnya adalah bergantung kepada harga dan bekalan bahan-bahan dadah itu.

Ganja, walaupun bekalannya buat masa ini agak terhad, tetapi ianya masih mudah diperolehi dari 'runner' (penjual yang mendapat kamsen) dari 'kaki yang terdiri dari pengguna-pengguna itu sendiri. Biarpun harganya agak mahal (\$1.50-\$2.00) sekartus (bungkus) bentuk cerutu ukuran garispusat 1.5 cm dan panjang 5-6 cm) tetapi ia bisa digunakan untuk memberikan 'high' kepada 2-3 orang pengguna. Sebab itu pengguna-pengguna dadah lebih suka menggunakan ganja untuk 'kick' dari menggunakan alkohol.

Alkohol brand 'Mahaguru' ini mudah didapati dari kedai-kedai sains dan kedai-kedai minuman tertentu di bandar ini. Jadi soal bekalan dadah ini tidak timbul. Tetapi alkohol 'Mahaguru' dengan kandungan saiz botol 'orange squash' adalah \$5.00-\$6.00 harganya, yang dapat memberikan 'kick' kepada 1-2 orang sahaja. Selalunya 'Mahaguru' adalah diminum secara persendirian dan tidak dikongsi sebagaimana menghisap ganja.

Mandrax pula dibawa masuk dari Singapura oleh 'expert-expert' tertentu yang selalunya mendapat bekalan dadah ini satu kali dalam satu atau dua bulan. 'Expert-expert' yang terlibat hanya berani membawa 10-20 biji pil ini tiap-tiap sekali bekalan. Untuk mendapatkan 'dose' yang lebih sempurna, pengguna-pengguna harus menelan 2 biji pil saiz Panadol ini.

Morphine dan cандu keping adalah dadah-dadah yang penjualannya tidak terdapat dalam kawasan kajian. Tetapi didapati 6 dari 33 pengguna dadah (18%) ada menggunakan morphine, dan 6% daripada 33 orang itu menggunakan cандu keping. Bekalan kedua-dua dadah ini hanya terdapat pada pusat penjualan dan pusat penghisapan cандu di kawasan pertempatan Cina di Jalan Haji Manan didekat kawasan itu. Ramai pengguna-pengguna dadah disini tidak berani pergi ke kawasan tersebut untuk mendapatkan dadah tersebut memandangkan kepada kejadian 'overdose' yang pernah berlaku dan dialami oleh dua orang pengguna dadah dari kawasan kajian, (juga informant kajian) yang berakibat dari lebihnya sukanan morphine yang dicucukkan (injected) kedalam tubuh. Kurang pengatahuannya menyibar dadah di Jalan Haji Manan ini menentukan sukanan-sukanan morphine yang harus di 'inject' juga kerana alat-alat suntikan yang kurang bersih, maka pengguna-pengguna dadah dikawasan terlibat tidak begitu gemar untuk menggunakan morphine. Tetapi faktor yang lebih penting yang tidak menarik pengguna-pengguna dadah kawasan kajian supaya menggunakan morphine juga cандu keping ialah faktor keselamatan. Pusat menyibar dadah Jalan Haji Manan, yang diselanggarakan oleh orang Cina itu dapatlah dianggap sebagai pusat menyibar dadah yang terbesar, lengkap dengan bilik-bilik rehat dan bilik menghisap cандu (opium-den), dipercayai (oleh pengguna dadah kawasan kajian, yang juga sebagai informant) telah dapat dikesan oleh pihak polis. Mereka menjangka tidak lama lagi pihak polis akan membuat serbuan ke kawasan itu.

### 3.2 GANJA.

Dalam memperkatakan perihal dadah ini, kajian telah mengambil beberapa pertimbangan awal bagi mengelakkan sebarang kekeliruan yang mungkin berlaku diperingkat analisa nanti, dengan pertimbangan bahawa 'There are many factors that contribute to the variability of effects obtaining in marijuana use' (Goode 1972 m.s. 42), kerana selain dari faktor-faktor bio-kimia, ganja terdapat juga faktor-faktor yang terdapat diluar ciri bio-kimia itu, yang dapat menentukan dan mempengaruhi kesan-kesan penggunaan dadah itu.

Pertimbangan-pertimbangan yang dimaksudkan disini ialah mengetahui dengan mendalam apakah 'identity', kadar kuatkuasa kesan (dose or potency), kaedah dan teknik penggunaan (route of administration) dadah yang dinamakan sebagai marijuana atau nama tempatannya ganja.

'Identity' yang dimaksudkan disini ialah penentuan sebenar adakah sesuatu bahan itu dapat dikatakan sebagai dadah (ini telah dibincangkan dalam bab, Rangka Konsep) dan seterusnya apakah bahan-bahan itu benar-benar ganja. Penentuan begini penting dibuat memandangkan kepada adanya bahan-bahan lain yang bukan ganja terdapat didalam pasaran, atau juga ganja palsu. Dari temuramah yang dibuat dengan penghisap-penghisap ganja, kajian mendapatkan maklumat-maklumat bahawa selain dari ganja ada juga daun-daun dan rumput-rumput yang dijual dalam bungkus ganja, atau juga ganja-ganja yang bercampur dengan bahan-bahan bukan ganja seperti daun-daun lada dan rumput serta sebagainya.

Dalam penerangan awal yang diberikan dalam rangka konsep (lihat tajuk Ganja dalam sub-topik jenis-jenis dadah) diterangkan ~~tingkas~~ tentang tetrahydro cannabinol atau THC kependekannya, iaitu ejen yang terdapat didalam ganja, dikatakan sebagai dapat memberikan kesan psychoactive kepada pengguna-penggunanya. Walaupun ada bukti-bukti (dari maklumat-maklumat yang diberikan oleh 'expert' juga pengguna-pengguna dadah yang ditemui) yang menunjukkan bahan THC ini ada dijual dalam pasaran dikawasan terlibat, tetapi kajian gagal dalam usaha-usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut tentang bahan itu samada ianya benar THC atau bukan, kerana bahan ini sangat sedikit jumlahnya dalam pasaran, ditambah pula dengan harganya yang begitu mahal. Tetapi dari 'expert' yang ditemui memaklumkan bahawa THC yang dijual itu kebanyakannya bercampur dengan serbuk morphia (morphine) dan serbuk mandrax (mx).

Kadar kuatkuasa kesan (dose or potency) ganja dikatakan sebagai berpunca dan ditentukan oleh bahan kimia THC yang terdapat dalam getah ganja. Sedang getah-getah ini dikatakan sebagai banyak didapati pada bahagian-bahagian atas (pucuk) pokok ganja. Semakin naik kepucuk tumbuhan cannabis sativa ini, semakin banyaklah getah dan THC dan semakin kuatlah kuasa kesannya.

Jadi gred-gred ganja adalah didasarkan kepada kuat kuasa kesannya. Daun-daun yang dipetik daripada bahagian atas atau pucuk tumbuhan ini adalah gred ganja yang terbaik sekali, yang kelihatan lebih bergetah berbanding dengan daun-daun daripada bahagian bawah tumbuhan itu. Gred ganja yang terbaik, atau gred satu

ini dipanggil oleh pengguna tempatan sebagai 'barang best', yang dapat disamakan dengan apa yang dipanggil sebagai 'charas' di India dan 'hashish' di Timur Tengah dan Amerika Syarikat.

Sedang daun-daun yang dipetik dan lain-lain bahagian (selain daripada pucuk) pokok tumbuhan betina 'cannabis sativa' ini, adalah ganja-ganja yang digolongkan kedalam gred yang sederhana, gred dua, yang masih mempunyai kuatkuasa kesan walaupun kadar kekuatannya tidak sekuat 'barang best'. Ganja gred dua ini oleh pengguna tempatan dipanggil sebagai 'barang bolehlah' atau 'barang boleh jadi' dan ini dapat disamakan dengan apa yang dipanggil sebagai 'bhang' di India.

Bahagian lain pokok yang tinggal setelah dipilih dan dipetik bahagian-bahagian yang penting untuk dijadikan ganja gred satu dan dua, adalah bahagian-bahagian yang masih dapat digunakan untuk dijadikan ganja gred tiga, yang dikatakan sebagai mempunyai jumlah THC yang terlalu sedikit yang bercampur baur dengan unsur-unsur galian dan logam yang terdapat dalam tumbuhan itu. Ganja gred tiga ini masih dapat memberikan 'kick' dan 'high' jika dihisap dengan tarikan nafas yang panjang dan dilakukan berulang-ulang. Tetapi 'high' yang didapati adalah 'high' yang bercampur dengan kepeningenan, atau kadang-kadang tidak dapat memberikan 'high' langsung, sebaliknya mendatangkan semacam kepeningenan dan kebengangan. Berdasarkan kepada kesan yang selalu dirasai oleh pengguna-pengguna, ganja gred tiga ini digelar sebagai 'barang bengang'. Disamping mengandungi daun-daun yang penuh dengan biji barang-barang bengang

umumnya bercampur dengan batang-batang dan bunga-bunga tumbuhan tersebut malah kadang-kadang berdampur dengan tumbuhan bukan ganja seperti rumput dan daun lada.

Tumbuhan *cannabis sativa* dikatakan mempunyai kuat-kuasa kesan yang berbeza-beza diantara satu pokok dengan satu pokok yang lain, dan ini adalah bergantung terutamanya sekali kepada keadaan tanah, cuaca dimana ia ditanam dan tumbuh, bagaimana ia ditanam dan jenis benih. Oleh itu 'barang best' atau 'charas' dari satu pokok adalah berbeza kuatkuasa kesannya dengan 'barang best' atau 'charas' dari pokok yang lain. Malah kadang-kadang didapati 'barang boleh' atau 'bhang' dari satu pokok mempunyai kuasa kesan yang sama atau lebih, kuasa dari kuasa kesan 'charas' atau 'barang best' dari pokok yang lain.

Berdasarkan kepada kandungan THC yang berbeza-beza diantara satu pokok dengan satu pokok yang lain bahawa ada daun ganja yang didapati sebagai tinggi jumlah THC yang dikandungnya dan ada daun-daun ganja yang didapati tidak ada langsung mengandungi THC maka pengkaji-pengkaji yang membuat kesimpulan, '... that technically marijuana is not a drug - it is simply vegetable matter that may or may not contain a psychoactive drug.' (Goode 1972, m.s. 44)

## CARA, TEKNIK PENGGUNAAN (route of administration) GANJA.

Kajian mendapati umumnya ganja adalah dihisap (smoked). Ganja (daun-daung ganja) yang diperolehi dari penjual-penjual dan kaki-kaki adalah dalam bentuk yang kering, lecur kecut dan berderai, masih dapat dikesan warna hijau daun yang kelihatan gelap berbaur dengan warna coklat daung kering. Daun-daun kering ini sedia terbungkus dalam kertas yang kelihatannya juga saiznya seperti sebatang cerutu. Bungkus ganja begini dipanggil sebagai kartus, unit mana digunakan dalam proses pesanan dan penyibaran terakhir,

Sebelum dicampur dengan tembakau (biasanya tembakau rokok atau tembakau Siam), daun-daun kering ganja ini harus digilis dan diganyah untuk memisahkan urat-urat dan biji dari daun kering itu. Ada caranya yang tersendiri untuk mengilis daun kering itu. Daun-daun kering itu diletakkan diatas tapak tangan kiri dan di-dalam keadaan separuh genggam bertindak seolah-olah sebagai lesung, sedang ibujari tangan kanan menjalankan tugas mengilis bertindak sebagai alu. Gilisan harus sempurna bagi memastikan daun-daun kering itu benar-benar hancur. Hanya serbuk daun sahaja yang digunakan sedang urat-urat daun dan biji-biji ini biasanya meletup-letup bila terbakar dan boleh mendatangkan bengang dan pening jika digunakan.

Serbuk-serbuk daun yang dicampur rata-rata dengan tembakau itu kemudiannya digulung dalam kertas rokok (cigarette paper) atau daun nipah untuk dijadikan satu rokok gulung saiz kecil. Gulungan rokok ini oleh pengguna pengguna tempatan dipanggi sebagai

'bidi' atau BD. Nama bidi (BD) digunakan sebagai mengambil semperna nama sejenis cerutu kecil yang dihisap oleh orang-orang India dimana saiz cerutu India ini lebih kurang sama dengan saiz bidi ganja. Sebagaimana pengguna-pengguna di Amerika Syarikat menyebutnya sebagai 'joint' atau J istilah ini juga digunakan oleh pengguna tempatan untuk nama lain 'bidi' (BD).

Penghisap-penghisap duduk berkeliling dan bidi yang menyala dihisap bergilir-gilir mengikut pusingan. Cara begini pernah diceritakan dalam lagu 'Proud Mary' oleh Chicken Shake dalam versi yang berbunyi 'Big wheel keep on turning, Proud Mary keep on burning, Rolling, rolling...'


Sebahagian kecil penghisap-penghisap ganja tidak berapa gemar menghisap ganja dengan cara BD tadi kerana menghisap cara begini dianggap sebagai kurang sihat sebab asap-asap ganja masih panas dan kotor (bercampur habuk-habuk serbuk daun kering tadi). Untuk mendapatkan hisapan yang sihat, asap yang bersih dan sejuk mereka menggunakan 'hookah' atau lain-lain alat yang dapat dijadikan hookah yang simple seperti botol, gelas, tembikai, tebu atau kelapa muda. Menghisap menggunakan hookah dianggap sebagai istimewa dikalangan pengguna kerana ganja yang selalu digunakan adalah ganja dari gred yang baik - 'barang best', juga memandangkan kepada tenaga dan masa yang diambil untuk membuat hookah-hookah simple tadi. Daun kelapa yang digulung dijadikan keruncut atau batang betik, yang kedua-duanya dibuat atau dipotong agak panjang, diletakkan berdiri kedalam botol atau kedalam gelas

atau kelapa muda yang diisi/berisi air (air biasa atau air minuman, biasanya Seven Up atau Coca Cola atau air kelapa muda) separuh penuh. Hujung keruncut daun kelapa atau batang betik yang terjunam kedalam botol dan sebagainya itu dibiarkan tenggelam kedalam air. Daun ganja yang telah halus digilis dan dibersihkan dari biji-biji dan urat-uratnya, dan dicampur ~~pata~~ dengan tembakau itu kemudianya dimasukkan kedalam lubang (yang dibentuk, dikorek seperti mangkok) dihujung bahagian atas keruncut atau batang betik tadi. Untuk memastikan yang campuran daun-daun kering itu tidak terjun masuk dan menyumbat saluran, tapisan rokok (cigarette filter) disumbatkan pada saluran yang berhampiran dengan lubang tempat mengisi campuran daun-daun kering tadi. Sebaik-baik sahaja campuran ini dibakar, seluruh mulut botol atau gelas ditutup dengan tapak tangan dan hisapan/sedutan dibuat melalui celah-celah jari. Asap yang ujud dari kebakaran daun-daun kering tadi turun melalui saluran dan masuk kedalam air untuk disojuk dan ditapiskan, dan timbul semula kepermukaan air untuk sedia masuk kerongga dada melalui mulut penghisap yang menghisap diperlukan atau dimulut botol atau gelas dan sebagainya tadi.

Campuran daun-daun kering yang dihisap secara 'hookah' memerlukan nyalaan api yang terusmenerus dibahagian 'dapur' (lubang dimana campuran tadi diletakkan), kerana biasanya kadar serbuk daun ganja yang dicampurkan adalah lebih besar kadarnya dari kuantiti tembakau. Campuran ini tidak mudah terbakar kerana getah dari daun ganja kelihatan membasahi campuran itu.

Teknik menghisap, baik cara bidi atau cara hookah, peng-

## ALAT ALAT SIMPLE UNTUK MENGHISAP GANJA SECARA 'HOOKAH'



- (a) CAMPURAN DAUNDAUN KERING  
(TEMBAKAU DAN GANJA)
- (b) PENAPIS (FILTER)



- (a)  
(b)



- (c)

hisap-penghisap umumnya membuat satu tarikan nafas yang panjang membenarkan sebanyak mungkin kuantiti asap masuk untuk memenuhi segenap buli-buli paru-paru diruang dada. Helaan nafas yang diperlukan dengan asap kelabu kehijau-hijauan ini tidak demikian dilonggar dan dilepaskan begitu sahaja tetapi ditahan seberapa lama yang boleh, membiarkan sel-sel dadah menyerap unsur-unsur dari asap yang memenuhi ruang-ruang buli-buli paru-paru tadi. Asap ini kemudian ini dilepaskan secara lambat-lambat dan beransur-ansur. Melalui teknik hisapan yang begini, maka dikalangan pengguna tidak disebut menghisap ganja tetapi 'tarik ganja' atau dengan lebih singkat - 'tarik' atau 'berdengung'.

Asap-asap ganja dapat dikenali sebagai berbau seperti bau tali guni terbakar. Bau ini amat kuat dan kita bisa mengagak bahawa dalam lingkungan 30 kaki ini ada orang sedang menghisap ganja.

Selain dari dua cara menghisap yang 'dominant' tadi, kajian juga menemukan ganja sebagai digunakan dalam masakan dan makanan-makanan. Daun-daun ganja dihiris halus bersama-sama daun bawang, udang kering, bawang dan lada, dijadikan rencah untuk membuat jemput-jemput tepung atau cucur kodok. Kaum-kaum Malbari juga dipercayai memasukkan potongan-potongan halus daun ganja kedalam belanga untuk dijadikan ramuan apabila gulai atau sambal yang dibuat itu hampir-hampir mendidih. Pekedai-pekedai ini mempercayai yang gulai atau sambal itu berasa lebih enak dan membuka selera.

Kajian tidak menemukan ganja sebagai digunakan dikawasan terlibat dalam cara-cara yang dibawah. Tetapi Penolong Penguasa Kastam Daerah Kluang menjelaskan cara-cara ini juga pernah digunakan:-

1. Dihancurkan dengan serbuk kopi. Daun-daun ganja yang kering dicampurkan bersama-sama biji kopi dan digiling atau ditumbuk halus. Rasanya lebih menyengitkan dan dikatakan boleh menjadi ubat.
2. Dicampurkan dengan minuman keras. Daun ganja yang kering dicelupkan kedalam air panas dan air panas yang berbau ganja ini diambil dan kemudianya dicampur dengan alkohol atau beer.

Menurut informant-informant yang pernah menggunakan ganja secara dimakan (jemput-jemput berganja), mereka sekurang-kurangnya menanti selama setengah jam atau 45 minit untuk mendapat 'high' dari kesan ganja yang dimakan itu. Berbanding dengan hanya 2 atau 3 minit untuk menanti 'high' dari ganja yang digunakan secara menghisap (smoked). Dengan memakan ganja melalui jemput-jemput mereka terpaksa menanti bahan itu dihadhamkan terlebih dahulu untuk mendapat 'high'. Dikatakan bahawa 'high' dari jemput-jemput berganja tidak dapat dirasakan nikmat 'high' sebagai yang terdapat dan dapat diberikan dari ganja yang dihisap (smoked). Bahawa 'high' yang dirasakan dari jemput-jemput ganja adalah 'high' yang dapat disamakan dengan 'high' mabuk todi.

Umumnya tempoh 'high' sebagai yang dialami oleh penghisap ganja adalah berakhir dalam ~~tempoh~~ 2 hingga 4 jam. Tetapi

ada juga informant-informant yang mendakwa bahawa mereka pernah merasa 'high' bila bangun pagi setelah semalam-malaman nyenyak tidur akibat dari hisapan ganja dipesta tari menari yang dihadhirinya.

### Rujukan

Goode, Erich 1972 Drugs in American Society New York : Knopf ms. 42.

PENDADAH (The Drugtakers)

Pendadah ialah orang yang menggunakan dadah, penghisap ganja, pencandu, pemadat. Tidaklah sebegini mudahnya memberikan maksud erti 'siapa pendadah itu?' Sesungguhnya dalam mengenali type manusia aneh ini, kita tidak sahaja harus tahu siapa-siapa dia yang menjadi pendadah tetapi patut kita ketahui latar belakangnya, biografinya, gambarannya, malah serta-serbinya atau lebih poetic lagi jika diberikan tajuk 'Wajah seorang pendadah'.

- (a) Seorang mahasiswa dalam menghabiskan masa cuti panjangnya, sama-sama menghisap ganja dengan kawan-kawan kampungnya tetapi tidak ia merasakan 'high' sebagaimana yang dijangka-jangkakannya, ia 'give up' lalu tidak mahu lagi ia menghisap dadah itu.
- (b) Seorang professor yang ingin mengetahui 'apa itu ganja', mencuba menghisabnya, ia cuba sebanyak 10 kali dan merasakan 'high' hanya 2 kali, tapi ia puashati kerana 'curiosity'nya telah dipuaskan dan selepas itu ia tidak lagi menghisap ganja.
- (c) Seorang 'boss' pejabat, hanya menghisap ganja dalam parti parti yang dihadhirinya pada setiap penghujung bulan. Ie tidak akan melepaskan peluang menghisap dadah itu jika ia dipelawa.

Apakah mahasiswa, professor dan 'boss' pejabat tadi dapat kita golongkan ke dalam golongan pendadah. Banyak jawapan dan persoalan yang dapat diberi dan ditimbulkan dalam menyelesaikan soalan ini.

10 - 12	11	33.3	Pengguna tetap (regular user)
13 - 20	4	13.3	Pengguna sementara (occasional user)

Dari golongan pesadat, pencandu, pengguna-pengguna heroin, morphine, LSD, Amphetains, barbiturates, baik yang pernah menggunakannya, sedang menggunakan, selalu atau sesekali menggunakannya, kita bisa memilih mereka-mereka yang boleh dapat digolongkan sebagai pendadah kerana dadah-dadah tadi adalah dadah-dadah yang boleh menyebabkan ketagihan. Tetapi adalah amat sukar untuk membedakan pendadah dan bukan pendadah dalam golongan pengguna-pengguna ganja "... there is no precise line that may be drawn delineates the user for the non-user" (Goode 1970, p. 28) kerana ganja adalah non-addicting drug yang boleh menyebabkan pengguna-pengguna ketagih (sila rujuk bab ketagihan). Goode menyelesaikan masaalah ini dengan memberikan pendapat "there is an unbroken continuum in use from the person who tried it once to the daily user". (Goode 1970, p. 28)

Berdasarkan kepada 'unbroken continuum' Goode tadi, kajian telah menggunakan darjah menggunakan/menghisap ganja (purata quantiti dan purata frequency) sebagai meletakkan pengguna-pengguna/penghisap ganja ke dalam katagori-katagori pendadah.

#### JADUAL 4a

Pendadah: Katagori-Katagori Pengguna/Penghisap Ganja berdasarkan frequency menghisap (dalam sebulan)

Purata Frequency (dalam sebulan)	Bil.	%	Pendadah (Katagori-katagori pengguna/penghisap ganja)
0 - 4	10	30.3	Pengguna ringan (occasional users)
5 - 10	8	24.3	)
10 - 15	11	33.3	Pengguna tetap (regular users)
16 - n	4	12.1	Pengguna berat (frequent users)

Selain daripada darjah mengguna (degree of use), kajian juga menggunakan faktor-faktor berikut sebagai menggolongkan pengguna ganja sebagai pendadah; pernah menghisap ganja dan mendapat/merasakan 'high' dari hisapan itu, dan sekurang-kurangnya punya tendensi untuk menggunakan dadah itu jika diberi peluang atau keadaan lazimnya penggunanya berlarutan dari masa ke semasa. Tidak kira bagaimana malanya dan apa tujuannya seseorang itu menghisap ganja bagi kali yang pertama, jika hisapan pertama ini diikuti dengan hisapan-hisapan yang selanjutnya, hingga timbul semacam 'suka' untuk menghisap dadah ini, maka penggunanya dapat dikatakan sebagai pendadah, tidak kira samada frequency hisapannya kerap atau tidak kerap, quantitiinya banyak atau sikit. Frequency dan quantiti lebih ditekankan, bila kajian cuba membahagikan pendadah ke dalam katagori-katagori seperti yang terlihat pada jaduala iaitu:-

1. Pengguna ringan (occasional user)
2. Pengguna tetap (regular user)
3. Pengguna berat (frequent user)

Seorang pendadah/pengguna ganja itu tidak semestinya tetap dalam satu katagori sahaja, tetapi sentiasa berinjak-injak dari satu katagori ke katagori yang lain. Dalam satu jangka masa tertentu, seseorang pendadah itu dapat dipanggil sebagai pengguna tetap atau pengguna ringan, sedang dalam satu jangka masa yang lain pula, ia mungkin digolongkan ke dalam pengguna berat. Atau sebaliknya, bergantung kepada frequency dan quantiti hisapan. Jadi bilangan pengguna dalam satu-satu kelas pengguna itu adalah tidak tetap tetapi berubah-ubah. Keadaan ini berlaku ikutan dari kenyataan bahawa ganja

bukanlah tergolong dalam 'addicting-drugs', jadi ia tidak dapat menyebabkan ketagihan (sila lihat penguraian lanjut dalam bab 'Ketagihan').

Kajian juga menggunakan faktor pengalaman menghisap ganja (tahun) pengguna-pengguna sebagai menentukan, memastikan bahawa pengguna itu adalah pendadah. Faktor ini penting kerana ia dapat menunjukkan yang pengguna-pengguna ini punya tendency untuk menghisap ganja jika dipelawa/diberi peluang, juga menunjukkan yang pengguna pengguna ini pernah mengulangi perbuatan itu (menghisap ganja) yang menunjukkan adanya semacam 'suka' kepada dadah tersebut.

JADUAL 4b

Pengalaman Menggunakan Ganja	Bilangan	%
17 dan 17	3	3
18 dan 19	9	9
20 dan 21	15	15
22 dan 23	49	49
24, 25, 26, 27, 28	21	21
30 dan lebih 30	3	3

Pengalaman (tahun)	Bilangan	%
1971	1	3
1970	13	40
1969	5	15
1968	6	18
1967	6	18
1966	2	6

Jadual 'Pengalaman Menggunakan Ganja' di atas sebenarnya rapat kaitannya dengan umum pendadah-pendadah tersebut.

Terdapat dari serid-serid tiga kelas 4, 5, 6. Kira-kira 30-35 pendadah ganja adalah bersifat pengguna-pengguna ringan.

UMUR

Sebahagian besar dari pengguna-pengguna dadah (pendadah) penghisap ganja khususnya adalah terdiri daripada orang-orang muda, terutamanya berumur lewat belasan (18-19) dan awal dua puluhan (20-21-23). Pengguna-pengguna dibawah umur lima belas tahun boleh dikatakan tidak ada, sedang pengguna-pengguna dilebih umur tiga puluh begitu kecil sekali bilangannya.

JADUAL 4c: Tingkat Umur Pendadah (Penghisap Ganja Khasnya)

Umur	Bilangan	Peratus %
Bawah 17 dan 17	1	3
18 dan 19	3	9
20 dan 21	5	15
22 dan 23	16	49
24, 25, 26, 27, 28, 29	7	21
30 dan lebih 30	1	3

Dalam perkaitannya dengan katagori pendadah (frequency dan quantiti) (lihat Jadual 4a), kajian mendapati bahawa pendadah pendadah berumur 15-17 tahun boleh dikatakan tiada tergolong dalam pengguna-pengguna tetap, atau pengguna-pengguna berat. Walaupun kajian tidak menemukan murid-murid sekolah sebagai didapati menghisap ganja, tapi kajian sungguh percaya, iaitu berdasarkan kepada tingkat umur yang diperolehi, pengguna-pengguna ganja yang dapat digolongkan ke dalam katagori pengguna ringan. Sebahagian dari padanya adalah terdiri dari murid-murid tingkatan 4, 5, 6. Kerana 30.3% pendadah ganja adalah terdiri daripada pengguna-pengguna ringan.

Kajian mendapati 69.7% pengguna-pengguna ganja/pendadah yang tergolong sebagai pengguna-pengguna tetap dan pengguna berat itu, sebahagian besarnya adalah terdiri dari mereka-mereka dalam lingkungan umur dua puluhan dan lingkungan umur 30-31 tahun. Kajian tidak dapat membuatkan satu pemisahan yang jelas, dari segi umur, untuk membezakan antara pengguna tetap dengan pengguna berat, kerana apa yang ujud ialah semacam timbal balik (overlapping) antara dua golongan pendadah ini. Tetapi secara oversimplifikasi, pendadah pendadah berat kebanyakannya adalah mereka yang telah berumur lewat dua puluhan (25 tahun ke atas) dan umur-umur 30-31 tahun, tapi, ini tidak bermakna yang mereka-mereka awal dua puluhan (20-21-22-23-24-25) dan lewat belasan (18-19) tidak ada yang tidak tergolong dalam pendadah-pendadah berat, tetapi pada umumnya umur-umur bagi pengguna-pengguna tetap.

Kajian telah mendapati bahawa pengguna-pengguna berumur 23 tahun adalah golongan umur pendadah yang terbesar dibandingkan dengan golongan umur pendadah yang lain (28 peratus). Jadi umur 23 tahun, dapatlah dijadikan sebagai umur penengah (medium age) pendadah, khususnya pengguna-pengguna ganja.

#### JADUAL 4d

##### Pendadah: Lingkungan Umur

Lingkungan Umur	Bilangan	Peratus
Belasan	4	12
Dua puluhan	28	85
Tiga puluhan	1	3

Dari segi lingkungan umur, darjah (concentration) penumpuan pengguna ganja adalah tinggi di kalangan pengguna-pengguna lingkungan umur-usur dua puluhan (lihat Jadual 4d di atas).

Terdili dari kaum wanita, baik wanita bujang, janda atau pun suri-

#### Sex/Status

Hasil dari kajian yang dijalankan di kawasan terlibat mendapati seluruh pendadah khususnya penghisap dadah 'cannabis', adalah terdiri daripada kaum lelaki bujang (belum pernah berumah tangga). Tidak ditemui lelaki berkahwin, lelaki pernah berkahwin (termasuklah duda-duda) yang didapati menghisap ganja, walaupun didapati kaum lelaki jenis ini selalu bercampur gaul dengan pendadah-pendadah.

Kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji di New York seperti Erich Goode dan redaksi pengarang surat khabar harian The East Village Other (EVO) yang pembaca-pembacanya ramai terdiri daripada penghisap-penghisap dadah, dapat ditemui pendadah-pendadah wanita. Walatupun dikatakan 'the user is more likely to be male than female' dan 'this male dominance was maintained for every drug' (Erich Goode 1970, ms. 32 dan ms. 33). Misalnya EVO memperlihatkan peratus distribusi sex penghisap ganja sebagai 69/31 (The East Village Other, Keluaran April 1967). Goode memperlihatkan distribusi gender khasnya menghisap ganja (sila lihat 'menghisap rokok'). sex pendadah-pendadah sebagai berikut:-

JADUAL 4e

Borang menghisap di New York (data dalam peratus)

Sex	Dadah2	LSD	Amphe-	Barbi-	BMT	Mes-	Candu	caline	Cocaine	Heroin
	Dadah		tamine	turates	or	DET				
Lelaki	55	47	31	28	22	27	25	25	19	
Wanita	41	37	14	25	18	8	12	12	6	

Kajian mendapati tidak seorang pun dari pendadah-pendadah atau mereka-mereka yang mencuba-cuba dadah (biar pun sekali) yang terdiri dari kaum wanita, baik wanita bujang, janda atau pun suri-suri rumah tangga. Proposisi  $\frac{4}{5}$  daripada pendadah sebagai terdiri dari Wanita (Goode 1970 ms. 32) adalah terlalu besar bagi 'masyarakat pendadah' di Malaysia. Walaupun kajian tidak bertemukan seorang wanita pun untuk dimasukkan ke dalam gulungan pendadah, ini tidak bermakna pengkaji menolak langsung pendapat bahawa wanita juga terlibat dalam penggunaan dadah-dadah yang dimaksudkan. Pengkaji percaya, tentang adanya pendadah-pendadah wanita, tetapi jumlahnya adalah 'terlalu' kecil sebagaimana 'terlalu' besarnya bilangan pendadah lelaki, iaitu jika dibuat satu perbandingan dan kadar antara sex.

Ada beberapa sebab mengapa bilangan pendadah-pendadah wanita terlalu kecil, jauh mencapai kadar 1:5 sebagai yang dikatakan oleh Goode, berbanding dengan pendadah-pendadah lelaki. Sebab yang pertama adalah berkaitan dengan pandangan masyarakat terhadap wanita-wanita yang menghisap rokok. Kajian ada menyebutkan bahawa tendensi yang besar dikalangan perokok-perokok tetap untuk terlibat dalam penggunaan dadah khususnya menghisap ganja (sila lihat 'menghisap rokok').

Suasana masyarakat di New York khususnya atau dalam masyarakat Eropah amnya, menghisap rokok dikalangan wanita (bujang, janda, atau suri rumah tangga) telah menjadi satu kebiasaan sebagaimana juga biasanya perlakuan bercium berkucup dikhaleyak ramai. Tidak ada norma/nilai dalam

masyarakat tersebut yang mengatakan perlakuan-perlakuan tadi sebagai tidak manis atau tidak sopan. Berlainan sekali halnya dengan masyarakat Timur, masyarakat Melayu khasnya, bukan sahaja norma, mores, tapi juga sanction, mungkin tindakan discipline atau diambil terhadap mereka yang melakukan perlakuan-perlakuan tidak sopan itu. Bertitik tolak dari sini, maka kita dapat perbuatan menghisap rokok dikalangan wanita (khasnya bawah umur 30) dalam masyarakat Melayu adalah jarang-jarang ditemui. Kerana menghisap rokok dapat digunakan sebagai 'stepping stone' untuk menghisap ganja, maka tidak hadhirnya wanita dalam dunia menghisap ganja di kawasan kajian adalah berpunca dari tidak adanya di kalangan wanita yang menghisap rokok.

Kajian juga tidak menemukan kes-kes menghisap ganja di kalangan lelaki lewat umur 30an khususnya yang sudah berumah tangga (juga duda-duda) walaupun dari tinjauan dan temuramah yang dijalankan beberapa orang dari mereka pernah menghisap ganja dimasa mudanya (bujang) yang dapat digolongkan ke dalam 'pengguna-pengguna ringan'. Menghisap ganja bagi mereka adalah 'hiburan anak-anak muda', 'sudah menjadi adat orang-orang muda' 'yang selalu dilalui oleh orang-orang bila masuk alam remaja', '... satu 'test' yang menunjukkan seseorang itu telah dewasa'.

Kajian tidak dapat membuktikan sebagai apa yang dikatakan oleh Schofield, 'When the present younger generations have grown up, married and become parents, some of them will still smoke pot occasionally' dapat disanding dengan "the transient fashion cults" anak-anak muda.

dan menganggap menghisap ganja sebagai perlakuan-perlakuan yang melampaui perlakuan-perlakuan 'delinquency', 'non-comformity' anak-anak muda (Schofield 1971 ms. 11). Kepada bekas-bekas penghisap-penghisap ganja (yang kini sudah berumah tangga dan sudah mempunyai anak), ditanya adakah mereka-mereka ini menghisap ganja dan akan menghisap ganja jika diberi peluang untuk menghisap dadah itu,

"..... tidak, tak mungkin saya akan menghisap-nya lagi. Saya menyesal kerana pernah menghisap ganja masa muda-muda dulu, Buruk menghisap ganja ni! buang duit, buang masa, orang tak suka, kalau kena tangkap polis kan malu".

"Masa muda-muda dulu bolehlah. Tapi dah tua-tua begini tak payahlah. Banyak lagi soal-soal rumah, belanja dapur yang patut di selesaikan, tidak ada 'masa' untuk berpoya-poya".

"Saya dah taubat. Banyak sangat dosa masa muda-muda dulu... sebab orang-orang muda ni suka ikut hati, apa dia hendak buat, dia buat. Bila dah tua, dah kahwin, barulah dia sedar"

Dari pendapat-pendapat mereka-mereka yang pernah menghisap ganja, yang kini sudah berumah tangga dan beranak pinak, kajian membuat kesimpulan bahawa perlakuan ini tidak lebih dari perlakuan-perlakuan 'delinquency' anak-anak muda, yang tidak berbeda dengan perlakuan 'non-conformity', 'rebellion' dan 'sexual adventure' anak-anak muda. Juga dapat disamakan dengan "the transient fashion cults" anak-anak muda

seperti berpakaian groovy, rambut panjang, memakai jean lusuh, misai janggut dibiar tumbuh meliar dan sebagainya, yang selalunya ditinggalkan bila anak-anak muda ini meningkat dewasa dan berumah tangga.

#### Latar Belakang Keluarga dan Kelas Sosial

3. 501 - 509  
Kajian tidak dapat melihat sebagai adanya satu 'type' latar belakang keluarga dan kelas sosial, yang dapat dijadikan asas membezakan pendadah dengan non-pendadah, sebagai apa yang pernah diperlihatkan oleh Goode seperti berikut:

6. 501 - 600  
7. 501 - "The class backgrounds of marijuana smokers, as opposed to those who have never smoked marijuana, are relatively higher. Probably the higher  
8. 701 - income of One's family, the higher the education  
9. 501 - of One's parents, and the greater the prestige  
of one's father's occupation, the greater the likelihood of smoking marijuana.

(Erich Goode, 1970, ms. 35)

Jadual 5 : Latar Belakang Keluarga Pendadah-Pendadah

Tetapi apa yang ujud adalah keadaan yang sebaliknya dari apa yang dikatakan oleh Goode itu, iaitu bahawa adanya bukti bukti yang jelas yang menunjukkan 64% daripada pendadah-pendadah sebagai mempunyai latar belakang keluarga yang ekonominya, dapat keluarga itu dikatakan sebagai miskin atau secukupnya. Dan 75% pendadah adalah mereka-mereka yang punyai latar belakang keluarga yang memperlihatkan diri 'disorganized'.

Untuk bahan di Malaysia.

Pendapatan Keluarga Bulanan (RM)	Bilangan	%
1. Bawah 100	11	34
2. 101 - 200	7	21
3. 201 - 300	3	9
4. 301 - 400	7	21
5. 401 - 500	4	12
6. 501 - 600	0	0
7. 501 - 700	0	0
8. 701 - 800	0	0
9. 801 - lebih	1	3

Jadual 4f Latar Belakang Ekonomi Keluarga Pendadah-Pendadah.

Walaupun kajian tidak menafikan bahawa terdapatnya pendadah-pendadah yang berasal dari keluarga yang berada, yang sempurna, punya latar belakang sosial yang baik, tetapi apa yang disifatkan oleh Goode sebagai "There seems to be something like a linear relationship between social status and potsmoking" (Goode.E. 1970 Ms. 36) tidaklah universal sifatnya, hanya benar untuk keadaan masyarakat di New York tetapi tidak di Malaysia.

Perpecahan Keluarga	Bilangan	Peratus
Tanpa Bapa atau Ibu atau Keduanya	14	42
Perceraian Ibu-Bapa	4	12
Pertentangan Ibu-Bapa	2	6
Pertentangan dengan Ibu-Bapa	6	18
Jumlah	26	78

Jadual 4g Perpecahan Keluarga

Dapat ditunjukkan di sini bahawa 78% dari pendadah-pendadah itu adalah mereka-mereka yang dapat digolongkan sebagai orang-orang yang kurang berasib baik, dalam kehidupan berkeluarga bersama-sama keluarga orientasi mereka, yang sesungguhnya dapat dikatakan sebagai keluarga-keluarga yang mengalami perpecahan.

Keluarga adalah satu-satunya unit sosial yang paling penting dalam menjalankan tugas-tugas orientasi dan sosialisasi seseorang, baik sosialisasi bentuk informal (membentuk sikap, discipline, pegangan ugama, moral) maupun sosialisasi bentuk formal (mendapatkan ilmu pengetahuan disekolah). Kerana socialisasi informal ini, juga persekolahan anak-anak bisa terganggu dalam keadaan di mana berlakunya perpecahan dan disorganisasi sebagai yang ujud dalam keluarga.

Jadi, biarpun jadual 4f, menunjukkan 36% dari pendadah-pendadah adalah berasal dari keluarga-keluarga yang mewah dan berada, kemewahan dan latar belakang ekonomi yang baik, tidak semestinya dapat memberikan kesempurnaan proses sosialisasi anak-anak, jika suasana yang ujud dalam keluarga itu tidak membenarkan berlakunya proses socialisasi sebagaimana yang sepatutnya. Keciciran (drop-out) dalam persekolahan tidak sahaja disebabkan oleh masalah-masalah ekonomi keluarga, tetapi juga disebabkan oleh masalah-masalah perpecahan keluarga.

Tingkat Persekolahan	Bil.	Peratus
Sekolah Rendah (Darjah 1-6)	1	3
Menengah Rendah (Tingkatan 1 - SRP)	19	58
Menengah Tengah (Tingkatan 4 - SPM)	13	39
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100</b>

Jadual 4h: Taraf Persekolahan/Pelajaran

Walaupun kajian tidak menafikan bahawa adanya pendadah-pendadah yang terdiri dari budak-budak sekolah, pelajar-pelajar juga mahasiswa-mahasiswa, tetapi dari apa yang dibuktikan, pendadah-pendadah pada umumnya, pada bahagian besar jumlahnya adalah terdiri dari mereka-mereka yang tidak lagi bersekolah dan mereka-mereka yang memiliki taraf

persekolahan tidak lebih dari tingkatan 5. Satu hal yang menarik hasil tinjauan ke atas pendadah-pendadah ini ialah tidak adanya kes menggunakan dadah/menghisap ganja dikalangan pendadah-pendadah ini di waktu mereka di bangku sekolah. Jadi dapat disimpulkan di sini bahawa kes dadah dikalangan murid sekolah dan pelajar adalah terlalu kecil berbanding dengan kes dadah di kalangan bekas-bekas pelajar dan di kalangan mereka-mereka yang tidak bersekolah, kerana keadaan pergaulan dan perhubungan diperingkat sekolah tidak membenarkan kes yang tidak diingini ini berlaku. Sesungguhnya pergaulan dan perhubungan dengan kelompok-kelompok tertentu, group-group tertentulah yang dapat dikaitkan dengan 'menjadi seorang pendadah' seseorang itu (dan ini dibincang lanjut dalam bab 'Menjadi Pendadah').

#### 4.2 Menghisap Rokok dan Menghisap Ganja

Pada dasarnya orang-orang yang menghisap ganja dalam masa yang sama juga adalah mereka-mereka yang menghisap rokok dan peminum. Kajian mendapati seluruh penghisap-penghisap ganja yang ditemui adalah penghisap rokok, atau lebih tepat lagi penagih rokok, dan 12 orang daripadanya adalah peminum (minuman keras). Malah dari expert-expert yang ditemui untuk membincangkan perkara ini berpendapat "hampir setiap orang yang menghisap rokok itu sebenarnya pernah menghisap ganja, tapi kita tidak pernah tahu dan mereka juga tidak akan memberitahu bahawa mereka pernah menghisap ganja, kerana perbuatan menghisap ganja ini dipandang buruk oleh masyarakat. Tetapi bagi penghisap-

- 17 -

penghisap ganja, perbuatan menghisap ganja itu sebenarnya satu perkara biasa yang sama juga seperti menghisap rokok".

Juga seperti 'expert' ini, penghisap-penghisap ganja lainnya juga memberikan pendapat bahawa rokok dan ganja itu lebih kurang sama - kedua-duanya dihisap, bezanya ganja dapat memberikan kesan nikmat yang lebih dari rokok, kerana itu ganja dihisap sekali sekala. Rokok pula, kenikmatan yang diberikan sedikit sekali, tapi ia dapat memberikan kepuasan, kerana itu kita menghisap rokok pada tiap-tiap hari terutamanya selepas makan.

Jadi bagi pengguna-pengguna ganja, merokok dan menghisap ganja itu sama, sama dalam erti kata bahawa kadar antara kepuasan yang diberikan oleh rokok dan kuantiti rokok yang dihisap, dengan, kenikmatan yang diberikan oleh ganja dan kuantiti ganja yang digunakan adalah sama.

Berdasarkan kepada pengalaman mereka menghisap rokok dan menghisap ganja, untuk mendapatkan pendapat-pendapat mereka tentang bahaya ganja dan rokok, kajian merumuskan sebagai (28 orang) penghisap penghisap ganja yang ditemui mengatakan ganja sebagai tidak merbahaya, dan 21 orang daripada jumlah itu berpendapat bahawa rokok lebih merbahaya dari ganja (lihat ruangan 'User' dalam jadual 4(i)).

Rumusan yang dapat dibuat disini ialah bahawa pada umumnya penerimaan seseorang penghisap rokok untuk menghisap ganja adalah

- 10 -

penerimaan yang diasaskan kepada anggapan-anggapan bahawa ganja sebagai lebih kurang sama dengan rokok, dan ganja sebagai tidak merbahaya.

Memandangkan kepada perkaitan yang begitu rapat antara menghisap rokok dengan menghisap ganja, maka kajian percaya bahawa setiap orang yang menghisap rokok adalah mempunyai tendensi yang besar untuk menjadi penghisap ganja, atau sekurang-kurangnya mau cuba-cuba menghisap ganja.

Begitu juga dengan orang-orang yang bukan perokok, adalah tidak mungkin dan mustahil untuk menjadi penghisap. Kerana mereka bukan sahaja tidak tahu merokok dan seterusnya (sudah tentunya) tidak tahu menghisap ganja, tetapi juga kerana anggapan mereka terhadap kedua-dua dadah ini adalah bertentangan sekali dengan anggapan-anggapan yang dipegang oleh penghisap-penghisap ganja. Temuramah-temuramah yang dibuat mengenai perkara tersebut dari kedua-dua gulungan informant dapat diperlihat dalam jadual 4(i). Bahawa 82% non-user berpendapat bahawa ganja sebagai merbahaya, walaupun 49% dari mereka yang mengatakan rokok sebagai tidak merbahaya kerana (pada pendapat pengkaji) rokok adalah 'legal drug' dan mereka menganggap setiap yang di 'legal'kan itu sebagai tidak merbahaya.

	'User'		'Non-user'	
	Bil.	%	Bil.	%
Ganja, rokok tidak merbahaya	7	21	0	0
Rokok lebih merbahaya dari Ganja	21	64	0	0
Ganja lebih merbahaya dari rokok	3	9	16	49
Rokok, ganja sama merbahaya	2	6	11	33
Tidak tahu	0	0	6	18
	33	100	33	100

Jadual 4(i): Perbandingan pendapat tentang bahaya rokok dan ganja, antara 'user' dengan 'non-user'.

#### Kebandaran (Urbaness)

Pendahad, penghisap-penghisap ganja khususnya, kebanyakannya adalah terdiri daripada orang-orang yang tinggal di bandar berbanding dengan orang-orang yang tinggal di kampong. Kajian tidak bermaksud membuat satu perbandingan kawasan geografi (antara kampong dengan bandar), tetapi lebih membuat fokus kepada perbandingan daerah sosial (social area). Bahawa pendahad-pendahad adalah lebih ramai ditemui di kawasan-kawasan mana penduduknya tinggi, dengan beberapa ciri lain yang dapat memberikan sifat satu-satu kawasan itu sebagai bersifat kebandaran (urbaness), baik di kawasan pusat, maupun di kawasan pinggirnya.

Walaupun begitu, ini tidak bererti tidak ada langsung hadhirnya pendadah dan pendadahan di kawasan kampung/luar bandar. Sesungguhnya suasana kebandaran (urbaness) itulah yang dapat dikaitkan dengan besarnya jumlah pendadah dan kegiatan pendadahan di bandar dibandingkan dengan jumlah yang terdapat di kampong. Berasaskan kepada tempata-tempat asal pendadah-pendadahan, kajian mendapati 61% dari jumlah pendadah-pendadah adalah mereka-mereka yang berasal dari kawasan bandar, dilahirkan dan dibesarkan di bandar. Sedang 39% lagi adalah pendadah-pendadah yang tempat asalnya dari kawasan kampung, yang kini menetap di bandar.

Daerah/Kawasan Asal Pendadah <sup>2</sup>	Bandar		Kampong		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kluang	19	58	3	9	22	67
Batu Pahat	0		2	6	2	6
Muar	0		5	15	5	15
Pontian	0		1	3	1	3
Mersing	0		1	3	1	3
Kota Tinggi	0		1	3	1	3
Singapura	1	3	0		1	3
Jumlah	20	61	13	39	33	100

Jadual 4(j) Kawasan Asal Pendadah-Pendadah

Perpindahan/penukaran ke bandar dalam proses urbanisasi seimbang bandar, umumnya adalah perpindahan yang melibatkan golongan pesuda, kerana golongan ini lebih flexible dan punya derjah mobiliti yang tinggi berbanding dengan golongan-golongan umur lainnya. Sedikit demi sedikit tetapi dengan cepat dapat menyesuaikan diri dengan apa-apa yang terdapat di kawalingnya, suasana, environment, bandar, kerana dirasakan dirinya sebagai terlepas dari ikatan ikatan norma kampung dan pantang tegah keluarga. Jadi, tidaklah hairan jika peratus penduduk 39 itu terlibat dalam aktiviti pendadahan di bandar, biarpun semasa di kampung dahulu, mereka tidak dapat digolongkan sebagai penduduk, sedangkan bekalan ganja di kampung adalah lumayan berbanding dengan bekalannya di bandar. Sesungguhnya lahir suasana kebandaran (urbanesse) itulah yang boleh menyebabkan seseorang itu terlibat dalam aktiviti pendadahan.

#### 4.4 Pegangan Keugamaan

Kekuatan pegangan keugamaan seseorang adalah penting dipergunakan untuk melihat kesungkinan dan kecenderungan seseorang itu untuk terlibat dalam satu-satu perlakuan deviant atau jenayah, khususnya dalam penggunaan dadah dan penghisapan ganja. Kaitan antara pegangan ugama dengan penggunaan dadah dan lain-lain perbuatan delinquency dan jenayah, diperlihatkan sebagai satu perkaitan yang negatif. Orang-orang yang taat menjalani suruhan ugama mempunyai kesungkinan dan kecenderungan yang kecil untuk terlibat dalam melakukan

perbuatan-perbuatan dilingkung dan jenayah, menggunakan dadah antaranya, berbanding dengan mereka yang longgar pegangan ugama serta melalaikan suruhan ugama. Perkaitan begini pernah dibuktikan kebenarannya dari kajian-kajian yang dijalankan oleh Gannon (1962), Johnson (1972), Martin dan Fitzpatrick (1964) dan beberapa pengkaji-pengkaji lain.

Ajaran Islam adalah malarang pengikut-pengikutnya dari menggunakan (makan dan minum) bahan-bahan yang memabukkan terutamanya arak (alcohol). Ini ada dijelaskan didalam Al Quran dalam Surah Al-Baqarah ayat 219 dan Surah Al-Maa'idah ayat 90. Dalam ayat yang terkesudian itu disebutkan:

Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya 'khamar' judi, berhala dan bertengun nasib itu adalah perbuatan keji termasuk dalam perbuatan syaitan, kerana itu jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu beroleh sukses (Al-Quran, Surah Al-Maa'idah Ayat 90)

'Khamar' yang dimaksudkan dalam ayat itu tidak sahaja dirujukkan kepada arak (alcohol) tetapi kepada semua bahan (cecair atau pepejal) yang bila digunakan (khususnya dimakan atau diminum atau disuntik atau dihisap) dan boleh mendatangkan mabok kepada penggunanya. Jadi dalam hal ini semua dadah-dadah baik 'legal' atau 'illegal', juga tidak terkecuali ganja adalah 'Khamar'. Menggunakannya dikatakan haran dan berdosa. Seorang yang benar-benar kukuh pegangan keugamaannya serta pengalang-penghalang golah yang dibenci, (lihat jarak 167 yang pernah dari penghalang-penghalang tersebut sebagai seorang pengikut Islam tidak leikit dari suriah ilmu Pengetahuan Umat Negara, 13) peringkat ini, di lagi sehingga mengalami malulah suriah 6. Sedang

beriman kepada ayat-ayat Al-Quran dan Hadith, menjalankan apa yang disuruh dan menjauhi dari apa yang ditegah, sudah tentu akan enggan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pendadahan juga penggunaan dadah.

Kekuahan pegangan ugama selalunya dikaitkan dengan pengetahuan ugama yang dimiliki oleh seseorang, lazimnya ketaatan berugama yang kuat bersebab dari pengetahuan ugama yang luas. Walau pun masih dapat diterima pendapat bahawa pengetahuan ugama yang luas yang dimiliki tidak semestinya dapat dijadikan pendinding yang mutlak dari menahan seseorang itu dari terlibat dalam penggunaan dadah, seorang siswazah Islam lepasan Universiti Azhar tidak semestinya seorang Islam yang taat menjalani suruhan-suruhan Ugama. Tetapi umumnya dengan pengetahuan ugama yang luas itu pegangan dan ketaatan berugama dapat lagi diperkuatkan, atau sekurang-kurangnya menolong mengenali apa yang disuruh dan apa yang dilarang oleh ugama.

Sedang kekurangan pengetahuan ugama pula dapat dikesan sebagai berakibat dari kesilapan-kesilapan dan gangguan yang berlaku dalam proses sosialisasi, khususnya sosialisasi formal (persekolahan) yang diterima oleh seseorang itu.

Ditinjau dari tingkat persekolahan ugama dikalangan penghisap-penghisap ganja yang ditemui, (lihat jadual 4k) yang peratus dari penghisap-penghisap tersebut sebagai mempunyai pengetahuan ugama tidak lebih dari darjah lima Persekutuan Ugama Negeri Johor,(1) peringkat asas, 9% lagi sebagai mempunyai kelulusan darjah 6. Sedang

13 peratus penghisap-penghisap ganja yang ditemui diketahui sebagai tidak pernah bersekolah ugama. Dari Jadual 4(k) dapat diperhatikan 30 dari 33 orang pendadah/penghisap ganja adalah mereka-mereka yang dapat dikatakan sebagai memiliki pengetahuan ugama yang kurang dari yang sepatutnya, yang benar-benar dapat menimbulkan rasa keinsafan untuk taat mengerjakan suruhan igama dan menjauhi apa yang dilarang.

Nota (1) Persekolahan Ugama Negeri Johor adalah satu sistem didikan ugama yang formal di bawah Kelolaan Jabatan Pelajaran Negeri dengan Kerjasama Jabatan Igama Negeri. Sistem persekolahan seperti ini diketahui sebagai ujud hanya dalam 2 buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Johor dan Kelantan. Sistem persekolahannya lebih kurang sama dengan sistem persekolahannya Kementerian Pelajaran ~~sekolah~~ Malaysia seperti guru bergaji, uniform, dengan mata-mata pelajaran ugama yang utama seperti Tauhid, Fekah, Adab, Tasyauf, Al-Quran (Tajuid dan Tafsir, Sejarah) Kelas-kelas diadakan disebelah petang antara jam 1 hingga 6 petang. Peringkat Persekolahan dibahagikan kepada 2 peringkat (1) Peringkat Asas (Rendah) (2) Peringkat Mahaad ~~dan~~ (Menengah). ~~yang adalah hasil berbanding dengan mereka yang tidak~~ Langsung menjalankan suruhan-suruhan agama. ~~Untuknya orang-orang yang~~ taat menjalankan suruhan agama lebih sedikit bilangannya untuk terlibat dalam penggunaan dedah berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai pengetahuan agama yang juga tidak menjalankan suruhan-suruhan ini. Perihalnya begitu pernah dituliskan oleh Bruce Johnson dalam kajian penggunaan dedahnya dilakukannya pematuhan-pematuhan di New York.

Tingkat Persekolahan Ugama	Bilangan	Peratus
Darjah 6	3	9
Darjah 5	2	6
Darjah 4	7	21
Darjah 3	11	33
Darjah 2	4	12
Darjah 1	2	6
Tidak bersekolah	4	13
	33	100

Jadual 4(k): Pengetahuan Ugama

Ketaatan berugama seseorang itu dapat ditinjau secara zahir dari perakuan-perakuan ugamanya seperti mengerjakan sembahyang lima waktu, sembahyang jumaat, puasa bulan Ramadan dan menunaikan fardu haji ke Mekah. Walaupun begitu, ketaatan berugama seseorang tidak membawa erti yang orang itu sentiasa dapat menahan diri dari melakukan larangan-larangan ugama, tetapi kecenderongan untuk melakukan perbuatan perbuatan larang adalah kecil berbanding dengan mereka yang tidak langsung menjalankan suruhan-suruhan ugama. Umumnya orang-orang yang taat menjalankan suruhan ugama lebih sedikit bilangannya untuk terlibat dalam penggunaan dadah berbanding dengan mereka yang tidak mempunyak pengetahuan ugama yang juga tidak menjalankan suruhan-suruhan ini. Perhubungan begini pernah dibuktikan oleh Bruce Johnson dalam kajian penggunaan dadahnya dikalangan penuntut-penuntut di New York.

Di kalangan pelajar yang rajin ke gereja pada tiap-tiap Ahad, 77% daripada adalah mereka-mereka yang tidak pernah menghisap marijuana, dan di kalangan pelajar yang tidak pernah sekali pun datang ke gereja, hanya 26% darinya yang tidak menghisap ganja. (Johnson 1972).

Untuk melihat perkaitan antara penggunaan dadah dengan ketaatan berugama, kajian menggunakan faktor-faktor perlakuan ugama seperti sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat dan puasa Ramadan sebagai faktor-faktor yang dapat menunjukkan ketaatan berugama seseorang itu secara zahir. Pemilihan faktor-faktor ini adalah didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan dari perbahathan yang dinyatakan di atas tadi.

Melalui, temuramah-temuramah dan tinjauan-tinjauan yang dibuat, kajian mendapati tidak ada seorang pun dari 33 penghisap ganja itu yang menunaikan kelima-lima sembahyang fardu sehari semalam ini dengan penuh/cukup. Walaupun begitu masih ada di antara mereka yang cuba menunaikan Rukun Islam yang kedua ini, walaupun tidak dapat menunaikannya untuk kelima-lima waktu itu. Tetapi bilangan mereka yang sembahyang begini kecil sekali - cuma 9 orang. Sedang 24 orang lagi adalah mereka yang tidak pernah sembahyang langsung (lihat Jadual 4(I)).

Pertimbangan-pertimbangan yang dibuat dari maklumat-sahaman yang diperolehi dari individu-individu galungan informasi ini (tentang ibadat sembahyang yang dilakukan) dapat dituliskan dari Jadual 4 (n)

Bilangan Sembahyang	Bilangan	Peratus
Cukup 5 waktu	0	0
3 atau 4 waktu	2	6
1 atau 2 waktu	7	21
Tidak pernah Sembahyang	24	73
	33	100

Jadual 4(I): Sembahyang Lima Waktu

Walaupun ibadat sembahyang lima waktu ini masih dapat dijadikan faktor untuk melihat perlakuan deviant tetapi di dalam keadaan masyarakat di mana meninggalkan sembahyang adalah satu kebiasaan umum, faktor ibadat sembahyang diperhatikan sebagai satu faktor yang sangat lemah dalam mempengaruhi perlakuan-perlakuan deviant, terutamanya penggunaan dadah. Dari perbuatan-perbuatan dan tinjauan-tinjauan yang dibuat ke atas gulungan 'Non-user', dapat dicatatkan sebagai 66% daripada mereka yang menunaikan ibadat sembahyang (genap lima waktu atau tidak genap tidak ditekankan di sini).

Perbandingan-perbandingan yang dibuat dari maklumat-maklumat yang diperolehi dari kedua-kedua gulungan informant ini (tentang ibadat sembahyang yang lima waktu) dapat diteliti dari jadual 4 (m)

Jadual 4(m): Penunaian Ibadat Sembahyang Lima Waktu oleh 'User' dan 'Non-user'

Sembahyang ditunaikan	'User'		'Non-user'	
	Bil.	%	Bil.	%
Cukup 5 waktu	0	0	8	24
3 - 4 waktu	2	6	5	15
1 - 2 waktu	7	21	9	27
Tidak pernah	24	73	11	34

#### 4.5 Penggunaan Dadah-Dadah 'Legal' oleh Ibu Bapa

Kajian menemukan ujudnya semacam perlanjutan kegenerasi (generational continuity) dalam penggunaan dadah. Ibu bapa yang menggunakan dadah, khususnya dadah-dadah 'legal' seperti tembakau dan alcohol adalah berkemungkinan besar untuk mempunyai anak yang juga menggunakan dadah yang juga menggunakan dadah baik dadah-dadah 'legal' maupun dadah-dadah 'illegal'. Tetapi apa yang jelas diperolehi oleh kajian ialah 75% pengguna-pengguna dadah, penghisap-penghisap ganja yang ditemui sebagai mempunyai ibu atau bapa atau penjaga yang menghisap rokok. Juga ditunjukkan 7% dari penghisap-penghisap ganja lainnya mempunyai ayah atau penjaga yang merokok dan peminum. Ini tidak bererti setiap ibu bapa yang perokok dan peminum, bakal mempunyai anak yang juga bakal menjadi peminum, perokok dan pendadah. Kerana dari 33 or

informant 'non-user' yang ditemui, 14 orang daripadanya adalah mempunyai ayah atau ibu atau kedua-duanya sekali yang merokok (4 orang dari ayah-ayah tadi adalah juga peminum). Tapi jelas dari hasil pemerhatian yang dijalankan bahawa 18 orang dari informant tersebut adalah mempunyai ayah, ibu atau penjaga yang bukan perokok dan peminum, berbanding dengan hanya 6% (2 orang) sahaja dari golongan 'user' yang mempunyai ayah, ibu atau penjaga yang tidak merokok dan minum (lihat jadual 4(n)).

Jadual 4(n): Penggunaan 'legal drug' oleh Ibu-bapa.

Ayah, ibu dan penjaga	'Non-user'		'User'	
	Bil.	%	Bil.	%
Menghisap rokok	10	30	25	75
minum minuman keras	1	3	3	9
merokok dan minum	4	12	3	9
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>	<b>45</b>	<b>31</b>	<b>93</b>

Perkaitan antara penggunaan rokok oleh ibu bapa dengan penggunaan dadah oleh anak-anak, bukanlah satu korelasi yang ujud langsung tetapi secara berperingkat, beransur-ansur dan indirect. Dari keterangan yang diterima dari penghisap-penghisap ganja itu, sebelum mereka diperkenalkan dan seterusnya menggunakan dadah, menghisap ganja, normalnya ia adalah seorang perokok, atau lebih tepat lagi penagih rokok

(ini dibincangkan lanjut dalam sub-topik menghisap rokok m.s. 84 dan dalam topic "menjadi pendadah" m.s. 100). Dalam korelasi tadi, merokok dapatlah dianggap sebagai 'stepping stone' atau inter-mediary.

Korelasi yang begini sebagai ujud sebenarnya punya kaitan dengan proses sosialisasi dan didikan informal yang diterima oleh anak-anak dirumah. Anak-anak tidak sahaja cuba menurut apa yang dinasihati, disuruh dan dinasehati oleh ibu bapa dan penjaga, tetapi juga cuba meniru kepada apa yang dilakukan oleh ibu dan bapanya kerana kedua-duanya adalah orang terdekat yang dihormati dan harus dicontohi. Dari peratus 93 penghisap-penghisap ganja yang terlibat dalam korelasi ini, 78 peratus darinya menghisap rokok sebagai perbuatan meniru dari ayahnya dan menganggap menghisap rokok sebagai satu perbuatan yang diwarithi.

Perkaitan antara penggunaan rokok oleh ibu bapa dengan penggunaan dadah (ganja terutamanya) adalah perkaitan yang sering ditemukan, malah disokong secara empirikal oleh kajian-kajian yang telah dijalankan dibeberapa tempat; Long Island (Lawrence and Velleman 1970), Toronto (Smart 1971), New Jersey (Lavenhar et.al 1971).

## RUJUKAN-RUJUKAN

1. Al-Quran, Surah Al-Maidah ayat 90.
2. EVO (The East Village Other, April 1967) dipetik dari The Marijuana Smoker (Goode, 1970) ms. 32.
3. Gannon, Thomas, M. 1970 "Religious Control and Delinquent Behavior", dalam The Sociology of Crime and Delinquency, eds. Wolfgang, Savitz and Johnston, New York, Wiley (2nd edition) ms. 499-508.
4. Goode, Erich, 1970, Marijuana Smokers, New York, Basic Books, ms. 32, 33, 35-36.
5. \_\_\_\_\_, 1972, Drugs in American Society, New York, Knopf, ms. 28.
6. Johnson, Bruce, 1972, Social Determinants of the Use of Dangerous Drug by College Student, New York, Wiley.
7. Lavenhan, Marvin et. al. 1971, "Adolescent Marijuana Use: Report on a National Survey", dalam First Annual International Conference on Student Drug Survey, Sept. 1971, Newark, New Jersey.
8. Lawrence, Ted and Vellemen, Jim, 1970 "Drugs/Teen-Alcohol/Parents", Science Digest, Oct. 1970, ms. 47-56.
9. Martin, John M. and Fitzpatrick, Joseph, 1964, Delinquent Behavior, New York, Random House.
10. Selifield, Michael, 1971, The Strange Case of Pot, Penguin Book, ms. 11.
11. Smart, Reginal G., 1971, "Drug Abuse among High School Students in Metropolitan Toronto", Drug Dependence and Abuse Resource Book, eds. P.F. Healy and J.P. Manak, Chicago, National District Attorneys Association.

## BAB V

Jadi ketara proses yang begini dimulai, yang berturut-turut begitu selesa setengah-setengah pada masa ini. Dalam perkembangannya proses yang instant itu dikenali dengan MINJADI SEORANG PENGHISAP

MINJADI PENGELESAH GANJA di "Switch On" atau

di "turn on" dari seorang "non-user" sahaja, penghisap rokok biasanya. Berdasarkan kepada keadaan bahawa ganja adalah 'non-addicting drug' maka tidak mungkin seseorang pengguna ganja itu menjadi penagih (addict) dan adalah tidak layak untuk dipanggil sebagai penagih ganja, walaupun ia telah menggunaikan dadah itu sejak entah berapa lama dan kuantiti ganja yang digunakannya entah berapa jumlahnya. Namun

'pengguna ganja' atau lebih tepat lagi untuk kontak kajian - penghisap ganja, sudah cukup untuk dirujukkan, dimaksudkan kepada manusia type ini.

'Menjadi penghisap ganja' sebenarnya adalah satu 'term' yang khusus, yang digunakan untuk dirujukkan kepada satu tarikh dimana berlakunya satu proses yang dinamik, yang serta merta (instantaneous) beralihnya seseorang itu daripada 'non-user' menjadi 'user'.

Kerana tidak ada ketagihan dalam penggunaan ganja, maka tidak seperti pengguna-pengguna dadah-dadah lain khususnya yang 'addicting' seperti amphetamine, barbiturates, dadah-dadah nakotik, atau juga tembakau, penghisap ganja tidak mengalami proses 'menjadi seorang pengguna dadah' yang berlangsung dalam satu jangka waktu yang panjang dari waktu pertama kali ia menggunakan dadah-dadah tadi hingga ke waktu ia merasa 'suka' dan ketagih kepada dadah-dadah itu. Tapi dalam penggunaan ganja, seseorang itu turus sahaja dipanggil sebagai 'menjadi seorang pengguna dadah' atau lebih tepat lagi 'menjadi seorang penghisap ganja' pada ketika-ketika ia menghisap dadah itu buat pertama kalinya.

Jadi kerana proses yang begitu dinamik, yang sertamerta begitu maka setengah-setengah penulis Inggeris dan Amerika menyamakan proses yang instant itu dengan proses hidupnya api litrik bila di 'Switch On' atau di 'turn on' dari seorang 'non-user' amnya, penghisap rokok khususnya, menjadi 'user', penghisap ganja.

Secara gambarajah dapatlah proses 'menjadi seorang penghisap ganja' atau 'turning on' diperlihatkan sebagai berikut:

status	'non-user'	'user'
	'non-cigarette' smoker	'Cigarette' smoker
proses	Ketagihan tembakau	'turning' on

Dalam kontak dadah ganja, proses 'menjadi penghisap ganja' atau 'turn on' itu sebenarnya mengandungi dua kenyataan yang saling kait mengait; pertama, percubaan kali pertama, menghisap ganja buat pertama kalinya, kedua, pengalaman 'high' yang pertama dari hisapan ganja. Dan ini adalah dilakukan secara sedar iaitu bahawa apa yang dihisap (atau ditawarkan untuk dihisap itu) adalah ganja, ia tahu (sebagaimana yang pernah ia difahamkan) bahawa itulah ganja yang akan dihisapnya.

Dilanjutkan ke dalamnya, ia menyentuh agak kelangungan-kelangungan yang panjang selepas tentang dadah itu, tentang kesan-kesan pergilaman-pengalaman nervous (high) yang dapat dinasai,

Jadi apa yang akan diperkatakan dalam bab ini ialah faktor-faktor utama yang menyebabkan seseorang itu 'turning-on' (Kajian dalam perbincangan-perbincangan selanjutnya akan menggunakan term 'turn on' ini sebagai merujuk kepada proses dinamik 'menjadi penghisap ganja' sebagai yang dibincangkan di atas tadi).

Keseluruhan pengguna dadah yang ditemui menyatakan bahawa mereka 'turn on' adalah disebabkan oleh pergaulannya dengan kelompok persahabatannya dimana ia sendiri terlibat dalamnya. Bahwa kawan-kawannya, terutama kawan-kawan rapat, yang karib, yang mendorongkan mereka untuk 'turn on'. Tidak ada seorang pun dari penghisap-penghisap dadah yang ditemui mengakui bahawa mereka 'turn on' dengan sendiri, secara bersendirian atau dengan kehendak hati sendiri dan menggunakan ganja yang dibeli dengan wangnya sendiri. Tetapi adalah 'turn on' dengan ditemani oleh kawan-kawan yang juga sama-sama menghisap dadah itu dan ia tidak tahu siapakah diantara kawan-kawan itu yang bersusah payah mengeluarkan wang untuk membeli ganja yang dihisapnya, tetapi sudah tentunya bukan dari wangnya.

Lama sebelum berlakunya 'turn on', terlebih dahulu ia diperkenalkan oleh kawan-kawannya, juga diperlihatkan bahan yang dikatakan ganja itu, tetapi dimasa ini ia menolak tawaran-tawaran kawan-kawan itu supaya ia mencuba menghisapnya, ia masih takut dan ragu-ragu terhadap dadah itu. Tetapi selanjutnya kawan-kawan itu memberikannya keterangan-keterangan yang panjang lebar tentang dadah itu, tentang bagaimana pengalaman-pengalaman seronok (high) yang dapat dirasai,

tentang bagaimana cara menggunakannya dan cara menghisapnya, dan meyakinkannya bahawa dadah itu sebenarnya tidaklah merbahaya sehebat yang dikatakan oleh orang-orang yang tidak pernah melihat dan menghisap ganja.

Keyakinan dan jaminan yang diberikan oleh kawan-kawan itu dirasakan sebagai keyakinan dan jaminan yang ikhlas, ikhlas dalam artikata persahabatan. Tidak nampak adanya unsur-unsur dendki atau sengaja untuk mempermankannya. Malah sebaliknya memberikan jaminan-jaminan keselamatan. Kawan-kawan itu juga telah menyediakan bekalan-bekalan dan perlatan-perlatalan lainnya tanpa memikirkan bahawa mereka telah bersusah payah mengeluarkan wang untuk membeli bahan itu. Tidak nampak bahawa tawaran-tawaran mereka itu mempunyai motif untuk mendapatkan keuntungan. Semua ini dilakukan seolah-olah untuk kebaikan dirinya.

Selama ini hanya kawan-kawan inilah yang selalu digaulinya dan dipercayainya. Kini kawan-kawan itu telah memberikan tawaran, dorongan malahan pengesahan baginya untuk menghisap ganja. Sebagaimana juga tawaran, dorongan, pertolongan, pengesahan yang diterimanya dan kawan-kawan ini dimasa-masa yang sudah-sudah. Kemahuan-kemahuannya kawan-kawan inilah yang terlebih dahulu patut dipenuhi kerana kawan-kawan itulah yang selalu memenuhi. Kemahuan-kemahuannya menolongnya, malah kawan-kawan itu adalah contoh yang patut dirujukkan. Jadi ia merasakan tawaran yang ditawarkan oleh kawan-kawan itu merupakan satu-satu yang akan mendatangkan kebaikan kepada perhubungan persahabatannya. Mungkin ia juga ingin merasa bagaimana pengalaman 'high' sebagai yang diterang-

kan, tapi rasa 'curiosity'nya telah ditenggelamkan oleh rasa tanggong jawab memenuhi kehendak kawan dan menjaga hati kawan. Seolah-olah 'turn on' itu satu penghormatan baginya, dan memenuhinya bererti memberikan satu penghormatan kepada kawan-kawannya.

Ditanya samada ia sedar bahawa apa yang dihisapnya itu adalah ganja yang dikatakan sebagai buruk oleh orang ramai, dan orang-orang yang menghisapnya adalah dipandang serong oleh masyarakat umum.

"Saya tahu orang akan benci kalau saya menghisap ganja. Tapi bila saya telah menghisap ganja, saya rasa persahabatan dengan kawan-kawan lebih irat. Orang ramai yang sentiasa memandang benci kepada orang-orang yang hisap ganja itu sebenarnya tidak tahu kebaikan-kebaikan yang didapati dari menghisap ganja. Saya tidak nampak yang kawan-kawan saya itu pernah buat tidak senonoh sehingga patut ia dibenci orang.

"..... orang ramai benci atau suka pada saya, saya tidak tahu. Yang jelasnya saya tidak merasakan apa-apa kesulitan kalau orang ramai benci kerana saya menghisap ganja. Tetapi saya lebih merasakan begitu sulit jika kawan-kawan membenci saya, dan dapat merasakan kesannya jika kawan-kawan suka pada saya".

Dari dua contoh jawapan yang diberikan dapat diambil kesimpulan bahawa seseorang itu adalah lebih rapat hubungannya dengan kelompok-kelompok kecil yang digauli - dimana hubungan-hubungan adalah bentuk 'face to face', 'personal' dan rapat dari hubungannya dengan kelompok yang lebih besar. Kerana itu penilaian yang dibuat oleh

kelompok adalah lebih dinilai dari penilaian yang dibuat oleh kelompok masyarakat yang lebih luas. Walaupun begitu serius penilaian yang dibuat oleh masyarakat, tapi penilaian yang dibuat itu hanya berkesan dalam keadaan-keadaan yang 'formal' dan 'impersonal'.

Selain dari faktor pergaulan dalam kelompok-kelompok persahabatan sebagai yang diterangkan, ada juga sebilangan pengguna-pengguna ganja yang ditemui 'turn on' disebabkan oleh faktor pergaulan, bukan pergaulan dalam kelompok-kelompok persahabatan, tetapi bergaul rapat dengan satu-satu orang tertentu, yang kemudian diketahui olehnya sebagai terlibat dalam pergaulan dalam kelompok-kelompok sebagai yang disebutkan. Ia sendiri tidak mau terlibat dalam kelompok-kelompok yang diketahuinya sebagai menghisap ganja. Tapi ia sendiri tidak tahu bahawa orang yang rapat yang dipercayai, yang dicontohi itu sebenarnya adalah penghisap ganja. Ia percaya (sebelum menghisap ganja) seperti apa yang orang ramai percaya bahawa ganja adalah buruk, tetapi bila ditanya mengapa ia 'turn on'.

"Saya mulanya percaya yang ganja itu buruk, tapi apabila saya tahu bahawa kawan karib saya yang saya kenal kebaikannya, yang saya hormati dan saya percaya, menghisap ganja, jadi saya mula memikirkan semula apakah ganja itu buruk sebagaimana yang orang ramai kata, jika buruk mengapa karib saya ini menghisapnya."

Seorang penghisap ganja yang lain memberitahu "saya tidak pernah melihat ganja sebelum itu dan saya tidak pernah ambil tahu

tentang benda itu, tetapi orang selalu kata ganja itu merbahaya dan buruk. Disatu hari kelepasan saya ke kampong Majid, (kira-kira dua batu dari kawasan kajian), untuk mengunjungi seorang abang sepupu. Ia bekerja sebagai kerani pejabat dan masih bujang. Saya hormati dia sebagai seorang abang, juga sebagai orang pandai, pernah mengajar dan membimbing saya diwaktu saya hendak hadapi peperiksaan SRP dahulu. Satu petang selepas minum petang dan duduk berhat-hat dan berbual bersama-sama sambil menghisap rokok, saya lihat ia menggulung-gulung daun nipah dan menghisapnya sambil tertawa-tawa bila saya bergurauan menyindirnya yang ia tidak mampu beli rokok. Tapi kemudian saya agak terkejut kerana dari penerangannya itu saya tahu bahawa apa yang dihisapnya itu adalah ganja. Saya hampiri dia untuk meneliti dan mengenal bahan itu, sambil itu dia terus membuat penerangan-penerangan lanjut mengenai dadah itu dan mempelawa "hendak cuba?" Pada mulanya saya bimbang dan teragak-agak untuk menerima sebab kata orang ganja itu buruk. Tapi saya ta' nampak bagaimana buruknya sebab orang yang begini saya hormati dan saya kenal kebaikan dan kepandaiannya, pun menghisap ganja, dan saya ambil keputusan "mari sku cuba sekali".

Bahawa seseorang itu sebelum melakukan sesuatu perlakuan yang ia sendiri kurang faham dan kurang pengetahuan, senantiasa menumpukan pandangan kepada orang-orang yang rapat, yang karib dan yang dipercayai untuk dicontohi, kerana seseorang tidak mungkin meletakkan seluruh kepercayaannya kepada orang-orang yang tidak dikenalinya.

Jika ia masih berpegang dan menerima anggapan 'ganja buruk' sebagai yang umum dianggap, ia harus menghadapi 'conflict' mental antara "ganja buruk" oleh masyarakat dengan "ganja baik" oleh orang-orang rapatnya. Penyelesaian conflict ini dapat diselesaikan dengan mudah iaitu dengan merujuk kembali penilaian-penilaian tentang ganja sebagai yang pernah dibuat samada oleh masyarakat atau oleh kelompoknya dan karibnya. Tetapi antara kedua-kedua penilaian ini, penilaian oleh kelompok dan kawan-kawan kariblah yang dipilih semula untuk dirujuk, kerana walaupun penilaian yang dibuat oleh masyarakat dipandang umum sebagai serious, tapi buat individu-individu penilaian itu tidak lebih dari penilaian yang 'formal' dari 'impersonal'. Tapi penilaian dari kelompok pergsulan dan kawan-kawan karib lebih bererti dalam artikata menolak bererti keluar daripada kelompok dan memutuskan keeratan persahabatan dan begitulah sebaliknya.

Memandang dari sudut kebolehan pada penghisap-penghisap ganja, kajian mendapati lebih dari 50% penghisap-penghisap ganja yang ditemui adalah mereka-mereka yang berkebolehan dan pada aspek-aspek tertentu ada diantara mereka yang benar-benar mempunyai kebolehan-kebolehan yang istimewa. Misalnya seorang 'expert' yan ditemui, disamping mempunyai kebolehan bergaul, mudah mesra dan ramai kawan, beliau dapat kajian golongkan kedalam gulungan bijak. Dari perbustan-perbuatan dan perbincangan pengkaji dapat mengagakkan bahawa ia punya pengetahuan yang luas dan banyak membaca. Perbincangannya critis, bernas dan mensrik hati. Beliau tidak sahaja dihormati (yang sudah

tentunya) dikalangan penghisap-penghisap ganja, tetapi juga dikalangan penduduk-penduduk kawasan itu, terutamanya dikalangan anak-anak muda, walaupun mereka tahu bahawa ia menghisap ganja.

Kebolehan-kebolehan lein yang dapat dibangga sebagai terdapat dikalangan penghisap-penghisap ganja di sini ialah kebolehan-kebolehan menyanyi, bermain musik, menulis cerpen, berjenaka, bersukan (bola sepak, takraw) melukis, mengukir, seni mempertahankan diri (taekwondo, silat dan bush-pukul Mersing). Mereka dikenal dan di 'respect' oleh penduduk-penduduk di situ sebagai orang-orang yang berkebolehan walaupun mereka diketahui sebagai penghisap-penghisap ganja.

Berdasarkan kepada pengaruh ini tidak hairanlah kalau mereka berjaya menarik masuk anak muda ke dalam kelompok mereka untuk sama-sama menghisap ganja. Dan ramai anak-anak muda cuba berkawan rapat dengan mereka, kerana tertarik hati dengan kebolehan-kebolehan istimewa mereka tadi.

Satu lagi faktor bagaimana dapat gulungan pengguna-pengguna dadah ini menyebarkan penggunaan ganja dikalangan kawan-kawan barunya ialah berkesannya 'dakwah' yang mereka 'lancarkan'. Mereka dapat memberikan penerangan-penerangan lanjut mengenai dadah itu dengan satu cara penerangan yang menarik dan menikmat. Misalnya menyatakan berapa banyaknya kebaikan dan keuntungan juga kegembiraan yang bisa didapatkan dari menghisap ganja. Juga memberikan jaminan dan keyakinan bahawa ganja sebenarnya tidaklah semerbahaya yang dijangkakan.

Tetapi umumnya penghisap-penghisap yang ditemuramah mengatakan bahawa mereka sebenar tidaklah menerima sahaja tawaran menghisap ganja buat pertama kali itu. Mereka menerima dan menghisap dadah itu setelah mereka rasa yakin dan sungguh yakin bahawa ganja tidak dapat mendatangkan keburukan seperti ketagihan, sakit. Kerana itu kajian tidak menemukan seorang pun diantara mereka itu yang 'turn on' secara bersendirien, kerana tindakan yang begini - mencuba sesuatu untuk mengetahui samada ianya merbahaya atau tidak - adalah tindakan yang bodoh. Tetapi mereka akan cuba menghisapnya jika dadah itu telah disahkan sebagai tidak merbahaya oleh orang-orang yang ia kenal kebaikan, yang dipercayai dan dihormatinya.

Walaupun begitu, kajian juga menemukan penghisap-penghisap ganja yang 'turn on' kerana memenuhi dan memuaskan rasa 'curiousity' terhadap dadah itu. Tetapi bilangan mereka adalah kecil sekali. Terlebih awal mereka telah tahu (dari pembacaan-pembacaan) bahawa ganja tidak menyebabkan ketagihan, dan ini amat menyenangkan kerana sesuatu yang dikatakan merbahaya pada satu-satu dadah itu ialah sifat 'addicting'nya. Tetapi sifat 'addicting' ini tidak ada pada ganja. Juga mereka mengetahui (juga dari pembacaan-pembacaan) bahawa banyak pengalaman yang menggembirakan bisa dirasai dari 'high' hisapan ganja. Mereka yang menghisap ganja atas maksud memenuhi rasa 'curiousity' begini umumnya terdiri dari pelajar-pelajar.

Dari hasil temuduga-temuduga, tinjauan dan penelitian yang diperkatakan tadi, kajian merumuskan sebagai terdapatnya 4 faktor yang

memainkan peranan dalam proses 'turn on'. Pertama, anggapan bahawa kebaikan dan keuntungan yang didapati dari menghisap ganja adalah banyak sekali, berbanding dengan keburukan-keburukannya yang sama sekali tidak dapat dikesan yang mungkin berakibat dari faktor yang kedua. Kedua, berkesannya penerangan yang menarik dan memikat dari kawan-kawan yang m menghisap ganja. Ketiga, mempunyai hubungan yang rapat dengan seseorang penghisap ganja, dan orang ini biasanya kelebihan sesuatu darinya. Keempat, ingin menunjukkan 'kesetiaan', kebaktian dan ingin memberikan 'penghormatan' kepada kawan-kawan yang memberikan pengesahan bahawa ganja tidak merbahaya. Satu lagi faktor yang mungkin juga dapat menyebabkan seseorang itu 'turn on' iaitu memenuhi rasa 'curiosity', adalah faktor yang lemah, kerana terlalu sedikit bilangan mereka yang 'turn on' disebabkan oleh faktor ini.

(1971) mengasaskan kesimpulan untuk berdasarkan dan berwujud dalam menggunakan ikuan-ikuan ini iaitu dengan menjelaskan kenyataan yang telah yang diambil dari hasil riset dan maklumat-faktor-faktor yang sebenarnya. Ia adalah lebih mudah percaya hanya kepada ikuan-ikuan negatif mengenai ganja seperti panas, bauang, sakit, nusikan-nusikan dan miris-sirih, tanpa membantul pertimbangan bahawa ganja juga dapat memberikan ikuan-ikuan yang positif yang mengesirakan seperti kelancaran, daya fizik dan mental, meningkatkan selera makan, yang merupakan ikuan-ikuan yang sering dimiliki oleh penghisap ganja yang sejuk 'high'.

Sebagel yang telah dijalankan awal-awal penulisan bahawa ikuan-ikuan negatif, misanya ganja, tidaklah begitu penting untuk berwujud bagi keadaan kejadian-hajatan makhluk atau peristiwa-pandangan bagi suatu pharosologi, kerisanjaya dalam sebuah projeksi makhluk

## BAB VI

### KESAN YANG DIRASAI DARI PENGGUNAAN GANJA

(Subjective effects of marijuana)

Kempen anti dadah yang dilancarkan hebat di mana-mana nampaknya tidak sahaja disalurkan melalui akhbar-akhbar, pamphlet pamphlet, radio tapi juga melalui karya-karya 'ilmiah'. Banyak hasil-hasil tulisan, buku-buku yang kelihatan lebih bermaksud untuk berkempen dan berdaayah dari memberikan fakta-fakta yang sebenarnya. Begitu juga dalam soal memperkatakan kesan-kesan yang dirasai oleh penghisap-penghisap ganja hasil dari hisapannya. Diketahui bahawa kesan ganja adalah subjektif sifatnya, jadi ada beberapa orang penulis (antaranya Munch 1966, Smith, Kline dan French 1967, Hill 1971) mengambil kesempatan ini untuk berdaayah dan berkempen dalam memperkatakan kesan-kesan ganja iaitu dengan mengeluarkan kenyataan yang salah yang cuba mengelirukan dan menolak fakta-fakta yang sebenarnya, juga dengan lebih membuat penekanan hanya kepada kesan kesan negatif dari penggunaan ganja seperti pening, bengeng, mabuk, muntah-muntah dan cirit-birit, tanpa membuat pertimbangan bahawa ganja juga dapat memberikan kesan-kesan yang positif yang mengembirakan seperti keselesaan, daya fikir dan mendalam, menimbulkan selera makan, yang merupakan kesan-kesan yang umumnya dirasai oleh penghisap penghisap yang sedang 'high'.

Sebagai yang telah dijelaskan awal-awal penulisan bahawa kajian ke atas dadah, khasnya ganja, tidaklah begitu perlu untuk bergantung hanya kepada kajian-kajian makmal atau pandangan-pandangan dari sudut pharmacologi, terutamanya dalam membuat penyataan mengenai

kesan ganja yang dikatakan sebagai berefah subjektif itu.

Di samping itu kajian tidak juga terlalu bergantung kepada 'finding' yang diperolehi secara interview, kerana apa yang diberikan boleh penghisap-penghisap itu adalah semata-mata pengalaman yang dirasainya dan diingatnya, sedang pengalaman yang dirasainya tetapi tidak diingat, tidak disebutkan dalam interview itu. Dan pengalaman itu dirasainya dari ganja-ganja yang dihisapnya, dan ia sendiri kurang pasti apakah mutu ganja yang dihisapnya, berapa banyak kuantitinya, apakah keadaan suasana keliling (environment) yang ada waktu ia sedang alami 'high'. Perhatian: Kajian hanya membuat tumpuan kepada kesan efek yang dirasai dari penggunaan ganja secara dihisap (smoked) melalui BD atau Hookah<sup>7</sup>.

Jadi untuk mengatasi masalah ini, kajian telah menyediakan satu senarai kesan ganja yang disedut/dipungut dan digubah berdasarkan perkara terlibat, sebagai yang dikemukakan dari tiga buah kajian yang pernah dijalankan berdasarkan kepada tiga orientasi yang berlainan iaitu dari sudut sosial (Goode 1970), sudut saikologi (Tart 1971) dan dari sudut perubatan (Halikas, Goodwin and Guze 1971).

Sebenarnya, kajian tidak menyedut bulat-bulat 'item' yang terdapat pada ketiga-tiga jadual/senarai itu. Kerana ada kesamaan item efik ganja antara ketiga-tiga senarai itu. Pemilihan item-item efik dari ketiga-tiga senarai tadi adalah didasarkan kepada pertimbangan, sendiri juga atas pertimbangan yang dibuat kepada hasil interview awal yang telah dijalankan terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran-gambaran kesar mengenai kesan-kesan dadah itu sebagai yang dirasai dan diingat dan disebutkan oleh penghisap-penghisap.

Jadi temuramah yang dijalankan buat kali keduanya adalah temuramah yang didasarkan kepada senarai efek yang digubah dari 3 senarai tadi. Dengan berpandukan kepada senarai baru ini, tiap tiap item kesan ditanyakan kepada tiap-tiap pendadah. Pertanyaan pertanyaan begini dianggap sebagai berkesan menyungkil semula ingatan-ingatan mereka tentang efek-efek ganja yang mereka rasai tetapi dilupai atau sengaja dilupai kerana difikirkan efek-efek itu sudah menjadi satu kebiasaan baginya. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang perkara ini, kajian tidak lupa juga untuk mengemukakan frequency satu-satu item dari senarai efek yang disediakan walaupun frequency itu hanya disediakan dapat dikemukakan dengan perkataan-perkataan 'selalu', 'biasanya', 'kadangkala', 'pernah sekali' atau 'tidak pernah'.

Malas bergerak, tak aktif	18	55	6	24	7	21
Daya fikir yang dalam	16	52	9	27	7	21
Medan tidak, tidak aktif	15	46	11	35	7	21
Daya cintawan lebih mencukup	13	39.5	13	39.5	7	21
Tidak dapat merasa	11	33	9	27	13	40
Syoknak dan masih silau	10	30	21	64	2	6
Lupa segera-segera	10	30	16	49	7	21
Pengalaman mati berulah-ulah	9	27	22	67	2	6
Histeria seperti kerak-kerak	6	18	25	76	2	6
Rabuk, panik, bangong	5	15	9	27	29	58
Tidak berdaya, lemah	2	6	6	18	25	76
Mentalis-mentalis	2	6	9	15	26	79

Jadual 6a: Kesan-kesan hisapan ganja

Kesan (Effect)	Selalu, biasanya		Kadang Kala		Pernah Sekali, tidak pernah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lebih selesa, aman, tenteram	33	100	0	0	0	0
Gembira, senang hati, bebas	33	100	0	0	0	0
Banyak ketawa, semua dirasa lucu	29	88	2	6	2	6
Masa berlalu begitu lambat	28	85	4	12	1	3
Daya dengar yang tajam, terutamanya kepada musik	26	79	7	21	0	0
Pening lalat, rasa terapong-spong	26	79	5	15	2	6
Berselera, makan lebih banyak	23	70	6	18	4	12
Dahaga, suka minuman manis	20	61	9	27	4	12
Malas bergerak, tak aktif	18	55	8	24	7	21
Daya fikir yang dalam	16	52	9	27	7	21
Mudah tidur, tidur selesa	15	46	11	33	7	21
Daya sentuhan lebih menarik	13	39.5	13	39.5	7	21
Tidak dapat membaca	11	33	9	27	13	40
Syahwat sex lebih nikmat	10	30	21	64	2	6
Lupa segala-galanya	10	30	16	49	7	21
Pandangan mata berubah-ubah	9	27	22	67	2	6
Merasa seperti kanak-kanak	6	18	25	76	2	6
Mabuk, pening bengang	5	15	9	27	19	58
Tidak berdaya, lemah	2	6	6	18	25	76
Muntah-muntah	2	6	5	15	26	79

Dari dua interview yang dijalankan ke atas 33 orang penghisap-penghisap untuk menerangkan (interview pertama) dan untuk mendapat penjelasan (interview kedua) tentang pengalaman yang mereka alami semasa (high) dan hisapan ganja, kebanyakan mereka memberikan jawapan sebagai merasa lebih selesa, aman dan tenteram, gembira dan senang hati. Dan jawapan selanjutnya dapat diperhatikan pada Jadual 6a.

Memerhatikan kepada efek-efek yang umumnya dikatakan oleh penghisap-penghisap sebagai selalu dan kerap terjadi, apa yang benar-benar ketara, yang dapat dibuatkan kesimpulan dari jawapan-jawapan yang diberikan ialah umumnya pengguna-pengguna cuba menerangkan bahawa pengalaman menghisap ganja (high dari hisapan ganja yang mereka alami) adalah menyenangkan, memberi kegembiraan atau lain-lain ungkapan yang dapat dirumuskan sebagai gembira, nikmat. Atau dengan lain perkataan mereka senang dan berpuashati sekali dengan apa yang mereka dapat dan rasai dari menghisap ganja.

Tetapi dari tinjauan-tinjauan yang dibuat, pengkaji mendapati penghisap-penghisap yang sedang 'high' kebanyakannya kelihatan seperti orang separuh gila. Perlakuanya berubah menjadi kelakuan yang berlebih-lebihan dan melampau dari kelakuannya yang normal seperti perlakuan orang-orang yang bigau, gonjol. Misalnya, bila ia tertawa, ketawanya kuat dan meleret-leret dan terkekuk-kekuk kelucuan seperti dibuat-buat dan ketawa yang sumbang, yang tidak pernah dilakukannya sewaktu ia normal.

Juga dari tinjauan-tinjauan yang dibuat pada saat-saat mereka menghisap ganja, kajian mendapati bahawa sebilangan besar penghisap-penghisap adalah berada dalam keadaan bimbang dan takut disaat-saat mereka hendak dan sedang menghisap ganja. Bimbang dan takut kena tangkap atau diserbu oleh polis, walaupun keadaan dan kedudukan tempat dimana mereka melakukan perbuatan itu adalah terselamat dari dikesan oleh polis. Perasaan takut dan bimbang ini dapat diperhatikan dengan telatah mereka yang tidak senang duduk, sentiasa menjengok-jengok keluar tingkap juga pekerjaan-pekerjaan yang dijalankan didalam suasana yang senyap.

Tetapi pada umumnya penghisap ganja adalah benar-benar puashati dengan pengalaman 'high' ganja sebagai yang dialami hasil dari sebahagian besar dari hisapan-hisapan yang dibuat. Dari pengalaman-pengalaman yang mengembirakan inilah penghisap-penghisap ganja terus menerus menghisap ganja walaupun ganja (*cannabis sativa*) dari sudut pharmacology adalah non-addicting drug.

Dari apa yang diterangkan oleh penghisap-penghisap tentang pengalaman-pengalaman dari hisapan-hisapan ganja, juga dari tinjauan dan temuramah yang selanjutnya, dapatlah diambil kesimpulan bahawa menghisap ganja umumnya dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti dan tujuan bersenang-senang bergembira dan bersukaria, Lihat sahaja efek-efek yang majoritinya dirasai oleh penghisap-penghisap ganja (lihat jadual 6a) – berselera, bersenang lenang, pandangan yang

tajam, juga efek-efek lain-lainnya seperti nafsu berahi yang mendalam, adalah efek-efek yang dapat dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti gembira - makan, mendengar musik, berasmara, dan tidor. Berdasarkan kepada masa-masa, waktu dan tempat mereka menghisap ganja seperti pada hujung minggu, hari-hari kelepasan, hari-hari kebebasan - hariraya, hari kebangsaan, menghadiri pesta, kawin, majlis tari menari - jelaslah ganja digunakan untuk tujuan bersuka-suka disamping menambahkan lagi rasa meriahnya suasana, dan segala aktiviti-aktiviti gembira dapat dirasai dengan bererti.

## RUJUKAN-RUJUKAN

1. Goode Erich, 1970, The Marijuana Smokers, New York, Basic Books.
2. Halikas, James A. Goodwin, Donald, W. and Guze, Samuel, B. 1971, "Marijuana Effects: A Survey of Regular Users" The Journal of the American Medical Association (AMA) 217, ms. 692-694.
3. Hill, Norman, 1971, ed. Marijuana: Teenage Killer, New York, Popular Library.
4. Munch, James, 1966, "Marijuana and Crime", Bulletin of Narcotics 18, (April-June, 1966) ms. 15-22.
5. Smith, Kline and French 1967, Drug Abuse: Escape to Nowhere, Philadelphia, Smith, Kline and French.
6. Tart, Charles, T., 1971, On Being Stoned: A Psychological Study of Marijuana Intoxication, Palo Alto, Calif: Science and Behaviour Book.

Menurutnya seperti yang diketahui bahwa marijuna juga dikenal sebagai penghalang dan obat-obatan untuk kebutuhan bersantai, menghilangkan rasa takut dan menjadikan seseorang lebih baik, meningkatkan ketekunan dan konsentrasi. Tersebutlah bagaimana sebabnya dulu ada "koridor" atau jalur-jalur yang membentuk jalur-jalur penting di dalam kerajaan Inggris-Belanda. Dalam hal ini marijuna merupakan bagian dari jalur-jalur tersebut.

"Pada masa silam selama perang dunia dua antara kerajaan di selatan - di negara Jawa-Kraeng, Sumatra-Sumbar, dan Negeri Aceh, di Sumatra Besar, serta selatan di Aceh itu tidak ada suatu kali di negara-negara tersebut yang tidak ada sebagian besar orang-orang mereka berminat dengan marijuna. Sebagian besar orang Jawa dan Aceh di bantaran sungai-baru di dalam wilayah Aceh-Lampung, diketahui menggunakan marijuna (Cannabis) dan di hasil-hasilnya kerajinan, kerajinan ini biasanya di buat di dalam daerah jalinannya."

(Habibie bin Ali 1973)

## BAB VII

### PENYEBARAN, JUAL BELI DAN PENGGUNAAN GANJA

Dalam tempuh dua tahun sahaja, meneliti hanya kepada data-data kepada data-data Rampasan Dadah Tahunan (sila lihat Jadual Ia ms. 3 ) jelaslah bahawa penanaman dan penggunaan ganja telah meningkat pesat. Walaupun adanya tekanan undang-undang (lihat Malaysia Penal Code Sections 274,275,276), juga tekanan dari pihak polis, kastam dan Biro Narkotik Negara namun penyebaran dadah ini belum bisa disekat, malahan, dari tekanan-tekanan ini, pendadah-pendadah (penanam, pemilik, pembahagi, penjual dan pengguna) lebih berhati-hati dan waspada dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pendadahan mereka.

Meninjau kepada fenomena-fenomena bagaimana ganja disebarluaskan, pengkaji sendiri telah pergi ke kawasan-kawasan tertentu, meninjau, membuat selidikan dan menjalankan sesi selidik bagi mendapatkan keterangan-keterangan terperinci bagaimana dadah ini 'berjalan' dari ladang-ladang atau tempat-tempat penanaman dalam bentuk tumbuhan-tumbuhan, ke tangan pengguna sebagai daun-daun kering berbungkus (kertas-kertas)

"Adalah didapati bahawa penanaman ganja ini amat berleluasan di selatan - di negeri Johor khasnya. Tempat-tempat itu adalah Benut, di daerah Pontian, Parit Sulung di daerah Batu Pahat dan Sungai Mati di Daerah Muar. Tanaman-tanaman yang luas itu adalah di kerakan secara haram didalam belukar tepi-tepi hutan, ditambah tumpangan sementara (T.O.L.) dan di tanah-tanah Kerajaan, terletak 6 hingga 8 batu ke dalam dari jalur-jalur.".

(Mohamed bin Ali 1973)

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kastam dan Ekssis Di Negeri Kluang, setakat ini belum lagi terdapat (dari serbuan-serbuan dan rapsasan-rapsanan yang dibuat yang menunjukkan adanya) penanaman ganja secara ladang atau besaran besar di Daerah Kluang ini. Namun demikian Penolong Penguasa Kastam Kluang yakin bahawa penanam-penanam ganja secara kecil-kecil dalam pasu-pasu bunga (untuk kegunaan sendiri) masih berleluasa di kawasan-kawasan pendalam, juga di kawasan-kawasan bandar di daerah ini.

Selain dari membuat serbuan-serbuan merampas dadah ini "pihak-pihak Kastam, Polis dan Kesihatan berazam penuh memberantas penanam-penanam dan posilik-posilik ganja".(Mohamad bin Ali 1975) Juga sebagai yang sering tersiar di akhbar Kejayaan besar pihak pihak tadi hanya terlihat dalam bentuk rapsasan-rapsanan. Pihak pihak Kastam, Polis juga mengakui hal ini dan mengakui mengesahkan penanam-penanam dan penjual-penjual ganja adalah sulit sekali, walaupun mereka berjaya merampas barang-barang yang ditanam dan dijualkan itu.

Tesuramah-tesuramah yang dibuat dengan 'expert-expert' tertentu, diketahui bahawa bekalan utama ganja untuk pengguna pengguna kawasan kajian adalah dibekalkan dari sebuah ladang ganja yang terletak 6 hingga 7 batu ke dalam dari jalanraya Parit Abdul Razid - Parit Botak di daerah Batu Pahat. 'Expert-expert' ini sendiri yang pergi ke ladang-ladang itu untuk mengambil bekalan dan dibawa balik ke Kluang dengan kereta sendiri, taxi atau motorsikal. Harga barang yang dibeli dari penanam-penanam adalah 80 ringgit

sekati (1969) sekarang (1974) berharga 200 ringgit sekati. Jumlah beliau maxima pernah dibuat ialah 10 kati tetapi biasanya 5 kati (jika dibawa dengan kereta) atau 1-2 kati (jika dibawa dengan motorsikal).

Pembayaran kepada pembelian barang dari penanam-penanam ini bukan pembayaran yang penuh mengikut harga yang telah ditetapkan. Tetapi pembayaran kepada 75% dari harga. Misalnya ia membeli sebanyak 1 kati dengan harga 200 ringgit, bayaran yang dibuat hanya 150 ringgit. Sedang baki 50 ringgit lagi akan dibayar bila ia datang lagi untuk mengambil bekalan yang baru. Keadaan begini berlaku berterusan sehingga tamat 'contract' yang dibuat. Baki 50 ringgit yang tidak dibayar itu dianggap sebagai 'insurance' kepada barang-barang tadi sekiranya barang itu dirampas. Kerana selepas berlakunya satu-satu rampasan, 'contract' secara otomatis terputus.

Mereka-mereka yang membeli ganja secara barang ini adalah juga mereka-mereka yang menjualkan ganja kepada pengguna, mereka dikenali oleh penghisap-penghisap ganja sebagai 'Kaki'. 'Kaki-kaki' inilah yang menggredikan dan membungkus ganja yang akan dijual. Ganja-ganja yang telah berbungkus, yang sedia untuk dijualken adalah dipanggil 'kartus'. Harga se kartus ganja sebagai yang terdapat dalam pasaran sekarang ialah \$1.80 hingga \$2.00, iaitu kira-kira 2 kali harga dalam tahun 1969 (\$1.00). Tidak ada ganja yang dijual dalam bentuk bidi (sedia untuk dihisap).

Sesungguhnya ditinjau dari ekonomi, perniagaan ganja merupakan satu aktiviti yang sangat besar keuntungannya.

Proses penjualan kepada pengguna-pengguna dikatakan sulit kerana setiap penjualan memerlukan istilah dan 'alamat' tertentu. Misalnya dibawah ini diperturunkan 'dialog-dialog's antara penjual dan pembeli sebagai contoh.

(PJ) Penjual	(PB) Pembeli	DIALOG I	Terjemahan Pengkaji
PJ		Ada hasil?	Sudah dapat gaji?
PB		Kenapa pulak?	Sudah, mengapa?
PJ		Dami!	Hendak beli ganja?
PB		Ada?	Betulkah ada?
PJ		Mesti!	Sudah tentu
PB		Best?	Ganja jenis baik?
PJ		Mesti! Ada pulak?	Mesti. Jangan ragu.
PB		Berapa?	Berspa harga sekartus
PJ		Dua ketul	Dua Rin git.
PB		Satu setengahlah	51.50 boleh?
PJ		Faham-fahamlah, sekarang susah	Faham-fahamlah, ganja susah dapat sekarang
PB		Ahi! cekak darah.	Ahi! Mahal sangat
PJ		Jangan sampai ta'jadi.	O.K. jangan sampai ta'jadi beli. 51.80.
		Satu lapanlah!	Hendak berapa kartus?
		Nak berapa?	

Istilah-istilah seperti 'dam', 'barang', 'rabang', 'barang best' 'barang bengang' (istilah-istilah dirujukkan kepada ganja), 'lopis', 'anjing' (polis), 'hantu' (orang-orang dalam yang menjadi ajen, barush polis), 'ketul' (ringgit), juga 'alamat' (sign, signal) tangan seperti mengoyang-goyang dan menggosok-gosokkan ibu jari ke tapak tangan (ganja), lengon tegak dan tapak tangan dibengkokkan

mendatar, serta ibu jari ditegakkan lurus ke atas membuat simbol anjing (bahaya! Ada polis atau hantu) adalah di antara simbol dan istilah-istilah yang digunakan dalam proses jual beli, juga dalam aktiviti ganja lainnya, atas tujuan-tujuan keselamatan dan pengawasan.

Walaupun masih ada lagi tawar menawar, si pembeli umumnya tidak berpeluang untuk memilih atau membuat pemeriksaan ke atas barang yang hendak dibelinya, memastikan apakah benar ganja atau memastikan apakah jenis barang yang dibeli itu jenis 'best' atau jenis 'bengang'. Perkara-perkara seperti ini diserahkan bulat-bulat dan diamanahkan sepenuhnya kepada penjual. Kerana sebab dan keadaan jual beli yang begini maka sangatlah perlu adanya saling kenal mengenal yang rapat dan saling percaya mempercayai antara kedua-dua belah pihak.

Penjual-penjual itu sendiri (baik 'kaki' juga 'kaki-kaki' kecil (runners) dalam masa yang sama juga adalah pengguna. Umumnya 'kaki' tidak menjualkan seluruh ganja-ganja yang ada padanya, juga 'kaki-kaki kecil' tidak menggunakan ganja yang diperolehi dari kassen jualannya, untuk kegunaan sendiri. Ganja-ganja yang tidak dijual, juga hasil dari kassen tadi umumnya digunakan, dihisap bersama-sama bersama pada satu-satu masa tertentu (misalnya pada hari-hari kebesaran) atau digunakan untuk menjamu tamu dan 'kawan-kawan baru'.

Walaupun demikian keadaannya ini tidak bermakna penghisap penghisap ganja (baik pembeli atau penjual) tidak menilskan wang. Sesorang pembeli tidak akan jadi membeli sekiranya harga barang

terlalu mahal. Ini disedari oleh 'kaki-kaki' dan 'kaki kecil' bahawa untuk mendapatkan pelanggan dan pembeli-pembeli yang tetap, ia tidak harus selalu bertindak sebagai penjual sahaja, tapi juga bertindak sebagai ~~dermawan~~, memberikan ganja-ganja percuma dan mengadakan 'jamuan-jamuan' (yang diistilahkan mereka sebagai 'belanja').

Hasrat pihak polis untuk menangkap penjual-penjual ganja dan bukan pengguna-pengguna ganja adalah hasrat yang sebenarnya diasaskan kepada anggapan penjual-penjual ini semata-mata berniaga untuk mencari keuntungan dengan serosakkan orang lain (pengguna pengguna). Juga anggapan bahawa hanya ada 2 atau 3 orang sahaja penjual-penjual dan dianggap kuantiti jualannya adalah besar sekali. Tapi dari selidikan dan soal selidik yang dijalankan, kajian mendapati bahawa anggapan-anggapan itu adalah tidak tepat.

Proses penjualan dadah ini sebagai yang telah dinyatakan tadi bukan proses jualan yang hanya melibatkan satu atau dua peringkat jualan, tetapi melalui sekurang-kurangnya tiga peringkat iaitu penanam - 'kaki' - 'kaki kecil' - pengguna, atau kadang-kadang lebih banyak peringkat-peringkat yang kompleks yang terdapat dalam proses penjualan ini. Tetapi secara umum proses penyebaran ganja dapatlah dikatakan sebagai berbentuk 'hierarchy' dengan penanam/pemilik dipuncak dan pengguna-pengguna dibawah. 'Kaki-kaki' juga tidak semestinya hanya bergantung kepada seorang penanam sahaja. Untuk mendapat sumber dan bekalan yang berterusan seseorang 'kaki' mungkin senghubungi lebih dari satu 'penanam'. Mempunyai 15 orang dari pedagang-pedagang tetap dan pengguna-pengguna berat,

Dalam peringkat-peringkat proses penyebaran yang demikian banyak dan kompleks sudah tentunya ianya tidak mungkin melibatkan 2 atau 3 orang. Memerhatikan hanya pada kawasan Kampung Melayu, pengkaji mendapati lebih kurang 5 atau 6 orang 'kaki' yang masing mempunyai 'kaki-kaki kecil'nya yang tersendiri. Tiap-tiap seorang kaki mempunyai kekurang-kurangnya 5 orang 'kaki-kaki kecil'. Kadang-kadang 'kaki-kaki kecil' ini pula bertindak sebagai 'kaki' yang mempunyai 2 atau 3 'kaki-kaki kecil' sendiri. Jadi dengan mengambil contoh kepada hanya seseorang 'kaki' proses penyebaran yang dijalankan adalah melibatkan sekurang-kurangnya 6 orang. Walaupun seseorang 'kaki' itu sudah mempunyai 5 orang 'kaki-kaki kecil' dibawahnya, kadang-kadang ia sendiri menjalankan aktiviti aktiviti menjual kepada pengguna-pengguna.

Dari temuduga-temuduga dengan informant-informant yang pernah menjalankan aktiviti-aktiviti jualan umumnya memberitahu, mereka hanya dapat menjual sepuluh kartus sahaja dalam satu-satu 'contract' menjual. Dan tidak seorang pun dari yang pernah menjual atau mau menjual lebih dari pada 20 kartus.

Sebagai yang diterangkan di atas bahawa penjual-penjual itu sendiri ('kaki', juga 'kaki-kaki kecil') dalam masa yang sama juga adalah pengguna-pengguna. Dari 33 orang informant yang ditemui 14 orang darinya (kira-kira 42%) adalah diketahui sebagai pernah menjalankan aktiviti menjual ganja (biasar pun sekali).

Meneliti kepada aktiviti penjualan sebagai yang dijalankan oleh 14 orang informant tadi kajian mendapati 13 orang dari pada mereka adalah pengguna-pengguna tetap dan pengguna-pengguna berat,

berbanding dengan hanya seorang sahaja dari golongan pengguna ringan (lihat Jadual 7a).

JADUAL 7a

Golongan pengguna ringan yang menghisap ganja untuk menyembuhkan penyakit dan/atau rasa tidak nyaman atau gelisah tetapi dibangkitkan

Menjual Ganja di Kalangan Penghisap

Pengguna/Penghisap Ganja	Terlibat dalam aktiviti penjualan		
Kategori pengguna*	Bil.	Bil.	Peratus
Pengguna Berat	4	4	100
Pengguna Tetap	19	9	46
Pengguna Ringan	10	1	10

\*Sila rujuk Jadual 4a.

Dilihat **gemacam** tendency kepada mereka-mereka yang banyak menghisap ganja untuk turut terlibat dalam aktiviti penjualan dadah itu. Kerana sebagai penjual, ia bisa mendapatkan bekalan yang cukup untuk keperluannya.

Meneliti kepada perbandingan kekerapan menghisap dengan kekerapan membeli ganja, didapati peratus membeli oleh pengguna pengguna tetap dan berat didapati lebih tinggi daripada peratus membali oleh pengguna-pengguna ringan (lihat Jadual 7b). Di kalangan pengguna ringan, 60% darinya mendakwa sebagai - kebanyakannya dari hisapan ganjanya bukanlah dari ganja yang dibelinaya, mereka banyak menumpang-menuspang hisap atau membali ganja yang hendak dihisap, secara kongsi.

Walaupun hampir seluruh pengguna-pengguna tetap dan berat didapati sebagai membeli ganja (nota: membeli di sini dimaksudkan kepada diperolehi bukan secara percuma - iaitu sanada dibeli ganja dari kansen atau ganja dalam simpanan) tetapi didapati hampir semua pengguna yang membeli ini tidak menghisap ganjanya secara berstendirian, tapi dihisap bersama-sama kawan-kawan yang lain.

Ini (lihat Jadual 7b) tidaklah bermaksud bahawa pengguna pengguna tetap dan berat itu lebih mampu membeli dan pengguna-pengguna ringan sebagai tidak berwang untuk membeli. Tetapi kekerapan belian oleh pengguna-pengguna tetap dan berat itu dapat menunjukkan bahawa mereka mengambil perhatian yang berat dan teliti ke atas harga dan keadaan pasar ganja dari masa ke semasa. Mereka cuba mengetahui lebih dekat bagaimana cara-cara dan kaedah-kaedah yang selalu dijalankan oleh 'kaki-kaki' hingga ia boleh terselamat dari bahaya-bahaya tangkapan polis dan sebagainya. Mereka cuba mengenal dengan lebih dekat dengan 'kulai-kaki' dan kalau boleh, dapat terpilih sebagai 'kaki-kaki kecil'. Pembelian mereka merupakan pembelian ganja dan menghisapnya bersama-sama kawan yang lain sebenarnya mewujudkan banyak tujuan. Mengbelanjah kawan-kawan seperti ini adalah salah satu cara membales budi kepada satu-satu pertolongan yang pernah diberikan oleh kawan. Juga mengadakan 'jamuan-jamuan' kepada kawan-kawan, terutamanya kepada 'kawan kawan basru' atau 'pengguna-pengguna ringan', seorang itu bisa dikonal dan di'respect' oleh orang-orang dalam 'kelompoknya'. Maju turun dalam jualan untuk mendapatkan keuntungan yang berlakihun, kerana dengan harga penuhan yang biasa itu sahaja,

bentuk jualan sendiri, sebagaimana yang berlaku.

JADUAL 7b

pendapatan mereka yang mendapat keuntungan yang berlebihan.

Kategori* Penghisap	Membeli dan hisap sendiri			membeli tapi hisap bersama-sama kawan			kongsi beli atau menumpang	
	Penghisap2	Bil.	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Berat	4	1	25	3	75	0	0	0
Tetap	19	2	11	13	68	4	21	0
Ringan	10	1	10	3	30	6	60	0

\*Sila rujuk Jadual 4a ms.

Di kalangan pengguna-pengguna yang pernah menjalankan aktiviti penjualan, umumnya mendakwa bahawa penjualan mereka bukanlah semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang berlebih-lebihan.

'Kaki-kaki kecil' yang ditemuramah menjelaskan bahawa mereka jarang sekali menjual ganja dengan harga lebih dari harga pasaran ataupun lebih dari harga minima yang ditetapkan (oleh 'kaki-kaki') dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Tujuan utama mereka menjual semata-mata untuk mendapatkan kamsen (dalam bentuk ganja) yang difikirkan cukup untuk kegunaannya. Jika ia merasa kamsen yang akan diterimanya tidak mencukupi keperluannya, barulah ia menjual dengan harga yang lebih dari yang ditetapkan dan keuntungannya akan digantikan (digunakan untuk membeli) ganja yang masih ada dalam simpanannya.

'Kaki-kaki' yang ditemuramah juga menyatakan bukanlah menjadi tujuan utama jualannya untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan, kerana dengan harga pasaran yang biasa itu sahaja,

hasil jualan sudah cukup untuk memberikan keuntungan yang berlipat ganda dari harga belian yang asal. Menurut seorang 'kaki' yang diminta memberikan penerangan tentang tujuan beliau berniaga ganja, berkata (lebih kurang)

"Untung memanglah untung. Tapi tengoklah kerjanya. Bukan senang bawak barang haram, banyak bahayanya. Kalau kena tangkap, masuk jannah jawapnya. Dalam Kampung kita ini cuma aku seorang yang berani buat business begini. Orang lain bukan tak boleh buat, tapi dia orang takut, takut kena tangkap. Ada satu masa dulu, bila orang-orang sebok fasal ganja, radio car polis selalu masuk dan pusing-pusing di sini, sebulan sku tak business. Ganja habis. Dia orang pergi beli dekat Kampung Melayu, tapi budak-budak Kampung Melayu tekan (jual mahal). Dia orang jumpa aku, suruh business lagi."

Bahawa apa yang jelas dinystakan oleh 'kaki' ini ialah dengan berniat begitu, ia semangat selama ini dihormati oleh penghisap penghisap ganja yang lain sebagai orang-orang utama dalam kelompok itu, cuba memperlihatkan keberanian dan kecekapan mereka membuat sesuatu yang membahaya dengan jaya. Juga kerana jasanya dalam membekalkan sesuatu yang diperlukan oleh kawan-kawan maka ini membuktikan bahawa sebenarnya patut menduduk tempat sebagai salah seorang yang dihormati dan di'respect'. Dengan berbuat begini juga ia sebagai seorang pengguna berat tidak akan alami keputusan bekalan ganja yang diperlukan untuk kegunaannya sendiri, di samping membekalkan ganja kepada kawan-kawan dengan harga yang agak murah jika dibandingkan dengan harga ganja di kawasan-kawasan lain.

Untuk jualan-jualan ganja kepada penghisap-penghisap yang tidak dikenal (penghisap-penghisap asing), yang tidak termasuk sebagai 'member' mereka, harga yang dikenakan adalah agak tinggi kecuali mendapat jaminan-jaminan dari 'member-member' sendiri

bahawa orang itu sebagai dikenali dan boleh dipercayai. Sebenarnya penjual-penjual khususnya 'kaki' seboleh-bolehnya cuba mengelakkan diri dari menjual barangnya kepada orang asing. Sebab itu ia menggunakan 'kaki-kaki kecil' untuk membantu jualan dan sebaran sebaran yang lebih berkesan.

Jadi tidak ada tujuan yang khusus mengapa 14 orang pengguna itu terlibat dalam penjualan ganja. Bagi penanam-penanam sebagai yang selalu **ditudua** bahawa motif keuntunganlah yang ada pada tujuan penjualan dan penanaman ganja yang dilakukannya. Tetapi menurut 'kaki-kaki' yang pernah sendiri pergi ke rumah penanam-penanam, memberitahu bahawa penanam-penanam itu umumnya adalah orang-orang kaempung yang miskin, bekerja sebagai penoreh penoreh getah atau mengupsh toroh getah orang lain. Dianggarkan (oleh 'kaki-kaki') sebagai sepuhnyai hitung panjang pendapatan kira-kira 100 ringgit sebulan, dan jumlah ini tentunya tidak mencukupi untuk membiasai belanja makan ahli keluarga yang ramai. Tetapi dengan menanam dan menjual ganja, hasil yang diperolehi dikirakan akan dapat menambahkan pendapatan yang tidak mencukupi itu.

1. Mohammad bin Ali 1973 (*Penolong Pengguna Kastam Kluang*) "Ganja: Pengenalan dan Akibatnya" dalam pamphlet yang dikeluarkan oleh Pejabat Kastam dan Eksais DiRaja Kluang, 14 Disember 1973. Selain menyebutkan ketugasan (physical dependence).
2. Malaysia Penal Code (F.M.S. Cap. 45) Chap. XIV Section 274, 265, 276.

walaupun hasil kerjadian pengkaji-pengkaji penelitian-survei dan peninjauan-ciri-ciri namalah dalam ini mengatakan perlakuan bahawa tidak dapat menyebabkan ketugasan kepada pengguna-pengguna. (Saito 1972, Ford 1967, Scottfield 1971) Iaitu dengan berlakunya hasil-hasil kajian yang pernah dilaksanakan, juga dari hasil teliti walaupun bahawa ganja adalah "non-addicting drug" (Cranscoetal. 1965, Bell et. al 1969, Blomviya 1969) – bahkan sebaliknya tidak membuat menyebabkan ketugasan, walaupun ia telah menghilang dalam itu sejak akhir berupa buah dan kantoi ganja yang dihisap untuk banyak manusia.

Jadi belumlah hasil kerjadian pengkaji-pengkaji yang menyalih pendapat itu, atau "hasil survei-survei", kerana masih ada lagi pengkaji pengkaji, peneliti-peneliti (Blomqvist 1968, Rungson 1971, Saifid 1970) yang masih berpegang kuat kepada anggapan bahawa penggunaan ganja beranotiskan physical dependence.

"I call it physically addictive. Most of the doctors fail to realize that now kids go from one to five to 20 to 37 joints, cigarettes, a day, and if you have stopped these kids abruptly off this marijuana they will go through a mild withdrawal." (Saifid 1970, p. 11).

Walaupun dendam bandaraya, dapat juga dikatakan bahawa di kalangan pengkaji, peneliti dan peninjauan namalah ganja, majoritinya adalah bersejuaan dengan perlakuan bahawa ganja adalah "non-addicting drug". Tetapi mengatakan perkara ini masih kontroversial – walaupun

## BAB VIII

### GANJA DAN KETAGIHAN (PHYSICAL DEPENDENCE)

Apakah ganja boleh menyebabkan ketagihan (physical dependence), adalah soalan yang masih lagi menerima jawapan yang 'controversial', walaupun hampir keseluruhan pengkaji-pengkaji pemerhati-pemerhati dan peninjau-peninjau masaalah dadah ini menerima pendapat bahawa ganja tidak dapat menyebabkan ketagihan kepada pengguna-penggunanya (Goode 1972, Ford 1969, Sochfield 1971) iaitu dengan berdasarkan kepada bukti-bukti kajian yang pernah dijalankan, juga dari hasil kajian makmal bahawa ganja adalah 'non-addicting drug' (Crenceetal. 1969, Neil et. al 1969, Mikuriya 1969) - bahawa seseorang tidak mungkin menjadi petagih ganja, walaupun ia telah menghisap dadah itu sejak entah berapa tahun dan kuantiti ganja yang dihisap entah banyak mana.

Jadi belumlah keseluruhan pengkaji-pengkaji yang menerima pendapat itu, cuma 'hampir keseluruhan', kerana masih ada lagi pengkaji pengkaji, pemerhati-pemerhati (Bloomquist 1968, Bensusan 1971, Baird 1970) yang masih berpegang kuat kepada anggapan bahawa penggunaan ganja kemungkinan physical dependence.

"I call it physically addicting. Most of the doctors fail to realize that some kids go from one to five to 20 to 27 joints, cigarettes, a day, and if you have stopped these kids abruptly off this marijuana they will go through a mild withdrawal." (Baird 1970, p. 11).

Biar pun demikian keadaannya, dapat juga dikatakan bahawa di kalangan pengkaji, pemerhati dan peninjau masaalah ganja, majoritinya adalah bersetuju dengan pendapat bahawa ganja adalah 'non-addicting drug'. Tetapi mengapa dikatakan perkara ini masih controversial - samada

ganja tidak menyebabkan ketagihan atau sebaliknya.

Berdasar kepada purata 'frequency' hisapan (dalam sebulan), hasil kajian menunjukkan 58% daripada penghisap-penghisap yang ditemui adalah pengguna-pengguna tetap, 12% pengguna-pengguna berat dan 30% lagi adalah pengguna-pengguna ringan (lihat Jadual 4a). Tetapi dalam temuramah temuramah untuk mengetahui 'frequency-frequency' hisapan yang sebenar (dalam sebulan) umumnya informant-informant memberikan jawapan-jawapan yang berbeza-berbeza antara satu bulan dengan bulan yang lain misalnya "... bulan lepas hisap 12 kali, bulan sebelum itu 3 kali sahaja, bulan ini belum hisap lagi ...."

Menanyakan soalan samada mereka akan menghisap ganja pada bulan hadapan terutamanya pada hari-hari kelepasan dan hari cuti am, umumnya jawapan-jawapan yang diberikan adalah seperti berikut (atau lebih kurang begini) "tidak tentu," "tengoklah 'mood'", "kalau ada duit lebih," "kalau ada barangnya, hisaplah, kalau tidak ada, tidaklah," "kalau ada kawan belanja hisaplah, fasal keluar duit sendiri, sorrylah".

Dari jawapan-jawapan yang diberikan oleh informant 'users' ini, kajian membuatkan kesimpulan bahawa menghisap ganja bukanlah satu kemestian yang mesti dipenuhi terus menerus oleh pengguna-penggunanya dari masa ke semasa. Walaupun kegiatan menghisap ganja ini umumnya dikaitkan dengan kegiatan-kegiatan yang menggembirakan tetapi tidak pula dapat dibuktikan bahawa penghisap-penghisap itu ada membuat persediaan awal untuk menghisap ganja pada waktu-waktu atau hari-hari tertentu di mana kegiatan-kegiatan yang menggembirakan misalnya menyambut Hari Kebangsaan, ke majlis tari menari dsb. berlangsung. Jadi tidak ada bukti yang kukuh yang dapat menunjukkan bahawa ganja boleh menyebabkan

ketagihan (physical dependence).

Tetapi di kalangan orang-orang biasa (leyyen) baik penghisap, maupun bukan penghisap, soal samada ganja menyebabkan ketagihan atau tidak, adalah soalan yang dijawab dengan jawapan-jawapan yang saling bertentangan di antara satu dengan yang lain khususnya di antara gulungan pro dengan gulungan contra-ganja, di antara 'user' dengan 'non-user'.

Umumnya gulungan 'user' dari pengalamannya (selama 3 tahun dan lebih) menghisap dada itu, mengatakan ganja tidak mendatangkan ketagihan. Hanya 3 orang dari 33 penghisap yang ditemui (3 orang ini adalah dari kategori pengguna-pengguna berat (frequent users) mengatakan ganja sebagai mendatangkan ketagihan. Jawapan-jawapan yang diberikan adalah dilandaskan semata-mata hanya kepada pengalaman-pengalaman yang dilalui. Dari pengalaman-pengalaman ini juga, (khususnya dari efek-efek yang dirasai dari menghisap ganja), penghisap-penghisap itu, ingin menerangkan kepada umum bahawa ganja sebenar-nya 'baik', kerana ia tidak menyebabkan ketagihan disamping memberikan pengalaman-pengalaman yang mengembirakan .

Penerangan-penerangan yang diberikan oleh penghisap penghisap ini seolah-olah mau memberikan alasan-alasan bahawa perlakuan-perlakuan mereka ada-lah perlakuan-perlakuan yang normal yang juga dapat dilakukan oleh orang lain. Ini dapat dianggap sebagai apa yang dimaksudkan oleh Sykes and Matza sebagai 'Technique of Neutralization' bahawa pendadah-pendadah itu cuba me'rational'kan perbuatan-perbuatan deviant yang mereka lakukan (Sykes and Matza, 1970.) dengan memberikan alasan-alasan sebagai yang disebutkan diatas tadi.

Soalan yang sama juga diajukan dalam temuramah-temuramah yang dibuat dengan gulungan non-user. Hampir seluruh informant-informant ini memberikan pendapat bahawa ganja adalah dadah yang boleh menyebabkan ketagihan. Banyak alasan-alasan dikemukakan bagi menyokong pendapat mereka itu. Antara alasan-alasan itu berbunyi "sedang rokok dapat menyebabkan orang ketagih, inikan pula ganja ...." "... Kalau tidak menyebabkan ketagihan, mengapa orang-orang yang menjual, memiliki ganja ditangkap polis". "... mesti ketagih, tengok sahaja budak-budak yang hisap ganja itu, kurus-kurus macam orang sakit" "... sebab ketagih itulah ganja diharamkan ...."

2. Sivapras, Ved A., 1971 "Sociological Factors in Marijuana Relation to Juvenile Delinquency" *The Juvenile Justice*, Vol. 1, No. 222-229.
3. Schmidhauser, Michael 1971, *The Sociology of Drugs*, Penguin Books.
4. Sykes, Quentin R. and Nease, E. 1970 "Techniques of Delinquency" *The Sociology of Crime and Deviance*, John Marshall, London and Jefferson, New York (Pergamon Education) no. 222-229.
5. Weil, Andrew T., Zinberg, Norman E. and Hollister, Judith E. 1969, "Clinical and Psychological Effects of Marijuana in Men" *Journal of the American Medical Association*, Vol. 202, No. 10, pp. 1001-1003.

RUJUKAN-RUJUKAN

1. Baird, Robert W. 1970 "Dr. Baird on Marihuana" Marihuana: First Report by the Select Committee on Crime, chairman Claude Pepper, Wash. D.C.: U.S. Government Printing Office, ms. 9-12.
2. Bensusan, A.D. 1971 "Marihuana Withdrawal Symptoms" "British Medical Journal 10, ms. 12.
3. Bloomquist, Edward R. 1968 Marijuana, Beverly Hill Calif.: Glencoe Press.
4. Crancer, Alfred Jr. et. al. 1969 "Comparison of the Effects of Marihuana and Alcohol on Simulated Driving Performance" Science 164, 851-854.
5. Ford, Joel 1969 "Pot: A Rational Approach", Playboy, Oct. 1969, ms. 31.
6. Goode, Erich 1972, Drugs in American Society, N. York: Knopf, ms. 44.
7. Mikuriya, Tod H., 1969 "Historical Aspects of Cannabis Sativa in Western Medicine" The New Physician No. 18, ms. 902-908.
8. Schofield, Michael 1971, The Strange Case of Pot, Penguin Books.
9. Sykes, Gresham M. and Matza, David 1970 "Techniques of Delinquency" The Sociology of Crime and Delinquency eds. Wolfgang, Savitz and Johnston, New York: Wiley (2nd edition) ms. 292-299.
10. Weil, Andrew T. Zinberg, Norman E. and Nelson, Judith M. 1969, "Clinical and Psychological Effects of Marihuana in Man" Science 162, (Dec. 1969) ms. 1234-1242.

## KESIMPULAN.

Satu aspek yang ketara yang melibatkan seseorang itu dalam penggunaan dadah, terutamanya menghisap ganja ialah Tekanan Sosial (Social Pressure). Ramai pemuda-pemuda menghisap ganja adalah disebabkan oleh faktur pergaulan, pergaulan dengan rakan-rakan yang menghisap ganja. Bahawa keengganan memenuhi kemahuhan kawan kawan bererti memutuskan hubungan dan dianggap terkeluar dari kumpulan persahabatan itu, dan sebaliknya memenuhi kemahuhan mereka bererti memberikan satu penghormatan dan mengeratkan lagi persahabatan .

Sebenarnya, perkaitan-perkaitan (*correlations*) yang pernah dibincangkan (dalam bab IV) iaitu perkaitan antara sex, merokok, kebandaran, kelas sosial, pegangan agama, generational continuity dengan penggunaan ganja, bukanlah perkaitan-perkaitan yang mau kajian tunjukkan secara '*over-simplified*', tetapi fakta-fakta tadi adalah yang bertindak sebagai persediaan "latar-belakang" atau merupakan keadaan-keadaan yang membolehkan seseorang itu untuk '*turn on*', walaupun ianya tidak dapat menyebabkan '*turn on*'.

Individu-individu umumnya memiliki sifat-sifat sosial yang sama, juga dalam masa yang sama memiliki cara hidup sosial yang sama, iaitu cenderung untuk membuat hubungan-hubungan sosial dengan individu lain. Tetapi latar-belakang hidup seseorang itu sebenarnya mempunyai pengaruh dalam membuat penentuan, individu-individu manakah yang harus dipilih oleh seseorang itu untuk dihubungi dan dimasukkan kedalam '*network*' hubungan sosialnya.

Faktur-faktur latar-belakang sosial sebenarnya tidaklah

dapat menyebabkan secara langsung sesorang itu terlibat dalam penggunaan ganja tetapi faktur-faktur latar-belakang tadi adalah faktur yang dikatakan sebagai faktur-faktur 'persediaan' yang mendorongkan sesorang untuk melibatkan diri dalam satu-satu network hubungan, atau lebih tepat lagi melibatkan diri kedalam satu-satu kelompok kecil yang mempunyai ciri-ciri sosio-budaya tertentu yang bersetuju, secucuk dengan ciri-ciri 'socio-cultural trait' yang dimiliki oleh sesorang itu, iaitu didalam kelompok mana dan dalam network hubungan mana sesorang itu di 'turn on'kan. Jadi, dalam hal ini network perhubungan persahabatan itu dapatlah dianggapkan sebagai perantaraan (intervening) antara latar-belakang sesorang dengan 'turn on' dan seterusnya penggunaan ganja.

Meneliti kepada empat faktur utama yang memainkan peranan berlakunya proses 'turning on' jelaslah bahawa aspek pergunaan adalah aspek terpenting dalam fenomena penggunaan ganja. Dan merujuk kepada bagaimana ganja digunakan-- seperti menghisapnya secara beramai-ramai, juga meninjau kembali kepada tujuan-tujuan utama ganja digunakan-- untuk bergembira, jelaslah bahawa menghisap ganja adalah satu aktiviti kelompok (group activity).

Didalam kelompok ini, terdapat semacam 'social pressure' kepada tiap-tiap ahli yang tidak atau cuba tidak melakukan norma-norma tertentu, misalnya menghisap ganja. Mereka-mereka yang enggan melakukannya dianggap sebagai terkeluar daripada kelompok (out cast). Begitu juga dalam soal 'rahsia' misalnya selok-belok jual beli, siapa yang menjual, siapa-siapa 'kaki', dan siapa kaki kecil adalah hal-hal yang mesti dirahsiakan daripada diketahui oleh bukan ahli, cuma diketahui dan patut diketahui oleh 'member' sahaja. Begitu

juga dengan 'trait-trait' budaya mereka yang lain seperti menyimpan rambut panjang, memakai jean 'Levi's' atau yang sama sapertinya.

Dilihat bagaimana penggunaan ganja sentiasa berjangkit mengalir dari seorang kesaorang lain yang semuanya berhubung dalam satu network perhubungan persahabatan. Bahawa dorongan utama menyebabkan sesaorang itu 'turn on' adalah kawan-kawannya sendiri, terutamanya kawan-kawan yang selama ini menjadi 'companion' nya, yang pernah mereka hormati dan menghargai pendapat-pendapat mereka sebagai kawan-kawan yang lebih tahu dari mereka.

Dan kawan-kawan ini dapat mempengaruhinya untuk terlibat dalam penggunaan ganja, bukan sahaja kerana kedudukan dan sifat kawan-kawan tadi sebagai yang disebutkan diatas, tetapi juga (kawan-kawan ini) memberikan keterangan-keterangan lanjut dan menilaikan ganja sebagai baik. Juga memberikan pengertian bahawa penggunaan ganja adalah tidak bersalah. Hal-hal ini sesungguhnya amat penting dalam menarik perhatian 'orang-orang baru' ini untuk mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Kerana dengan menunjukkan rasa takut atau teragak-agak dalam membuat satu-satu penerangan atau 'demonstrate' kepada orang-orang baru, mungkin ini gagal menarik minat dan perhatian mereka, yang mungkin juga turut takut yang kemudiannya kembali sedar bahawa perbuatan itu adalah salah dan buruk sebagaimana yang pernah disangka-sangkakan dulu.

Selain daripada pengesahan-pengesahan seolah-olah perbuatan itu tidak bersalah dan ganja tidak merbahaya, sebagaimana yang pernah tersebut tadi bahawa kawan-kawan itu juga memberikan keterangan-keterangan lanjut dan tunjuk ajar bagaimana cara menghisapnya, kelebihan-kelebihannya, kesan-kesan yang meng-

gembirakan , juga lain-lain penjelasan mengenai dadah itu sehingga terlihat seolah-olah semacam kempen. Kempen yang dijalankan oleh orang yang berpengaruh dan dipercayai selalunya dapat memberikan keyakinan kepada pengundi-pengundi untuk mengundinya. Juga dalam masa yang sama kawan-kawan tadi menyediakan ganja dan lain-lain peralatan untuk menjamu kawan baru tadi.

Sebenarnya bertentangan dengan pendapat umum bahawa dadah khasnya ganja tidaklah mudah diperolehi dan dapat dibeli saperti membeli rokok tau goreng pisang dikedai-kedai. Sebenarnya dadah ada lah mudah diperolehi jika sesorang itu adalah orang yang terlibat dalam network perhubungan persahabatan yang disebutkan diatas tadi dimana ia tahu bagaimana cara mendapatkannya, ia kenal siapa 'kaki kaki' dan siapa 'kaki-kaki kecil' dan dimana selalunya mereka ini berada, untuk menjualkan barang-barang jualannya, malahan untuk penghisap ringan atau 'orang-orang baru', mereka tidak perlu bersusah payah membeli,bekalan percuma, hisapan-hisapan percuma, 'belanja-belanja' dan 'kenduri-kenduri' bisa didapati dari ahli-ahli lama kumpulan tersebut.

Sebenarnya tidak begitu tepat untuk mengatakan bahawa hanya angkubah-angkubah sosiologi sahaja yang punya kaitan dengan ujudnya 'Sub-culture ganja', sehingga kita melupakan langsung 'variable' saikologi yang juga dapat diperlihatkan sebagai mempunyai perkaitan dengan dengan 'sub-culture' ini. Dapat dilihat dan dibuktikan bahawa penghisap-penghisap ganja mempunyai semacam personality yang dapat dibedakan dan berbeda dengan personality mereka yang tidak terlibat dalam aktiviti tersebut. Umumnya dari sikap sikap yang diperlihatkan, didapati bahawa penghisap-penghisap ini

tidak begitu gemar untuk mematuhi peraturan-peraturan dan kebiasaan yang lazim diikuti oleh orang-orang lain, tetapi lebih memperlihatkan sikap menentang (rebellions). Sikap 'rebellions' mereka ini terlihat bagaimana mereka melakukan perbuatan-perbutan yang tidak disukai oleh orang ramai seperti menyimpan rambut panjang, berpakaian kerumal dan menghisap ganja sendiri. Walaupun ada diterangkan diatas tadi bahawa jika ia tidak melakukan norma-norma kelompok, ia akan dianggap sebagai 'out cast'. Tetapi bukan kerana ia akan dianggap sebagai 'member' jika ia melakukan perbuatan itu, ia bisa melakukannya dan akan melakukan tanpa diugut sebagai 'out cast' (jika tidak melakukannya) kerana personaliti nya memang sudah begitu dan kebetulan pula personality ini se cocok dengan 'cultural trait' kelompok yang disertainya.

Juga dapat dilihat bahawa umumnya penghisap ganja adalah mempunyai personality yang dapat menunjukkan kelemahannya seperti mudah terpengaruh, kurang tabah dan tidak kuat pegangan,. Kerana didikan dan sosialisasi yang mendorongkan ia untuk selalu bergantung (dependent) dan mudah menurut kata orang yang menjadi tempat ia bergantung. Sikap-sikap ini jelas terlihat- bagaimana ia demikian mudah terpengaruh untuk menghisap ganja sebagaimana yang pernah diterangkan . Bukanlah kerana ia takut dianggap sebagai 'out cast' dan bukanlah kerana 'curiousity'nya untuk mencuba menghisap ganja dan bukan kerana ia ditawarkan untuk menghisap ganja dengan percuma, tetapi kerana personality nya tadi dan ditambah dengan rangsang-rangsang ini maka dengan mudah sahaja ia mengambil tindakan untuk 'turn on'.

Disamping memperlihatkan sikap-sikap mereka yang menun-

rukkan pula personality yang lemah, dapat juga dikesan dari perlakuan-perlakuan mereka bahawa mereka itu mempunyai kebolehan-kebolehan istimewa seperti pandai bergaul, flexible dimana dengan sikap-sikap begini ia bisa mempunyai kawan dan kenalan yang ramai, tidak sahaja dari golongan usr, tetapi juga golongan 'non/usr'. Sifat-sifat begini dapat dilihat sebagai ketara dikalangan pengguna-pengguna berat, orang-orang penting dalam kelompok seperti 'kaki' juga 'kaki-kaki kecil').

Dan dapat dirasakan bahawa variable-variable saikoloji ini mempunyai pengaruh yang kuat mempengaruhi seseorang untuk terlibat dalam penggunaan dadah. Walaupun tidak dapat ditolak bahawa variable sosiologi dapat memberikan perbedaan antara golongan 'usr' dan golongan 'non/usr', tetapi untuk kajian ini hanya satu sahaja faktur sosial yang benar-benar dapat menyebabkan seseorang itu 'turn on' iaitu faktur pergaulan. Sedang faktur-faktur lain seperti sex, umur, latar belakang keluarga, merokok, penggunaan 'legal drug' oleh ibu bapa lebih merupakan 'intervening' untuk membolehkan seseorang untuk masuk dalam satu-satu network hubungan persahabatan. Tetapi kajian tidak bermaksud mengatakan bahawa faktur-faktur yang dapat digolongkan sebagai 'intervening' tidak penting. Penggunaan faktur dan variable-variable ini dianggapkan sebagai sama dengan menggunakan variable-variable seperti 'slum resident', 'miskin', 'working mother', 'broken home' untuk melihat penggunaan dadah, iaitu merupakan variable-variable yang 'indirect' untuk menyebabkan sesuatu itu berlaku.

Ada diantara sociologist, dalam usaha menerangkan ujudnya 'Drug-Subculture' telah mengatakan tiori-tiori yang diasaskan

kepada anggapan-anggapan bahawa penggunaan dadah adalah satu penyelesaian (retreatism) dan penyesuaian terhadap masalah 'Social Adjustment', dan mereka (golongan retreatist) ini tertarik untuk menggunakan dadah atas sebab-sebab bahawa mereka adalah orang-orang yang dikatakan sebagai mengalami kegagalan yang berganda (double failure)-(lihat Merton 1970, juga lihat Cloward & Ohlin 1970).

Pandangan mereka yang begini seolah-olah cuba menetapkan (conform) bahawa ekspektasi masyarakat sebagai 'normal'. Jadi penerangan-penerangan yang dibuat keatas 'drug-subculture' adalah penerangan-penerangan yang dibuat keatas sifat-sifat yang 'disfunctional' dan pathologi yang terdapat pada satu golongan yang menganggap ekspektasi-expektasi masyarakat itu sebagai 'tidak normal'!

Peninjauan perlakuan pengguna-pengguna dadah (penghisap ganja khasnya) dari perspektif 'drug-subculture' itu sendiri adalah memberikan satu penilaian yang berlainan samasekali dengan penilaian yang diberikan dari tinjauan-tinjauan melalui perspektif 'dominant culture' sebab tinjauan dari perspektif 'dominant culture' perlakuan penghisap-penghisap ganja dianggap sebagai bodoh, mencari penyakit, jenayah dan tidak bertanggung jawab. Sedang dari perspektif 'subculture' itu sendiri dinilai kan perbuatan menghisap ganja itu sebagai baik, mendatangkan kegembiraan dan menghormati kawan. Dan maksud 'tanggung jawab' dalam tidak-bertanggung jawab sebagai yang dikatakan menurut perspektif dominant culture itu adalah berlainan sekali dengan apa yang dimaksudkan sebagai 'tanggung jawab' dari perspektif

subculture itu.

Jadi maksud dan validiti konsep 'retreatist' yang dirojokkan kepada penghisap-penghisap dadah itu adalah diasaskan kepada 'value assumption' bahawa mereka (penghisap-penghisap ganja) juga mahu mencapai 'cultural goal' yang sebenarnya mahu dicapai oleh masyarakat umum (juga bagi para Sociologists tadi). Hasil kajian menunjukkan persetujuan bahawa 'value assumption' yang dinyatakan oleh para Sociologists itu adalah benar. Tetapi kajian tidak nampak bagaimana dapat hendak dikatakan (berdasarkan kepada finding) bahawa adanya bukti-bukti yang menunjukkan yang penghisap-penghisap ganja itu telah mengalami 'double failure' sehingga ia patut digolongkan kedalam golongan 'retreatist' tersebut. Setakat yang diperlihatkan bahawa menghisap ganja adalah group activity dan maksud-maksud penggunaannya dapat disebutkan sebagai mendapatkan kegembiraan dari hisapan, digunakan pada masa masa tertentu seperti melakukan aktiviti gembira sahaja, memberikan satu penghormatan kepada kawan-kawan dan memperiratkkan tali persahabatan. Dan tidak juga terbukti bahawa penghisap-penghisap ganja ini tersisih dari masyarakatnya kerana perbuatannya hanya menghisap ganja.

Malah terdapat dikalangan penghisap ganja disini, terutamanya pengguna-pengguna berat dan 'kaki-kaki' adalah merupakan orang-orang yang dikenali, malah dihormati kerana kebolehan kebolehan mereka yang membanggakan dilapangan-lapangan seni musik, seni lukis, penulisan, sukan, yang dapat dibanggakan. Mereka juga seperti orang-orang lain bisa menjalankan tugas-tugas mereka sebagai ahli-ahli masyarakat yang lebih besar dehgan baik.

Malah lebih dari itu, mereka gemar menolong orang (terutama bila ada majlis kahwin) dan selalu membuat kebajikan, setakat yang terdaya oleh mereka.

Bahawa dari kajian yang dibuat dapatlah ditunjukkan bahawa didalam banyak dan majoriti aspek, pengguna-pengguna ganja adalah menjalani hidup, cara hidup dan mematuhi norma-norma masyarakat sebagai yang juga dijalani oleh anggota-anggota masyarakat yang lain. Kelainan golongan ini dengan masyarakat ialah penggunaan ganja. Kerana anak-anak muda selalunya suka berkumpul-kumpul, berbual-bual dan kerana menghisap ganja itu merupakan aktiviti kelompok, maka pengguna-pengguna ganja adalah tidak dapat dielakkan dan seterusnya aktiviti-aktiviti pendadahan yang lainnya. Sebagaimana juga yang pernah dikaji di Amerika Syarikat iaitu,

"there is no statistical evidence associating marijuana with violence in The United States"  
(Louria 1968).

Kajian tidak menemui sebarang perbuatan jenayah dan 'violence' sebagai pernah dilakukan oleh penghisap-penghisap ganja disini. (Pehatian: Dalam pembicaraan disini kita harus menerima fakta bahawa memiliki ganja adalah jenayah iaitu sebagai temaktub dalam Seksyen 274, 275 dan 276 Malaysia Penal Code. Dan berasaskan kepada fakta ini maka dikatakan bahawa penghisap-penghisap ganja itu adalah penjenayah. Tetapi untuk konteks perbicaraan disini, kajian memaksudkan jenayah adalah jenayah yang lain dari pada jenayah ganja (marijuana crime) iaitu non-marijuana crime). Tidak ada jenayah yang pernah dilakukan oleh penghisap ganja

yang ditemui, baik jenayah yang mungkin ditemui dan dilakukan secara sedar (normal) atau tatkala 'high' ganja.

Disebutkan tadi bahawa dalam banyak hal penghisap-penghisap ganja adalah sama dengan lain-lain anggota masyarakat dalam menjalani hidup sehari-hari. Kelainan-kelainan yang ujud hanyalah penggunaan ganja dan beberapa cara hidup anak-anak muda seperti memakai pakaian yang menjadi fesyen dikala itu, menggunting rambut ala David Bowie, yang bagi mereka adalah dapat dibanggakan (atau 'terror' mengikut istilah mereka), tetapi bagi kelompok-kelompok masyarakat yang lebih besar memandang perkara-perkara ini sebagai satu keganjilan.

Kepercayaan bahawa dadah adalah satu pelarian (retreat) sebagai yang masih dipegang oleh banyak orang, sebenarnya adalah kepercayaan yang asalnya dirojokkan kepada apa yang pernah berlaku dikalangan penghisap-penghisap cандu Cina. Tetapi dengan timbulnya dadah-dadah baru seperti morphine, heroin (juga dari keluarga cандu), ganja, mandrax, LSD, STP, juga diikuti dengan munculnya satu golongan Bohemian yang menggelar diri mereka sebagai 'hippie' itu, maka kepercayaan yang begitu masih lagi dipegang orang, bukan sahaja untuk dirojokkan kepada pengguna-pengguna cандu, tetapi juga kepada semua dadah-dadah baru yang disebutkan tadi.

Dari konteks penggunaan ganja sebagai yang dilihat dalam kajian ini, konsep 'retreat' dan 'double failure' oleh Merton, juga oleh Cloward dan Ohlin itu sebenarnya tidak ujud dan tidak dapat dibuktikan.

Rujukan-rujukan:

- Cloward, Richard A. and Ohlin, Llyod A (1970) "Different Opportunity Structure" dalam Wolfgang, Savitz and Johnston (eds.) The Sociology of Crime and Delinquency. New York : Wiley.  
Muka surat 300-319.
- Louria, Donald. (1968). The Drug Scene . New Nork : McGraw-Hill.
- Merton, Robert K. (1970) " Social Structure and Anomie " dalam Wolfgang, Savitz and Johnston (eds.) The Sociology of Crime and Delinquency. New York : Wiley. m.s. 238-246 .